



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN NEGARA**

**PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGKAL PERTAMA  
MESYUARAT KETIGA**

## K A N D U N G A N

<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 1)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b> Rang Undang-undang Perbekalan 2013	(Halaman 17)
<b>USUL:</b> Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 32)

**AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

1. Yang Berhormat Tuan Yang d-Pertua, Tan Sri Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Doris Sophia ak Brodi
3. “ Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar (Dilantik)
4. “ Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman (Dilantik)
5. “ Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan (Perlis)
6. “ Dato' Sri Abdul Wahid bin Omar – *Senator*  
-*Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
7. “ Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop (Johor)
8. “ Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md Hanipah - *Senator*  
-*Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan*
9. “ Dr. Ariffin bin S.M. Omar (Pulau Pinang)
10. “ Tuan Baharudin bin Abu Bakar (Dilantik)
11. “ Puan Bathmavathi a/p K.Krishnan (Dilantik)
12. “ Dato' Boon Som a/l Inong (Dilantik)
13. “ Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah (Selangor)
14. “ Puan Chew Lee Giok (Dilantik)
15. “ Tuan Chiew Lian Keng (Dilantik)
16. “ Datuk Chin Su Phin (Dilantik)
17. “ Datuk Chiew Tiang Chai (Dilantik)
18. “ Dato' Dayang Hajah Madinah binti Tun Abang Haji Openg (Sarawak)
19. “ Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah (Dilantik)
20. “ Dato' Sri Iris Jala @ Idris Jala (Dilantik) – *Senator*  
-*Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
21. “ Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman (Dilantik)
22. “ Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh (Dilantik)
23. “ Dato' Dr. Johari bin Mat (Kelantan)
24. “ Datuk Haji Kadzim Haji M. Yahya (Sabah)
25. “ Puan Hajah Khairiah binti Mohamed (Kelantan)
26. “ Dato' Khairudin Samad (Dilantik)
27. “ Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon (Dilantik) – *Senator*
28. “ Tuan Lihan Jok (Sarawak)
29. “ Dato' Lim Nget Yoon (Pahang)
30. “ Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan - *Senator*  
-*Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan*
31. “ Datuk Dr. Lucas bin Umbul (Sabah)
32. “ Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit (Dilantik)
33. “ Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim (Dilantik) – *Senator*
34. “ Dato' Maznah binti Mazlan (Dilantik) – *Senator*

35. Yang Berhormat Tuan Mohamad Ezam bin Mohd Nor (Dilantik)
36. “ Datuk Seri Hj. Mohd Ali bin Mohd Rustam (Melaka)
37. “ Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad (Perlis)
38. “ Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin (Kedah)
39. “ Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Oмарdin (Dilantik)
40. “ Dato' Muhammad Olian bin Abdullah (Dilantik)
41. “ Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai (Dilantik)
42. “ Datuk Hajah Noriah Binti Mahat (Dilantik)
43. “ Puan Norliza binti Abdul Rahim (Dilantik)
44. “ Datuk Pau Chiong Ung (Dilantik)
45. “ Datuk Paul Low Seng Kuan – *Senator*  
-*Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
46. “ Datuk Raja Ropiaah binti Raja Abdullah (Dilantik)
47. “ Puan Hajah Rohani binti Abdullah (Terengganu)
48. “ Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman (Pahang)
49. “ Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal (Dilantik)
50. “ Datuk Haji Saat bin Haji Abu (Melaka)
51. “ Tuan Saiful Izham bin Ramli (Kedah)
52. “ Datuk Subramaniam a/l Veruthasalam (Dilantik)
53. “ Dato' Syed Ibrahim bin Kader (Dilantik)
54. “ Dr. Syed Husin Ali (Selangor)
55. “ Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud (Pulau Pinang)
56. “ Tuan Waytha Moorthy Ponnusamy – *Senator*  
-*Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
57. “ Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas (Dilantik)
58. “ Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus (Dilantik)
59. “ To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin (Terengganu)

**DEWAN NEGARA**

**Ketua Pentadbir Parlimen**  
Dato' Lamien bin Sawiyo

**Setiausaha Dewan Negara**  
Datuk Zamani bin Haji Sulaiman

**Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)**  
Encik Che Seman bin Pa Chik

**PETUGAS-PETUGAS PENYATA RASMI (HANSARD)**

Azhari bin Hamzah  
Monarita binti Mohd Hassan  
Rosna binti Bujairomi

Nurziana binti Ismail  
Suriyani binti Mohd. Noh  
Aisyah binti Razki  
Yoogeswari a/p Muniandy  
Nor Liyana binti Ahmad  
Zatul Hijanah binti Yahya  
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir  
Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan  
Hafilah binti Hamid  
Siti Norhazarina binti Ali  
Mulyati binti Kamarudin  
Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli  
Sherliza Maya binti Talkah  
Mohd Salleh bin Ak Atoh

Nor Hamizah binti Haji Hassan  
Azmir bin Mohd Salleh  
Nur Nazihah binti Mohd. Nazir  
Noraidah binti Manaf  
Mohd. Izwan bin Mohd. Esa  
Nor Kamsiah binti Asmad  
Siti Zubaidah binti Karim  
Aifarina binti Azaman  
Noorfazilah binti Talib  
Farah Asyraf binti Khairul Anuar  
Julia binti Mohd. Johari  
Syahila binti Ab Mohd Khalid  
Siti Norlina binti Ahmad  
Hazwani Zarifah binti Anas  
Siti Aishah Md Nasir



**MALAYSIA**  
**DEWAN NEGARA**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS**  
**PENGGAL PERTAMA**  
**MESYUARAT KETIGA**  
**Rabu, 11 Disember 2013**  
**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**  
**DOA**

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin** minta Menteri Pendidikan menyatakan, sejauh manakah kesan perkongsian transformasi sistem pendidikan negara melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 dengan anggota Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) di Persidangan UNESCO di Perancis baru-baru ini.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin]:** Terima kasih Yang Berhormat To' Puan Hajah Zaitun atas soalan berkaitan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semasa Persidangan UNESCO di Perancis baru-baru ini, Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan atau (PADU) telah mengadakan pameran serta *gallery walk*, dengan izin bagi berkongsi transformasi Sistem Pendidikan Negara melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia atau PPPM yang bermula pada tahun ini hingga tahun 2025.

Ini merupakan salah satu langkah penglibatan aktif Kementerian Pendidikan Malaysia di dalam aktiviti organisasi pendidikan antarabangsa seperti UNESCO dan organisasi *subsidiarynya*. Kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia dengan UNESCO dapat membantu negara membangunkan sistem pendidikan yang bertaraf dunia di samping mewujudkan perkongsian kepakaran ke arah meningkatkan kualiti pendidikan negara sejajar dengan saranan Rancangan Malaysia Kesepuluh.

Penglibatan Kementerian Pendidikan Malaysia dalam persidangan antarabangsa juga menjadi satu langkah pendedahan sistem dan produk pendidikan negara ke peringkat antarabangsa. Dengan langkah tersebut juga, sistem pendidikan kita akan diterima dan diiktiraf di peringkat antarabangsa dan secara tidak langsung menjadi penanda aras kepada negara-negara membangun yang lain. Sekian, terima kasih.

**To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang diberikan. Terlebih dahulu saya ucapkan tahniah kepada kerajaan khususnya Kementerian Pendidikan yang melancarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) yang meletakkan Malaysia dalam kalangan tiga negara terbaik dari segi prestasi dalam penilaian dengan kajian Trend Pendidikan Matematik dan Sains Antarabangsa (TIMSS) dan Program Penilaian Pelajar Antarabangsa (PISA).

Akan tetapi, cabarannya adalah untuk menjadi negara pesaing dalam aspek piawai dan penanda aras. Soalan tambahan saya, sejauh manakah pameran PPPM di Persidangan UNESCO di Paris yang lalu telah memberikan impak pelaksanaan PPPM terhadap sistem pendidikan dunia? Apakah input berhubung dengan sistem pendidikan negara daripada panel pakar bebas terdiri daripada Pakar Pendidikan Terkemuka Rakyat Malaysia dan Pendidik Global dari UNESCO, Bank Dunia, Persatuan Antarabangsa bagi Penilaian Pencapaian Pendidikan atau (IEA) dan Organisasi Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (OECD).

Sejauh manakah PPPM sebagai pelan strategik selama 13 tahun, kerajaan mampu mencapai prestasi tinggi sistem pendidikan negara berdasarkan prestasi semasa dan cabaran-cabaran sistem persekolahan Malaysia?

Apakah program transformasi komprehensif bagi sistem pendidikan negara termasuk perubahan utama terhadap Kementerian Pendidikan dan sistem penyampaianya serta sejauh manakah Malaysia akan mendapat kepakaran Institut Antarabangsa bagi Penyelidikan Pendidikan (IIEP) bagi membantu memantapkan lagi pelaksanaan PPPM. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Terima kasih Yang Berhormat atas soalan berkaitan dengan pengiktirafan dan kejayaan atau keberkesanan PPPM. Di sini saya hendak sampaikan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa memang apabila PPPM dibentangkan di UNESCO baru-baru ini, PPPM diterima dengan baik kerana Ketua Pengarah Madam Irina Bokova, Ketua Pengarah UNESCO sudah mengemukakan satu komen bahawa dengan izin "*Malaysian Educational Blueprint is a commendable effort*", dengan izin.

Di sini, selain daripada itu sebelum *blueprint* dilancarkan pada 6 September, Mantan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia iaitu Tan Sri Ghaffar sudah dijemput untuk membentangkan PPPM di beberapa negeri iaitu *member countries of UNESCO*, dengan izin. Pada Julai tahun 2013, beliau selepas membuat pembentangan itu mendapat jemputan dari ahli-ahli negeri dalam UNESCO untuk berkongsi pengalaman dalam perancangan PPPM.

#### ■ 1010

Beliau juga diminta untuk memberi satu pembentangan lagi untuk memberi tunjuk ajar bagaimanakah PPPM disediakan. *There was a good interaction*, dengan izin, antara Kementerian Pendidikan Malaysia dan UNESCO. Apa yang sangat penting di sini adalah apabila PPPM disediakan, ini bukan hanya dapat input dari Kementerian Pendidikan Malaysia tetapi kementerian juga dapat input penilaian sistem pendidikan Malaysia dari UNESCO melalui satu kajian yang berkaitan dengan pelaksanaan sistem pendidikan di Malaysia dan semua faktor diambil kira.

Sekiranya kita rujuk kepada PPPM, semua isu yang sudah dikemukakan atau diperoleh semasa *town hall meeting*, dengan izin, dilaksanakan di seluruh Malaysia, input-input datang dari *stakeholder* ibu-bapa, komuniti, bekas pengetua atau pesara sudah diambil kira. Ini sebenarnya bukan *Blueprint* Kementerian Pendidikan Malaysia tetapi satu, *Malaysian Blueprint with the ownership of everyone contributing towards the development of this Blueprint*, dengan izin.

*Spin offnya* dari segi pembentangan dari Tan Sri Ghaffar pada bulan Julai tahun 2013 sudah melihat UNESCO seperti Thailand, Oman, Finland juga memohon input dari Kementerian Pendidikan Malaysia tentang perancangan PPPM. Dalam perkataan yang lain, negara-negara yang tersebut itu juga hendak belajar melihat *the best practices* yang dilaksanakan di Malaysia apabila PPPM ini dirancangan. Apa yang berkaitan dengan transformasi atau program transformasi yang digariskan dalam Malaysia *blueprint* memang adalah sangat banyak *Blueprint* ini ada 11 anjakan (*eleven shifts*), dengan izin. Ini akan dilaksanakan dalam tiga gelombang. Gelombang yang pertama, yang kedua, yang ketiga...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, cukup Yang Berhormat. Saya ingat Ahli Yang Berhormat semua sudah baca sudah *blueprint* itu.

**Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey Dato' Lim Nget Yoon, soalan tambahan seterusnya.

**Dato' Lim Nget Yoon:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma hendak dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri tentang aktiviti Dong Zong *and* kenapa, mengapa mereka menentang PPPM yang ikut jawapan Yang Berhormat Menteri yang begitu sempurna? Terima kasih.

**Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Terima kasih Yang Berhormat, yang berkaitan dengan pandangan Dong Zong. Saya rasa Dong Zong tidak faham tentang PPPM kerana *allegation*, dengan izin, adalah bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia hendak hapuskan pendidikan sekolah vernakular itu sebenarnya tidak diwujudkan. Sekiranya kita rujuk kepada Bab VII yang bertagak, Sistem Struktur di dalam PPPM ini, memang ada sebahagian yang tegaskan bahawa sekolah vernakular diteruskan dan dikekalkan. Jadi saya rasa ini adalah satu salah kefahaman. Sekian, terima kasih.

2. **Datuk Pau Chiong Ung** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan menyatakan:

- (a) sebagai usaha menggiatkan sektor SME, bajet 2013 telah pun menyediakan insurans kumpulan bernilai RM5000 untuk penjaja dan peniaga kecil, minta penjelasan jumlah penjaja dan peniaga yang telah pun mendapat manfaat daripada program berkenaan dan keberkesanan program tersebut; dan



- (b) berapa orangkah penjaja dan peniaga kecil telah pun mendapat manfaat daripada pinjaman dana kadar rendah dan jumlah amaun pinjaman yang telah pun diagihkan.

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md Hanipah]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Pau Chiong Ung dan terima kasih kepada Yang Berhormat yang begitu sekali memberi perhatian kepada masalah penjaja dan juga peniaga kecil yang terdapat di seluruh negara.

Untuk jawapan pada soalan (a) Yang Berhormat, Skim Perlindungan Insurans Berkelompok Penjaja dan Peniaga Kecil yang dikenali sebagai Pelan Insurans 1Malaysia Penjaja dan Peniaga Kecil Nasional (PIMPIN) yang telah dilaksanakan mulai 1 Januari 2013 dan sehingga 30 November 2013, terdapat 889,676 orang penjaja dan peniaga kecil yang berdaftar di Malaysia yang telah mendapat perlindungan secara percuma dan sepanjang 24 jam dan juga 365 hari di seluruh dunia bukan sahaja di dalam negara. Daripada jumlah tersebut Yang Berhormat, sebanyak 27 kes yang terlibat tuntutan sebanyak RM157,350 telah diterima dan manfaat telah dibayar kepada penama ataupun waris yang layak.

Bagi jawapan kepada soalan (b), Skim Pembiayaan Mikro Penjaja dan Peniaga Kecil tanpa faedah telah diperkenalkan oleh kementerian ini melalui Bank Rakyat. Skim ini bertujuan untuk membantu dan juga menaik taraf perniagaan serta pembelian peralatan ataupun aset yang berkaitan secara langsung dengan jenis perniagaan yang sedang dijalankan.

Untuk makluman Yang Berhormat, bagi tahun 2013, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM100 juta untuk Skim Pembiayaan Mikro Penjaja Dan Peniaga Kecil dan sehingga 28 November yang lalu, seramai 21,478 penjaja dan peniaga kecil telah memohon skim pembiayaan mikro tanpa faedah ini dengan jumlah permohonan sebanyak 106,389,995. Daripada jumlah tersebut, 18,975 pemohon iaitu 88.3 peratus telah diluluskan dengan jumlah kelulusan sebanyak RM82,135,001. Daripada jumlah pemohon tersebut, jumlah pembiayaan mikro yang telah diagihkan, ini yang telah kita bayar adalah sebanyak RM8,252,090 kepada 16,405 pemohon. Terima kasih Yang Berhormat.

**Datuk Pau Chiong Ung:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih juga kepada Yang Berhormat Menteri atas jawapan diberi sebentar tadi. Soalan tambahan saya, perkembangan pesat *supermarket* atau *hypermarket* dan kedai-kedai francais telah pun memberikan impak besar kepada peniaga-peniaga kecil. Selain daripada rancangan kementerian yang disenaraikan sebelum ini, adakah sebarang skim atau insentif lain untuk membantu peniaga-peniaga kecil untuk meneruskan perniagaan kehidupan mereka? Sekian, terima kasih.

**Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md Hanipah:** Terima kasih Yang Berhormat, soalan tambahan mengenai dengan penjaja-penjaja dan peniaga kecil mengenai dengan wujudnya *hypermarket* dan juga *supermarket* di seluruh negara. Dalam soalan di Dewan Rakyat yang lalu, kita telah memberi penjelasan mengenai dengan wujudnya *hypermarket* dan *supermarket* yang mungkin memberi sedikit impak kepada pengusaha, peniaga dan juga penjaja kecil sama ada bagi segi barangan harian ataupun makanan.

#### ■ 1020

Jadi sebab itu untuk menangani masalah ini dan mendapatkan maklumat yang tepat mengenai keadaan atau pun suasana bila sesuatu *hypermarket* dan *supermarket* ini wujud, kita telah bekerjasama dengan pihak Universiti Putra Malaysia untuk mengadakan satu kajian impak mengenai dengan kesan daripada wujudnya *hypermarket* dan *supermarket* ini terhadap peniaga-peniaga dan juga pengusaha-pengusaha kecil yang terdapat di seluruh negara. Dalam kajian itu kita akan membuat kajian dan *insya-Allah* dalam tempoh enam bulan kita hendak membuat kajian impak kepada pengguna, pengusaha-pengusaha tempatan dan juga *hypermarket* yang sedia ada termasuklah apabila wujudnya *hypermarket* ini di mana peluang-peluang pekerjaan disediakan dan juga taraf hidup penduduk setempat termasuklah pengusaha dan juga peniaga-peniaga kecil yang terdapat.

Mungkin kesan daripada itu akan memberi kesan sampingan kepada peniaga-peniaga kecil dan pengusaha-pengusaha. Walau bagaimanapun, kita sentiasa memberi perhatian terhadap peniaga-peniaga dan pengusaha-pengusaha kecil ini untuk membantu di dalam skim-skim yang telah kita wujudkan bantuan bukan sahaja daripada Kementerian Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan tetapi juga melalui kementerian-kementerian lain contohnya, TEKUN melalui Kementerian Pertanian, Industri dan Asas Tani dan juga Amanah Ikhtiar Malaysia yang telah diwujudkan untuk membantu pengusaha-pengusaha dan peniaga kecil. Terima kasih.

**Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Pertanyaan saya ialah mengenai peniaga-peniaga kecil ini mereka mendapat bekalan bahan jualan mereka sama ada makanan dan sebagainya lebih mahal terutamanya bumiputera daripada peniaga-peniaga lain yang bukan bumiputera yang mereka terpaksa jual lebih mahal daripada peniaga-peniaga lain. Ini membuatkan mereka menghadapi masalah.

Jadi pertanyaan saya bagaimanakah kerajaan hendak menyelesaikan perkara ini supaya peniaga-peniaga kecil ini terutama bumiputera mendapat bekalan untuk bahan jualan mereka sama ada makanan dan sebagainya pada harga yang standard atau sama dengan peniaga-peniaga lain agar mereka dapat menjual dengan harga yang sama? Terima kasih.

**Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Terima kasih Yang Berhormat. Soalan tambahan daripada Yang Berhormat tadi mengenai bahan bekalan yang mahal yang terpaksa dihadapi oleh pengusaha-pengusaha atau peniaga-peniaga kecil. Oleh sebab itu Yang Berhormat, dalam suasana hari ini apabila wujudnya *hypermarket* dan *supermarket* kadang-kadang pengusaha-pengusaha kecil yang ada di sekeliling pasar-pasar besar ini, dia juga mendapat barang daripada *hypermarket* dan *supermarket*. Contohnya Tesco dan sebagainya untuk barangan yang mungkin lebih murah daripada pembekal-pembekal yang sedia ada yang telah memberi bekalan kepada peniaga dan juga pengusaha ini.

Jadi kita yakin dan kita percaya melalui wujudnya *supermarket* besar yang terdapat di seluruh negara walau pun kadang-kadang ada sedikit persaingan tetapi bekalan-bekalan- kadang-kadang semasa musim perayaan dan ada hari-hari tertentu yang disediakan oleh *hypermarket* dan *supermarket* ini dengan harga yang begitu rendah sekali. Kesempatan itulah yang diambil oleh peniaga-peniaga atau pun pengusaha sama ada peniaga-peniaga makanan untuk membeli barang-barang keperluan untuk kegunaan restoran atau pun kedai-kedai makan yang sedia ada dengan membeli jumlah yang begitu banyak. Ini kerana jualan mingguan yang disediakan oleh *hypermarket* ini untuk membantu dan harganya memang kita ketahui lebih murah daripada kedai-kedai borong yang sentiasa mendapat bekalan daripada pengusaha. Jadi itu pun satu ruang yang boleh diambil oleh peniaga-peniaga kecil ini untuk mendapat bekalan yang lebih kompetitif atau pun murah daripada yang sedia ada. Ini bergantung kepada bagaimana usaha yang dibuat oleh peniaga dan juga pengusaha-pengusaha tersebut. Terima kasih.

**3. Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman** minta Menteri Kesihatan menyatakan, menghentikan terus penjualan minyak masak kitar semula sehingga dapat ditemui satu penyelesaian bagi mengawal mutu dan sumber pengumpulan.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Puan Roslin.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memohon menjawab pertanyaan ini secara bersekali bersama-sama dengan dua soalan yang lain yang menyentuh isu berkaitan minyak masak terpakai yang dikitar semula iaitu pertanyaan daripada Yang Berhormat Senator Tuan Baharudin bin Abu Bakar pada 12 Disember 2013 dan Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah bertarikh 18 Disember 2013 kerana pertanyaan-pertanyaan ini adalah berkaitan antara satu sama lain.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berhubung isu minyak masak terpakai yang dikitar semula, Kementerian Kesihatan Malaysia ingin menegaskan bahawa pengimportan, pengilangan dan penjualan minyak masak terpakai yang diproses semula adalah tidak dibenarkan di bawah Akta Makanan 1983. Mana-mana orang yang didapati mengimport, mengilang dan menjual minyak masak terpakai yang diproses semula yang boleh memudaratkan kesihatan tindakan akan diambil di bawah seksyen 13, Akta Makanan 1983 di mana jika sabit kesalahan boleh dikenakan denda tidak melebihi RM100,000 atau penjara tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya sekali.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini Kementerian Kesihatan telah pun memeriksa 173 buah premis *repacker* iaitu syarikat-syarikat yang diberi lesen untuk membeli minyak masak secara pukal dan membuat *packing* semula. Kita mendapati bahawa tiada bukti premis-premis tersebut ada memproses atau membungkus minyak masak terpakai. Kementerian juga telah pun memeriksa 373 premis makanan dan juga telah mendapati semua premis tersebut menggunakan minyak masak yang mempunyai label dan tiada bukti mereka menggunakan minyak masak terpakai yang dikitar semula, Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Menteri yang mana telah menjawab tentang isu minyak masak. Sebenarnya isu ini telah pun diperkatakan semenjak tahun 2011 lagi cuma dahulunya kita memperkatakan soal minyak masak kitar semula yang mana minyak ini dijual dengan harga yang murah. Akan tetapi sebenarnya yang saya lebih tertarik kerana perkara begini harus dibanteraskan kerana sumber minyak masak ini dari segi halal dan haram- sebab ini kitar semula.

la akan bercampur di mana saya sendiri diakui, saya temui seorang tukang masak mengatakan sebulan, dia di dapur, dia boleh dapat RM100 daripada hasil jualan minyak kitar semula daripada restoran dia.

Maka jika perkara ini dicampuradukkan secara rambang di mana-mana premis di mana dari segi persoalannya sekarang ini timbul soal halal dan haramnya. Maka dengan itu di manakah peranan badan-badan yang lain yang memantau seperti JAKIM, MPOB, Kementerian Kesihatan dan juga Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan sebagainya. Walaupun kita telah rujuk kepada dunia sejak dahulu lagi tetapi ironinya negara kita seperti Filipina contohnya, terlebih dahulu telah pun memberikan satu undang-undang 'Akta Anti Minyak Masak Terpakai 2012'. Adakah kerajaan berhasrat untuk mewujudkan satu akta yang sedemikian? Ini kerana selagi undang-undang khusus tidak diwujudkan maka isu ini akan terus diperkatakan malah mungkin lebih *complicated* pada masa hadapan.

Seterusnya apakah langkah kerajaan bagi memberi kesedaran awam tentang bahaya minyak masak kitar semula? Ini kerana minyak masak kitar semula juga dipergunakan dalam industri pembikinan kosmetik dan pembikinan ubat-ubatan. Itu sahaja.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, minyak masak terpakai ini memang dijual oleh pihak-pihak sama ada restoran atau pun di mana-mana tempat yang menggunakan minyak masak ini. Akan tetapi minyak ini dibeli oleh syarikat yang diberi lesen untuk memproses minyak masak ini menjadi biodiesel atau pun *biomass* yang lain atau pun dieksport ke luar negara.

#### ■ 1030

Bukan diguna semula untuk masak, goreng dan sebagainya. Tidak. Diambil, dibeli oleh syarikat yang diberi lesen, dapat lesen oleh MPOB dan diproses semula untuk biodiesel, bukan untuk makanan ya? Jadi, yang ini mungkin ada sedikit kekeliruan. Memangnya tukang masak itu dia dapat duit tapi sebenarnya minyak itu dijual untuk proses minyak biodiesel Tuan Yang di-Pertua. Sekarang ini akta kita sudah cukup kuat, Akta Makanan 1983 sudah cukup kuat. Saya rasa setakat ini belum ada keperluan untuk hendak *review* lagi Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Syed Husin Ali:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya sekarang ini ada minyak yang dikitar semula yang dijual di dalam plastik di kedai-kedai dan di *malls* yang besar. Saya diberitahu oleh mereka yang mengetahui bahawa minyak makan yang dikitar semula ini mengandungi unsur *carsinogen* yang boleh membahayakan iaitu boleh menyebabkan kanser. Saya rasa bukan sahaja soal agama tetapi dari segi kesihatan pun kita harus perhatikan kedudukan minyak makan dikitar semula ini. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sebut dalam sidang jawapan tadi bahawa memang pihak kementerian pergi ambil sampel. Banyak premis saya sebut, 333 premis *repacker* ini dan didapati memang tidak ada unsur-unsur minyak terpakai *dipack* semula.

Akan tetapi memang kadang-kadang kita lihat minyak yang *dipack* dalam plastik ini kadang-kadang nampak keruh sedikit, nampak macam ada *sediment*. Akan tetapi sebenarnya itu adalah stearin ataupun olean iaitu *temperature* yang dia boleh lebur ialah kalau stearin 44 *degree centigrade*. Kalau olean 24 *degree*. Jadi, kalau suhu kurang daripada itu, ia akan menjadi nampak keruh tetapi itu sebenarnya stearin dan *ulian*. Bukan bahan-bahan karsinogen Tuan Yang di-Pertua. Jadi, kadang-kadang keliru di situ.

Ini bergantung kepada simpanan *temperature* kita. Kalau *temperature* itu tinggi, ia cair elok. Kalau *temperature* itu rendah, ia jadi beku, nampak keruh. Jadi, tidak ada unsur-unsur karsinogen. Kajian telah dibuat sebenarnya, setakat ini belum didapati minyak masak kita menjadi karsinogenik kecuali kalau ditambah dengan bahan-bahan lain, itu mungkin karsinogenik Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Persoalan dalam hal ini saya fikir iaitu penguatkuasaan hendaklah berterusan dan tindakan sewajarnya hendaklah diambil apabila berlaku sesuatu yang melanggar keadaan.

**4. Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh kerajaan dalam memastikan gejala gengsterisme ini dapat dibanteras khususnya di peringkat akar umbi dan adakah kerajaan mempunyai pelan alternatif bagi membendung gejala ini yang melibatkan belia-belia yang masih di bangku sekolah.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** *Bismillahi Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam bahagia, selamat pagi dan salam 1Malaysia.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ingin saya memberi penjelasan sedikit dahulu berhubung dengan soalan ini ialah kepada kerajaan bukan kepada Kementerian Dalam Negeri. Walau bagaimanapun, saya cuba menjawab dari sudut apa yang kita buat dan kita ketahui. Bahawa untuk menangani masalah belia dan sosial ini ialah menerusi satu badan- Majlis Sosial Negara yang telah ditubuhkan dan mengadakan mesyuarat dari masa ke semasa. Bahkan, mesyuarat yang terkini ialah baru ini diadakan dua hari yang lepas yang mana saya sendiri telah mengahdirinya.

Jadi, kita melihat dari semua sudut untuk menangani masalah belia yang termasuk dengan kes-kes juvana dan kes-kes gengsterisme. Tuan Yang di-Pertua, kegiatan gengsterisme dalam negara kita ini sangat diperkatakan oleh pelbagai pihak dan lapisan masyarakat. Ia juga menjadi topik hangat dan dibincangkan di dalam forum, seminar dan juga dalam perbincangan di Parlimen. Pelbagai senario kejadian yang mempunyai hubungan kait dengan tindakan gengsterisme seperti gangguan, penggunaan senjata api, pemerasan, ugutan, rompakan, pelacuran, kegiatan perjudian haram disiarkan saban hari di media cetak dan elektronik seluruh negara.

Bagi mengekang kegiatan gengsterisme ini dari terus berleluasa, pihak polis telah melancarkan Ops Cantas, Yang Berhormat, pada 17 Ogos 2013 bertujuan membuat pengesanan, pemantauan, pencegahan aktiviti-aktiviti kumpulan kongsi gelap dan gengster ini. Statistik melibatkan kaum belia dalam kegiatan jenayah dan gengsterisme bagi tahun 2010, tahun 2012 dan tahun 2013, Januari hingga Ogos adalah seperti berikut. Jenayah juvana tahun 2011, 3,564 orang. Tahun 2012 - 2,032 orang, tahun 2013 hingga Ogos - 1548 orang. Jenayah belia - 23,522 orang pada tahun 2011 dan tahun 2012 - 26,667 orang dan pada tahun 2013 - 29,382 orang.

Gengsterisme juvana - 48 kes tahun 2011 dan tahun 2012 - 46 kes dan tahun 2013 - 57 kes. Pihak kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat, Kementerian Belia dan Sukan dan Kementerian Dalam Negeri serta agensi kerajaan yang lain telah mengatur pelbagai langkah dan program untuk menarik minat kaum belia menyertai program-program yang boleh mendatangkan faedah dan menghindarkan mereka terlibat dengan gejala yang tidak sihat.

Di antara program yang diambil oleh untuk menghindar kaum belia terlibat dengan aktiviti gengsterisme ialah pihak polis telah menempatkan pegawai perhubungan sekolah (PPS) di setiap sekolah menengah dan rendah untuk memantau pihak sekolah membantu disiplin dan perlakuan jenayah di kalangan murid-murid. Pihak Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) telah mengatur program di sekolah seperti program Sayang Hidup Elak Derita Selamanya (SHIELDS), program Sukses, Matang, Aktif, Rasional, Tanggungjawab (SMART) memandangkan penglibatan dengan dadah mempunyai hubungan yang rapat dengan aktiviti gengsterisme.

Ketiga, pihak Kementerian Pelajaran umpamanya telah melaksanakan beberapa program mencegah untuk mengatasi masalah disiplin di kalangan murid-murid sekolah seperti bimbingan dan disiplin, penguatkuasaan ceramah kesedaran dan kaunseling program, jati diri dan hukuman keras. Pihak Kementerian Belia dan Sukan telah menyediakan pelbagai program, khususnya yang melibatkan kaum remaja supaya masa terluang remaja diisi dengan perkara-perkara yang berfaedah. Seperti menyediakan padang futsal, program 1M4U, program Rakan Muda, Rakan Masjid dan pelbagai lagi untuk menghindarkan mereka dari terjebak dengan jenayah dan penyalahgunaan dadah dan gengsterisme, khususnya di kalangan remaja di negara ini.

Banyak lagi program untuk membasmi kegiatan tidak sihat di kalangan belia dan menarik minat golongan belia menyertai aktiviti yang berfaedah kepada diri dan masyarakat yang telah diperkenalkan oleh kerajaan. Selain daripada itu, penglibatan masyarakat diperlukan untuk membanteras kegiatan kumpulan samseng ini dengan menyalurkan maklumat yang berterusan kepada pihak polis. Peranan ibu bapa dalam mendidik dan mengawasi pergerakan anak-anak mereka untuk tidak terlibat dengan aktiviti yang tidak sihat. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Soalan tambahan. Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal.

**Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas menjawab. Soalan tambahan saya adalah, apakah kerajaan mempunyai satu sistem pemantauan yang komprehensif untuk membantu mengawasi dan memberi penekanan kepada remaja, khasnya kepada murid-murid yang baru masuk ke sekolah menengah iaitu dari umur 13 tahun dan ke atas. Ini kerana golongan ini adalah golongan dan usia yang paling berisiko untuk mencuba apa sahaja. Di sinilah mereka akan dapat menentukan dan merancang masa depan mereka agar tidak terpesong dalam merancang masa depan yang betul. Terima kasih.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat yang bertanya. Sebenarnya penglibatan belia dalam gengsterisme ini telah pun banyak di gembur-gemparkan.

Tidaklah begitu menakut ataupun membimbangkan Tuan Yang di-Pertua. Daripada jumlah 4 juta pelajar, saban tahun kita ada mungkin kurang daripada 200,000 yang didapati terlibat dengan jenayah.

■ 1040

Bukan semua jenayah ini ada hubung-kait dengan gengsterisme. Dengan itu maka, kenapa Kementerian Pendidikan sebagaimana yang telah dilaporkan dalam Majlis Sosial Negara mengatakan beberapa tindakan yang khusus telah diambil, dirancang yang telah diluluskan oleh pihak Majlis Sosial Negara untuk pendidikan penerangan membangun modal insan yang mempunyai jati diri yang kukuh, berketerampilan, berkeperibadian mulia, berpengetahuan dan berkemahiran tinggi bagi mengisi keperluan negara. Jadi, jurusan tindakan-tindakan itu pelbagai, sebab-sebab perkara ini berlaku ialah institusi keluarga yang rapuh Tuan Yang di-Pertua dan juga persekitaran hidup yang tidak kondusif dan gaya hidup yang tidak sihat.

Ketiga, kurang amalan keagamaan dan kerohanian. Kurang kawalan kepada bahan sembarangan oleh media iaitu media bermacam-macam-macam, kita boleh masuk dalam internet sekarang, kita boleh tengok apa sahaja. Ini juga kurang kawalan pihak-pihak tertentu termasuk ibu bapa, kepada apa yang boleh ataupun tidak boleh dilihat oleh pihak belia dan pengaruh rakan-rakan sebaya. Tuan Yang di-Pertua, dengan keadaan sedemikian maka, kementerian menerusi Majlis Sosial Negara ini mengambil satu tindakan yang komprehensif supaya semua sudut kita lihat, daripada sudut pendidikan semasa mereka dalam sekolah. Sudut keibubapaan menerusi kementerian yang tertentu untuk ibu bapa itu mengambil tindakan yang khusus, tindakan yang strategik untuk menangani supaya anak-anak mereka tidak terlibat dan mengetahui di mana anak-anak mereka, apakah yang dibuat oleh anak-anak mereka.

Saya sendiri telah berjumpa dengan seseorang Tuan Yang di-Pertua, yang sekarang berada di sebuah rumah *transit centre* sebelum orang itu dilepaskan dari penjara yang mana dia menceritakan kenapa dia menjadi penjenayah. Dia sekarang sudah membantu di rumah ini untuk memberi nasihat kepada semua pihak. Kalau Tuan Yang di-Pertua mendengar, saya sendiri rasa hendak menitiskan air mata saya mendengar cerita dia. Masalah, sebab kenapa ibu bapa, mak dia guru, bapa dia seorang *policeman*. Minta maaflah. Dua orang ini sepatutnya anak mereka menjadi manusia yang terbaik tetapi malang sekali, bapa bekerja, mak bekerja, anak ini terbiar. Jadi anak ini mencari kasih sayang daripada ibu bapa itu tidak ada. "*Di mana ibu bapa saya semasa saya berkehendakkan sokongan dan dorongan daripada mereka?*".

Jadi itu institusi keibubapaan ini perlu dipertingkatkan tetapi daripada peringkat rumah selepas itu ke peringkat sekolah. Peringkat Kementerian Pendidikan sekarang ini sedang mengatur strategi yang telah diluluskan oleh Majlis Sosial Negara untuk dilaksanakan secara berterusan supaya menangani masalah ini di peringkat sekolah. Akan tetapi sekolah tidak akan berkemampuan kalau ibu bapa sendiri tidak mengambil kira dan mengambil berat anak-anak mereka, apa yang mereka buat, di mana mereka berada, apa mereka telah lihat dan apa mereka telah baca yang mendorong mereka dan kawan mereka siapa dan sebagainya. Ini perlu dilihat secara komprehensif. Pihak polis dalam Kementerian Dalam Negeri, kita menggunakan pendekatan yang berlainan iaitu penguatkuasaan undang-undang.

Akan tetapi dalam masa yang sama Tuan Yang di-Pertua, kalau saya boleh memaklumkan di sini bahawa pihak dalam penjara juga, juvana dalam penjara yang berminat untuk memasuki persekolahan, meneruskan zaman persekolahan mereka, juga kita didid dalam penjara. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan juga Dewan ini, pada masa sekarang, belia-belia dalam penjara yang telah mempunyai motivasi yang tinggi untuk meneruskan pelajaran mereka di peringkat dalam penjara, Ijazah Sarjana Pengurusan Perniagaan dua orang Tuan Yang di-Pertua, sekarang. Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan 14 orang dan Diploma Pengurusan empat orang. Kita meneruskan ini dan kita telah berbincang dengan universiti-universiti untuk menganjurkan sampai ke peringkat PhD mereka yang ada dalam penjara dan dalam Sekolah Henry Gurney yang ada sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita daripada kerajaan melihat secara komprehensif tetapi ibu bapa mesti memainkan peranan termasuk wakil-wakil rakyat, jangan hasut orang benci dengan kerajaan sahaja tetapi sayang kepada kerajaan, sayang kepada anak, sayang kepada kita sendiri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bawa, hendak menjengah sedikit ke dalam bahagian saya di Parlimen Batu. Di kawasan sekitar Parlimen Batu ada satu tempat namanya Pasar Borong Kuala Lumpur dan di kelilingi oleh kampung-kampung iaitu Kampung Selayang Lama, Taman Seri Murni, Taman Wilayah Selayang dan Taman Desa Bakti. Rakyat di sini amat gusar dengan kehadiran warga asing yang begitu melimpah ruah. Gengsterisme juga berlaku di situ. Pembunuhan dan pelbagai penderaan dadah dan sebagainya berlaku di situ. Ini menimbulkan kekusaran kepada rakyat. Saya mohon—saya hendak bertanya kepada kementerian, apakah langkah-langkah yang perlu diambil secara drastik untuk kita menghilangkan rasa kegelisahan dalam kalangan masyarakat rakyat di kawasan itu? Sekian, terima kasih.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator yang bertanya soalan ini. Sebenarnya soalan ini saya *prepare* semalam, untuk semalam tetapi tidak sampai ke sana. Soalan apa yang berlaku di kawasan Selayang khususnya di pasar borong baru dan lama di Selayang yang mana dimaklumkan bahawa keterlibatan pihak-pihak pendatang asing yang ada di Selayang, bekerja di Selayang yang kebanyakannya daripada masyarakat Myanmar yang telah mendominasi persekitaran Pasar Borong Selayang.

Dimaklumkan juga bahawa ada fakta pengedaran dadah, gengsterisme dan kumpulan-kumpulan samseng dalam kalangan mereka. Akan tetapi mengikut statistik yang ada pada pihak polis Tuan Yang di-Pertua, dia melibatkan mereka sendiri. Walaupun pengedaran dadah ini memang ada tercicir keluar masuk ke dalam masyarakat kita dan pihak polis dan pihak AADK memantau perkara ini dan mengambil tindakan. Akan tetapi daripada sudut jenayah Tuan Yang di-Pertua sebenarnya, pada tahun 2013 ini hanya tiga kes sahaja kes jenayah yang dilakukan oleh orang asing di kawasan Selayang ini yang kita tahu.

Selayang ini di bawah *Police Station Jinjang*. Eh! Jinjang kah? Di bawah *Police Station Jinjang...* [Disampuk] Ya, di bawah *Police Station Jinjang* sebab semalam saya cakap Jinjang ini, macam negara China pula. Dalam kawasan Jinjang ini, penglibatan orang asing yang melakukan kes-kes jenayah amat rendah sekali.

Keseluruhannya dalam semasa empat tahun yang lalu bahawa penglibatan itu tidak pun sampai 0.1 peratus Tuan Yang di-Pertua, penglibatan kes jenayah melibatkan orang asing di kawasan ini. Jadi maknanya, kalau ada pergaduhan yang telah ditangkap dan diambil tindakan oleh pihak polis yang terlibat, ada sekali penangkapan masuk sepuluh orang. Fakta yang tertentu tidak ada di tangan saya kerana semalam soalan tidak naik, tidak sampai. Jadi, kita sudah lihat bahawa yang melakukan kesalahan jenayah dan gengsterisme di kawasan ini kebanyakannya memang orang tempatan, bukan orang asing. Orang asing ini hanya melakukan kumpulan-kumpulan mereka sendiri dalam kalangan mereka sendiri dan pergaduhan di antara mereka sendiri yang telah kita ambil tindakan selama ini.

Kita juga dengan kerjasama polis dan imigresen mengambil tindakan supaya mereka ini barang siapa yang *illegal* ataupun PATI, kita hantar balik. Mana yang telah mendapat tempat untuk duduk di negara ini, memang mereka dibenarkan untuk bekerja tetapi ada juga dalam kalangan mereka ini yang memegang pas daripada *United Nations High Commissioner of Refugees* yang walaupun kita bukan *signatory* pada konvensyen ini Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya oleh kerana situasi kita tidak boleh *sign* konvensyen ini. Dengan keadaan sedemikian, mereka ini juga mendapat sedikit kebebasan untuk berada di negara ini walaupun tidak dibenarkan bekerja.

Akan tetapi pada masa ini, saya telah mendapat itu daripada kementerian dan saya akan mengadakan mesyuarat dengan *United Nations High Commissioner of Refugees* ini dalam masa yang terdekat. Sebelum 17 hari bulan saya sudah beri arahan kepada pegawai saya untuk mengaturnya mesyuarat saya dengan mereka ini untuk meminta supaya *holders* kad UNHCR ini diadakan dalam masa sebelum 17 supaya mereka ini juga dihantar ke negara yang ketiga supaya mengurangkan jumlah pendatang asing yang berada di kawasan Selayang, khususnya di Pasar Borong 1 dan Pasar Borong 2 di Selayang. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

#### ■ 1050

**5. Puan Chew Lee Giok** minta Menteri Pertahanan menyatakan, apakah jenis dan tahap kerjasama antara Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM).

**Timbalan Menteri Pertahanan [Datuk Abdul Rahim bin Bakri]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat Senator Puan Chew Lee Giok, kerjasama di antara Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) telah pun sedia terjalin sejak penubuhan APMM pada tahun 2006 apabila TLDM menyerahkan sebanyak 26 buah kapal ronda kepada APMM untuk menjadi aset permulaan bagi tugas penguatkuasaan Maritim.

Kerjasama ini dipertingkatkan lagi dengan penubuhan jawatankuasa TLDM dan APMM pada tahun 2010. Untuk makluman Yang Berhormat juga, setakat ini jenis kerjasama yang dilakukan di antara kedua-dua agensi TLDM dan APMM ini ialah kerjasama dari segi strategik dan kerjasama dari segi operasi mengikut bidang dan tanggungjawab masing-masing iaitu Tentera Laut Diraja Malaysia bertanggungjawab untuk memastikan kedaulatan negara sentiasa terpelihara dari sebarang ancaman musuh khususnya pencerobohan wilayah hingga ke tahap maksimum 200 batu nautika kawasan *exclusive economic zone*.

Manakala APMM bertanggungjawab dalam soal menjaga keselamatan perairan dan memiliki *authority power of rest* daripada pelbagai ancaman seperti *transnational crime*, *piracy*, pencerobohan nelayan asing, *human trafficking* dan pelbagai jenayah di kawasan perairan. Walau bagaimanapun, kedua-dua agensi TLDM dan APMM ini sentiasa bekerjasama rapat bagi menangani apa juga isu pertahanan dan keselamatan di perairan negara. Di antaranya ialah perkongsian berkaitan maklumat perisikan manakala kerjasama operasi terkoordinasi juga dilaksanakan sekarang iaitu Ops Setia Bersepadu di kawasan Pantai Timur Sabah dan Ops Kekal Warisan di sekitar Pulau Batu Puteh, Middle Rocks and South Ledge termasuk Tompok Utara di samping kerjasama dalam bidang *search and rescue*. Terima kasih.

**Puan Chew Lee Giok:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua soalan saya ada dua. Pertama apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pelbagai agensi khususnya TUDM dan APMM untuk mengatasi masalah daripada berlanjutan. Kedua apakah peranan TLDM dan APMM di Sabah dalam kes rakyat diculik. Contohnya seperti di Taiwan. Seorang lelaki dibunuh dan seorang perempuan diculik. Apakah peranan TLDM di Sabah? Terima kasih.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Chew. Bagi untuk makluman Yang Berhormat apabila pencerobohan berlaku pada bulan Februari yang lalu, lanjutan daripada itu kerajaan telah pun mewujudkan ESSCOM. ESSCOM tersebut, di bawah ESSCOM mempunyai komponen pertahanan dan keselamatan yang terdiri daripada Angkatan Tentera Malaysia, PDRM, APMM dan juga beberapa agensi-agensi yang berkaitan.

Di bawah komponen pertahanan dan keselamatan, kerajaan telah mewujudkan Ops Sanggah iaitu merupakan satu operasi yang ditugaskan bagi mempertahankan kedaulatan dan keselamatan di kawasan Pantai Timur Sabah khususnya daripada utara Kudat sehinggalah ke Tawau. Bagi untuk memastikan kawasan ini tidak lagi menghadapi pencerobohan atau pun tindakan-tindakan perlanungan yang seperti yang dilakukan selama ini.

Akan tetapi ingin saya nyatakan di sini bahawa seperti mana Yang Berhormat sebutkan tadi berkaitan dengan pencerobohan atau penculikan yang berlaku di Pulau Pom baru-baru ini. Sememangnya ini adalah merupakan sesuatu yang kita amat kesali. Akan tetapi saya ingin jelaskan di sini bahawa walaupun ops ini telah pun dilaksanakan terdapat juga beberapa kekangan-kekangan kerana kawasan ini, operasi ini pun bukanlah begitu kecil. Ianya melibatkan 1,400 kilometer dan ada juga kekangan-kekangan misalnya dalam kes Pulau Pom Pom ini, pihak pengurusan *resort* itu sendiri kurang memberikan kerjasama dari segi rondaan di kalangan anggota PGA yang telah ditugaskan bagi menjaga pulau tersebut.

Perkara ini telah pun didedahkan di dalam akhbar-akhbar dan kita telah pun mengambil langkah-langkah yang perlu untuk mempertingkatkan lagi usaha-usaha menjaga pertahanan dan keselamatan di kawasan tersebut. Kita telah pun *deploy* aset-aset dan juga anggota-anggota kita di kawasan tersebut. Kita percaya dengan segala tindakan yang diambil dan juga beberapa pembelian aset-aset baru dan juga keanggotaan yang bertambah, kita akan dapat mengatasi masalah ini dari masa ke semasa. Terima kasih.

**Tuan Haji Ahamat @ Ahmad bin Yusop:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seperti mana yang kita sedia maklum Malaysia mempunyai pantai yang sangat panjang dan luas di Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Tentulah menjadi satu cabaran kepada APMM dalam usaha untuk menjalankan tugas mereka.

Soalan saya ialah apakah APMM mempunyai rancangan untuk mengadakan unit udara sendiri seperti helikopter, kapal terbang dan sebagainya dan tidak selama-lamanya bergantung kepada Tentera Udara Diraja Malaysia. Kalau kita lihat di US, ia ada *coast guard* yang mempunyai unit udara yang begitu cepat dapat memintas segala kegiatan-kegiatan yang berkaitan dengan keselamatan.

Kedua ialah, saya secara peribadi berpendapat nama APMM ini Agensi Penguatkuasaan Maritim kurang *punch* la. Agensi penguat kuasa, kalau US, *Coast Guard*, jelas. Ini pasukan beruniform, lebih kurang semi *military* juga. Ini lebih kurang macam agensi penguat kuasa majlis daerah, agensi penguat kuasa dadah. Jadi saya hendak cadangkanlah kepada kementerian, cari lah nama yang agak *punchy* sikitlah, ada semangat sikitlah. Agensi ini macam-macam agensikah? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** [Ketawa] Bagus Yang Berhormat, bagus.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Terima kasih Yang Berhormat Senator di atas beberapa pertanyaan yang dikemukakan tadi. Bagi untuk makluman Yang Berhormat dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian bahawa sebenarnya APMM ini adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Perdana Menteri dan bukan di bawah Kementerian Pertahanan. APMM sebenarnya adalah merupakan satu tanggungjawabnya ialah sebagai *coastal guard*. Untuk makluman Yang Berhormat juga tanggungjawab untuk memantau keselamatan di perairan kita, kita ada tiga *layer* dari segi pemantauan ini.

*Layer* yang pertama ialah *Navy* atau pun TLDM, *layer* yang kedua APMM dan *layer* yang ketiga di kawasan perairan lima batu nautika dan kawasan-kawasan sungai ialah Polis Marin. Ini adalah merupakan tanggungjawab yang telah diletakkan oleh pihak kerajaan untuk memastikan kawasan perairan kita sentiasa selamat. Akan tetapi cadangan Yang Berhormat untuk APMM mewujudkan unit udara sendiri itu sememangnya telah pun dilaksanakan.

Apa yang saya faham memang pun mereka mempunyai beberapa aset-aset khususnya helikopter dan juga beberapa alat-alat penerbangan yang bersesuaian. Akan tetapi ingin saya nyatakan di sini bahawa mereka masih lagi memerlukan lebih banyak aset-aset bagi menambah baik perkhidmatan mereka. Ini kerana 26 unit kapal yang telah kita sediakan kepada mereka tersebut sebahagiannya telah pun terlalu usang dan perlu untuk diperbaharui.

Berkaitan dengan cadangan Yang Berhormat untuk menukar nama agensi APMM ini kepada satu nama yang lebih baik, saya fikir itu adalah satu cadangan yang baik untuk Jabatan Perdana Menteri mempertimbangkannya.

#### ■ 1100

Kalau itu boleh membantu untuk menjadi satu *deterrent* ataupun cegah rintang untuk membolehkan khususnya anggota-anggota APMM lebih bersemangat untuk mempertahankan keselamatan negara kita. Terima kasih.

**6. Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak berkuasa DBKL terhadap permohonan menduduki PPR yang sekarang ini sudah mencecah 42,000 permohonan. Apakah mekanisme kementerian untuk mempercepatkan proses permohonan supaya tidak membebankan rakyat memandangkan kebanyakan pemohon adalah datangnya dari golongan yang berpendapatan kecil dan sederhana.

**Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Yahaya bin Mat Ghani. Benarkan saya untuk mengalu-alukan pelantikan Yang Berhormat Senator sebelum saya menjawab soalan beliau. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator Datuk Yahaya bin Mat Ghani, sehingga Oktober 2013 terdapat sebanyak 45,811 orang pemohon yang layak untuk dipertimbangkan bagi peruntukan unit sewa dan untuk tujuan ini pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur mengguna pakai sistem merit dan angka giliran memandangkan jumlah unit sewa adalah terhad.

Sebagai penambahbaikan pihak DBKL akan membuat penilaian semula terhadap sistem merit dan angka giliran. Pada masa yang sama DBKL masih di peringkat cadangan untuk melaksanakan sistem pengundian bagi memastikan kaedah peruntukan perumahan dibuat secara telus dan adil. Dalam pada itu bagi mengatasi masalah kekurangan jumlah unit perumahan untuk menampung jumlah pemohon yang meningkat, pihak DBKL akan mengadakan program bancian khas ke atas penghuni-penghuni perumahan awam sedia ada bagi mengenal pasti penghuni-penghuni yang benar-benar layak untuk tinggal di projek perumahan rakyat (PPR) dan perumahan awam (PA) Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Bagi tujuan ini pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur akan melantik badan bebas yang akan melaksanakan tugas-tugas bancian dan mengambil kira syarat-syarat kelayakan yang telah ditetapkan mengikut prosedur lanjut tempoh sewaan perumahan DBKL. Sekian, terima kasih.

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Terima kasih di atas jawapan yang telah diutarakan sebentar tadi dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Apa yang kita tahu di Wilayah Persekutuan ini masih ramai yang memerlukan rumah PPR saya kira dan saya lihat dari segi penguatkuasaan DBKL, soal-soal penyewaan yang ada lima tahun pun tidak bayar, ada tujuh tahun daripada awal duduk sehingga sekarang pun tak bayar, pun ada. Ini harus kita lihat bersama. Soal untuk mendapatkan rumah PPR, ada yang layak tetapi tidak dapat manakala yang tidak layak pula dapat.

Ini permasalahannya kerana itulah rakyat rata-rata khususnya di kawasan saya yang mempunyai pendapatan di bawah RM3,000 sebulan, yang dikatakan miskin bandar sangat-sangat memerlukan penempatan. Akan tetapi apa yang kita lihat hari ini yang ada setengah-setengah itu BMW pun ada Tuan Yang di-Pertua, duduk di rumah PPR sewa RM124 sebulan. Ini yang menjadi masalah kepada rakyat bawahan yang perlu ditangani dengan segera oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan kementerian.

Satu lagi yang saya hendak tanya, soal pembangunan. Di kawasan saya ada dua kawasan yang agak kritikal Yang Berhormat Timbalan Menteri. Pertama Kampung Medan Wira dan satu lagi Kampung Cubadak Jaya. Kedua-duanya adalah setinggan. Musim hujan sekarang ini Kampung Cubadak Jaya khususnya, air masuk ke dalam rumah, tikus berlari bersuka ria di sana sini. Tanah itu telah diserahkan kepada pihak pemaju saya kira.



Saya tidak perlu sebut pemaju siapa di sini, Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh tahu sendiri. Akan tetapi tidak dibangunkan, sudah 20 tahun diserahkan kepada pemaju tetapi tidak dibangunkan sehingga kini, resah rakyat di bawah. Sebab itulah Parlimen Batu kalah tempoh hari. Harapkan wakil rakyat yang ada hari ini hampas, bercakap sahaja, pembohong, tidak buat apa.

Keduanya adalah Kampung Medan Wira yang didiami selama 30 tahun oleh peneroka-peneroka di kalangan wira-wira negara. Jangan campurh Yang Berhormat Senator Dato' Nalla... *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** *[Menyampuk]*

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** ...Jadi ini harus kita selesaikan, tanah itu saya kira telah digazet kepada 'Sewerage' dan sebagainya. Tanah itu saya kira 28 ekar. Tempoh hari dapat notis daripada Dewan Bandaraya suruh keluar begitu sahaja. Di situ ada 100 penempatan, 100 keluarga di mana semuanya penghuni-penghuni tegar Barisan Nasional. Kita harus mengambil jalan penyelesaian. Saya minta, saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah langkah-langkah penyelesaian seterusnya, sama ada jangka masa panjang atau jangka masa pendek supaya rakyat di situ berasa lega, hilang kegelisahan dan sebagainya. Sekian, terima kasih.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak menjawab soalan Yang Berhormat Senator ini, kita ada banyak isu setingga di Kuala Lumpur. Pentadbiran baru yang mengambil alih kementerian, kita telah membuat banyak usaha untuk menyelesaikan masalah-masalah ini dan kita memberikan keyakinan bahawa kita akan berusaha untuk menyelesaikan masalah-masalah ini dengan secepat mungkin.

Dalam hal ini, saya ingin menyentuh di mana salah satu daripada Kampung Railway, setingga ini 20 tahun juga mempunyai masalah di mana baru-baru ini kita telah mengeluarkan satu surat tawaran untuk menyelesaikan masalah ini. Seperti itu juga, kita akan cuba menyelesaikan masalah Kampung Medan Wira dan Kampung Cubadak Jaya ini Yang Berhormat.

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya tertarik dengan kampung Railway. Saya difahamkan kalau minggu lepas...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** ...Ada 30 buah keluarga datang ke pejabat saya...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** ...Mengatakan dia tidak mendapat penempatan, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan sekali sahaja Yang Berhormat.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** Mencelah, mencelah soalan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila jawab Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya tahu susah nak jawab itu.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** Memandangkan perkara ini memang menjadi satu masalah di kawasan Kuala Lumpur. Sememangnya pihak DBKL dan juga kementerian telah mengambil berat akan perkara ini dan kita sedang berusaha untuk menyelesaikan masalah ini. Saya akan secara peribadi bertemu dengan Yang Berhormat Senator untuk menyelesaikan masalah ini secepat mungkin. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Soalan tambahan yang kedua, silakan Yang Berhormat Senator Dato' Bakar.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar, bukan Dato' Bakar... *[Ketawa]* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita tahu bahawa permohonan terhadap rumah di Kuala Lumpur amat mendesak terutama sekali bagi yang sederhana dan miskin. Saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah rancangan projek-projek perumahan untuk mereka yang sedang dan akan dibuat? Terima kasih.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar. Berkenaan dengan projek, kementerian sedang bercadang untuk membina 50,000 unit rumah mampu milik di kawasan Kuala Lumpur. Perkara ini dalam rancangan dan sedang disusun supaya dapat dilaksanakan. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

7. **Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan bagaimana warga miskin boleh manfaat daripada pengumuman Bajet 2014 mengenai RM250 elaun bagi anak-anak mereka yang belajar di nurseri di bawah JKM. Apakah cara-cara bagi mendapatkan elaun ini.

**Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. DUN]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh* dan selamat pagi. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh yang bertanyakan soalan ini. Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi perjuangan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat supaya lebih banyak taman asuhan kanak-kanak atau taska ditubuhkan bagi membantu ibu bapa yang keluar bekerja. Usaha ini adalah selaras dengan sasaran di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh bagi mencapai 55 peratus penyertaan wanita dalam pasaran pekerjaan pada penghujung tahun 2015.

Bantuan yuran pengasuhan taska 2014 yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sewaktu pembentangan Bajet 2014 akan memberikan manfaat kepada ibu bapa atau penjaga berpendapatan bulanan RM900 ke bawah dengan kadar maksimum RM250 sebulan atau mengikut kadar yuran taska yang sebenar mengikut mana yang lebih rendah.

■ 1110

Bantuan ini akan disalurkan kepada pengusaha taska di mana kanak-kanak tersebut menerima pengasuhan. Sehubungan itu, permohonan Bantuan Yuran Pengasuhan Taska 2014 bolehlah dikemukakan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) melalui pengusaha taska yang terbabit. Terima kasih.

**Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh:** Terima kasih di atas jawapan oleh Timbalan Menteri. Memang kerajaan mempunyai banyak program atau skim bantuan untuk golongan berpendapatan rendah. Walau bagaimanapun, masalah yang kita hadapi adalah sistem penyampaian kerajaan, cabaran kita ialah supaya semua di *target group* ini, dengan izin, boleh mendapat bantuan ini?

Adakah kementerian mempunyai data yang *complete* bagi isi keluarga yang berpendapatan kurang daripada RM900 sebulan? Apakah cara kementerian membuat verifikasi pendapatan ini? Setakat ini berapa banyakkah *private nursery*, dengan izin, yang telah berdaftar dengan JKM dan yang belum mendaftar itu, apakah cara untuk mereka berdaftar dengan JKM?

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun:** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Jaspal Singh di atas soalan tambahan. Pertamanya untuk tahun 2014, kita telah mensasarkan akan dapat membantu 3,334 orang kanak-kanak daripada keluarga yang menjadi sasaran kita. Saya faham juga tentang masalah yang disebutkan tadi itu, tetapi sebenarnya kalau kita tengok caranya untuk kita memberikan bantuan ini adalah melalui laman sesawang JKM. Boleh dimuat turun borang permohonan oleh keluarga yang berkaitan ini dan kemukakan nanti melalui taska di mana mereka menghantar anak-anak mereka terus kepada JKM. Jadi ini caranya mudah sekali.

Saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat juga dan Dewan yang mulia ini, tahun lalu sahaja kita telah dapat membantu memberikan manfaat kepada 2,338 orang kanak-kanak yang melibatkan lebih kurang 303 taska. Tahun ini untuk makluman Dewan yang mulia ini, jumlah taska yang berdaftar dengan JKM sudah pun sampai kepada 3,088 buah taska. Taska yang baru sahaja berdaftar ialah 1,042 taska. Kita sebenarnya mensasarkan 1,000 kita daftarkan tahun ini, tetapi kita telah melebihi dapat 1,042 taska yang berdaftar dengan JKM.

Jadi untuk mereka mendapatkan manfaat RM250 bagi seorang kanak-kanak ini, mereka bolehlah menghantar anak-anak mereka ke mana-mana juga taska yang berdaftar dengan JKM ini dan bukan yang tidak berdaftar. Terima kasih.

8. **Dato' Dr. Johari bin Mat** minta Menteri Kewangan menyatakan, apakah usaha-usaha yang telah dilakukan untuk memastikan tiada ketirisan dana yang diperuntukkan untuk pembangunan nasional dan perbelanjaan operasi di samping ketelusan dalam pemberian kontrak serta amalan surat sokongan yang kerap digunakan untuk mempengaruhi kakitangan kerajaan untuk memintasi dasar dan tatacara standard kerajaan dalam mendapatkan kontrak.

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat yang bertanyakan soalan. Kementerian Kewangan sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan amalan tadbir urus yang baik dengan izin, *good governance* dan memperkasakan perolehan kerajaan berdasarkan prinsip-prinsip ketelusan dan saingan terbuka.

Di samping itu juga Unit Audit dalam kementerian dan Jabatan Audit Negara membuat auditan dan pemantauan pelaksanaan aktiviti perolehan kerajaan dan semua agensi bagi memastikan perolehan dibuat mengikut peraturan yang ditetapkan. Untuk tujuan tersebut, Kementerian Kewangan telah mengeluarkan peraturan melalui Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) mengenai sebut harga dan tender untuk dipatuhi sepenuhnya oleh agensi seperti berikut:

- (i) semua keputusan berkaitan dengan pemilihan penyebut harga atau pentender yang layak yang telah memenuhi penilaian adalah diputuskan secara kolektif menerusi Jawatankuasa Sebut Harga atau Lembaga Perolehan berdasarkan had nilai sesuatu perolehan melalui Jawatankuasa Sebut Harga dan Tender;
- (ii) mengemaskinikan garis panduan pelaksanaan *Integrity Pact*, dengan izin, dalam perolehan kerajaan untuk dilaksanakan oleh semua agensi. Pelaksanaan *Integrity Pact* ini adalah sebahagian daripada usaha ke arah meningkatkan integriti dan ketelusan dalam perolehan kerajaan.

Kesemua pihak yang terlibat dalam urusan tender dan juga perolehan berkenaan hendaklah menandatangani *Integrity Pact* dan ia merangkumi penjawat awam, pengerusi atau ahli jawatankuasa perolehan, pembida dan perunding.

Di samping itu, Unit Pemerolehan Tadbir dan Perancangan Pengurusan Malaysia iaitu MAMPU, Jabatan Perdana Menteri telah mengeluarkan satu garis panduan berkaitan tindakan ke atas sokongan yang diterima daripada pemimpin kerajaan, individu berpengaruh atau mana-mana orang mengenai sesuatu urusan kerajaan untuk dipatuhi sepenuhnya oleh agensi. Garis panduan tersebut antaranya menetapkan:

- (i) perakuan-perakuan sokongan yang diterima tidak semestinya digunakan sebagai asas merit atau kelayakan dalam mempertimbangkan sesuatu keputusan kerajaan; dan
- (ii) penjawat awam hendaklah sentiasa bertindak berdasarkan peruntukan undang-undang, peraturan dan tatacara urusan kerajaan yang sedang berkuat kuasa.

Terima kasih.

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan saya ucap terima kasih kepada jawapan Menteri kepada persoalan ini. Dengan kaedah dan garis panduan yang telah dikemukakan oleh pihak kementerian, adakah masalah ketirisan ini telah dapat diatasi atau sudah tidak ada lagi dalam negara kita? Kalau sekiranya ada, apa faktor yang menyebabkan ia berlaku dan tindakan-tindakan yang telah diambil terhadap mereka yang terbabit. Terima kasih.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator. Memang kita akui masih ada lagi beberapa perkara sebagaimana yang ditegur oleh Ketua Audit Negara. Walau bagaimanapun, pada ketika kita ingin memperbaiki segala-galanya itu, teguran Ketua Audit Negara baru-baru ini melibatkan segala-galanya RM1.5 bilion lebih kurang. Jika kita melihat Bajet 2013, jumlah keseluruhan ialah RM261.3 bilion. Bajet 2014 RM264.2 bilion dan Bajet 2012 lebih kurang RM255 bilion begitu. Teguran RM1.5 bilion jika kita jadikan peratusan, teguran itu 0.6 peratus daripada keseluruhan tetapi bunyi di luar semacam 60 peratus. Jadi sebenarnya 0.6 peratus sahaja. Pun begitu, kita tidak mengambil ringan terhadap segala perkara yang berlaku. Dalam Laporan Ketua Audit Negara 2011, 10 kes disiasat oleh SPRM, 8 kes disiasat oleh JPA. Dalam Laporan Ketua Audit Negara 2012, 100 disiasat dan 25 disiasat oleh SPRM. Mereka yang terlibat tentunya kita akan ambil tindakan. Terima kasih.

**9. Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud** minta Menteri Tenaga. Teknologi Hijau dan Air menyatakan, bilakah tarikh tamat perjanjian konsesi di antara kerajaan dengan Pengeluar-pengeluar Tenaga Bebas (*Independent Power Producer*) IPP, dan apakah langkah dan tindakan yang akan diambil selepas tarikh tamat tersebut.

**Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air [Dato' Seri Mahdzir Khalid]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat pagi Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud atas pertanyaan mengenai dengan *Independent Power Plant* (IPP).

Sukacita saya maklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa *Independent Power Plant* ataupun IPP yang ada di negara ini membuat perjanjian *power purchase agreement*, dengan izin, PPA dengan Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan bukannya menandatangani dengan kerajaan. Antara IPP yang menandatangani dengan kerajaan atau dengan TNB, ada tiga peringkat. Pertama dipanggil generasi yang pertama. Generasi yang pertama ini terdiri daripada lima IPP iaitu:

■ 1120

- (i) YTL yang akan tamat PPAnya pada 30 September 2015;
- (ii) SEV akan tamat PPAnya pada 30 Jun 2017;
- (iii) Genting Sanyen Power Sdn. Bhd. 4 Disember 2015;
- (iv) Power Tech 13 Januari 2016; dan
- (v) Port Dickson Power pada 1 Januari 2016.

Ini generasi yang pertama.

Bagi generasi yang kedua dan generasi yang ketiga, semuanya melepasi daripada tahun 2020, Tuan Yang di-Pertua. Bagi IPP generasi pertama di Semenanjung, kesemua IPP tersebut akan tamat tempohnya di sekitar 2015 dan 2016. Memandangkan IPP-IPP ini masih lagi mempunyai kemampuan untuk beroperasi dan kos modal membina stesen jana kuasa tersebut telah habis dibayar, kerajaan berpendapat bahawa stesen-stesen tersebut masih lagi mampu menjana bekalan elektrik sekurang-kurangnya dalam tempoh sepuluh tahun.

Sehubungan dengan itu, kerajaan pada tahun 2012 telah melaksanakan bidaan kompetitif terhadap bagi pelanjutan tempoh operasi atau disebut sebagai *competitive bidding*, dengan izin, stesen jana kuasa yang akan tamat tempoh operasinya di mana bidaan ini merangkumi stesen jana kuasa yang dimiliki oleh IPP dan juga TNB. Mana-mana pihak yang ingin menyertai bidaan tersebut hendaklah mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh kerajaan, antaranya:

- (i) kadar *capacity payment* yang merangkumi *fix operating rate* (FOR) dan *capacity rate financial* (CRF) yang diperlukan sekurang-kurangnya dalam RM6 per kilowatt per bulan;
- (ii) tempoh pengurangan pembayaran kapasiti bermula 48 bulan sebelum tamat tempoh PPA sedia ada;
- (iii) IPP perlu menandatangani PPA yang baru yang menggunakan format yang telah ditetapkan oleh Suruhanjaya Tenaga; dan
- (iv) tempoh PPA hanya dihadkan kepada maksimum sepuluh tahun daripada tamatnya PPA yang sedia ada bergantung pada kadar pengurangan dan keperluan kapasiti tersebut.

Hasil dari bidaan ini sebanyak dua stesen jana kuasa IPP generasi pertama dan sebuah stesen jana kuasa TNB telah diberikan kelulusan beroperasi lima hingga sepuluh tahun. Stesen tersebut adalah Genting Sanyen Power Sdn. Bhd., Segari *Energy Venture* dan Stesen Jana kuasa Pasir Gudang yang dimiliki oleh TNB. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, apakah benar dakwaan yang menyatakan bahawa Suruhanjaya Tenaga bercadang untuk memecah-mecahkan TNB yang ada sekarang ini kepada lima atau enam entiti? Antaranya bagi perkhidmatan pengguna dalam bahasa Inggeris disebut *consumer service*, penghantaran atau *transmission*, pengawal selia sistem grid, penjanaan dan sebagainya. Adakah benar bahawa TNB yang ada ini akan dipecah-pecahkan? Terima kasih.

**Dato' Seri Mahdzir Khalid:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada soalan tambahan. Sebenarnya setakat ini pihak Suruhanjaya Tenaga tidak bercadang untuk memecah-mecahkan TNB kepada kumpulan-kumpulan ataupun kepada syarikat-syarikat kecil, cuma saya suka memaklumkan kepada Dewan bahawa operasi di TNB sekarang ini adalah terbahagi kepada tiga. Pertama dikenali sebagai *generation* ataupun yang membekalkan bekalan kuasa elektrik *power plant* sama ada TNB ataupun swasta, IPP.

Keduanya dikenali sebagai penghantaran ataupun *transmission* yang kita tengok ada kabel yang tinggi-tinggi, 500 kilowatt or 275 kilowatt dan 132 kilowatt dan yang ketiganya adalah *distribution* iaitu yang menghantar bekalan elektrik ke rumah atau ke kilang. Jadi ada tiga komponen di dalam TNB itu dan pada waktu ini saya katakan tadi bahawa Suruhanjaya Tenaga tidak bercadang untuk memecah-mecahkan. Terima kasih.

**Dato' Boon Som a/I Inong:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Oh, ada yang bangun ya? Okey, minta maaf.

**Dato' Boon Som a/l Inong:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya adalah sejak tertubuhnya IPP ini banyak kontroversi dan persoalan timbul dan ada dakwaan terutama sekali pembangkang mengatakan bahawa kerajaan membayar subsidi kepada IPP ini. Adakah dengan kenaikan tarif elektrik 15 peratus di Semenanjung dan 16 peratus di Sabah juga Sarawak, adakah kerajaan perlu membayar lebih kepada IPP ini?

Soalan kedua saya, adakah kenaikan tarif elektrik ini akan memberi impak ekonomi termasuklah kenaikan harga dan sebagainya dan adakah kerajaan akan mengkaji tarif elektrik di tempat awam seperti rumah ibadat contohnya masjid, surau supaya akan dikecualikan ataupun diturunkan harga yang murah, *discount rate* kepada rumah-rumah ibadat seperti kuil, gereja, masjid, surau dan sebagainya? Ini kerana mereka ini adalah...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, cukup setakat itu kerana yang lain itu masa berbahas nanti boleh bangkitkan.

**Dato' Boon Som a/l Inong:** Okey, okey. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Mahdzir Khalid:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat yang bertanya. Banyak soalan. Pertama mengenai dengan dakwaan bahawa kerajaan memberi subsidi kepada IPP ataupun *Independent Power Plant*. Saya ingin tegaskan di dalam Dewan yang mulia ini bahawa sepanjang daripada tempoh penubuhan IPP daripada mula ditubuhkan seperti yang saya sebutkan tadi sehingga hari ini, kerajaan tidak memberi subsidi kepada mana-mana IPP. Apa yang berlaku adalah kerajaan telah menetapkan satu kadar harga pembelian gas untuk IPP iaitu harga di bawah daripada harga pasaran. Kerajaan menetapkan bahawa gas pada harga RM13.70 *per* MMBTU, sedangkan dalam *market* harga gas lebih daripada RM40 dan ini ditanggung oleh Petronas dan Petronas menanggung apa yang dipanggil *for gone revenue*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Keuntungan yang dilepaskan oleh Petronas tiap-tiap tahun lebih kurang RM14 bilion ataupun sepanjang tempoh keseluruhan hasil yang telah dilepaskan oleh Petronas dari tahun 1997 hingga September 2013, RM135.23 bilion. Ini maknanya, harga siling yang diberi oleh kerajaan kepada TNB untuk mendapat tarif elektrik yang ada sekarang. Kalau kita pergi kepada harga pasaran, gas itu pada harga pasaran sudah tentu harga tarif yang ada sekarang tidak boleh berada pada taraf sekarang. Jadi hendak kena lebih daripada itu. Oleh sebab itu, kerajaan tetapkan pada satu kadar harga.

■ 1130

[*Timbalan Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat*]

Apa yang disebut oleh Yang Berhormat tadi mengenai dengan semakan tarif kepada rumah-rumah awam atau pun rumah ibadat. Untuk pengetahuan Dewan dan Ahli-ahli Yang Berhormat, bahawa sekarang ini pihak TNB memberi potongan sebanyak 10 peratus kepada semua rumah-rumah ibadat masjid, surau dan lain-lain rumah ibadat 10 peratus. Jadi kalau permintaan tadi Yang Berhormat bolehlah kita bawakan kepada kerajaan untuk sama ada boleh dinaikkan potongan peratus kepada masjid dan lain-lain rumah ibadat. Terima kasih.

**10. Datuk Raja Ropiaah binti Raja Abdullah** minta Menteri Kewangan menyatakan, kerajaan telah membelanjakan RM4 bilion hingga RM5 bilion setahun untuk mengimplementasikan BR1M. Adakah kaedah lain selain BR1M yang lebih baik untuk memberi bantuan kepada rakyat dan pihak kerajaan juga perlu memikirkan cara untuk mengurangkan kos sara hidup seumpamanya kos minyak petrol dan diesel.

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Senator Datuk Raja Ropiaah binti Raja Abdullah terima kasih atas soalan. Saya ingin menjawab soalan ini bersama Yang Berhormat Senator Dato' Syed Ibrahim bin Kader yang dijadualkan pada 19 Disember 2013 kerana ia memandangkan hampir serupa.

Selain daripada pemberian Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M), kerajaan sentiasa berusaha untuk menangani kos sara hidup yang dihadapi oleh rakyat termasuk melalui pemberian subsidi, bantuan dan insentif. Dari segi pemberian subsidi, harga barang keperluan asas seperti beras, minyak masak, tepung, gas masak, petrol RON95, diesel dan elektrik bagi penggunaan RM20 ke bawah masih diberi subsidi oleh kerajaan.

Kerajaan juga memberi subsidi bagi perkhidmatan pengangkutan seperti subsidi tol, subsidi pengangkutan udara ke kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak serta subsidi perkhidmatan kereta api di laluan Wilayah Timur iaitu di Pahang dan Kelantan.

Dari segi pemberian bantuan khususnya bagi sektor pendidikan, kerajaan akan meneruskan bantuan persekolahan RM100 seorang untuk bajet 2014, RM540 juta. Kepada pelajar sekolah rendah dan menengah, Program Baucer Buku 1Malaysia bernilai RM250 setiap pelajar untuk bajet 2014 bernilai RM325 juta. Serta subsidi kadar faedah bagi Pinjaman Tabung Pendidikan Tinggi Nasional, menurunkan daripada 4 peratus kepada 1 peratus. Kadar faedah jumlah subsidi itu RM1.5 bilion. Bantuan persekolahan dalam bentuk makanan dan pinjaman buku teks juga diberi kepada murid sekolah.

Di samping itu kerajaan terus menyediakan peruntukan untuk insentif hasil tangkapan nelayan dan pengeluaran padi serta bantuan kepada Orang Asli. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2013 sebanyak RM46.7 ribu juta atau RM46.7 bilion atau satu per lima atau 20 peratus daripada perbelanjaan mengurus kerajaan diperuntukkan untuk subsidi, bantuan dan insentif kepada rakyat yang secara tidak langsung dapat menangani kos sara hidup mereka. Tidak ada negara dalam dunia ini yang sebegitu baik kepada rakyatnya, kecuali Kerajaan Barisan Nasional... [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua, rakyat turut menikmati pelbagai bantuan kerajaan secara tidak langsung dalam bentuk perkhidmatan sosial dengan bayaran minimum atau percuma antara contohnya rawatan perubatan di klinik dan hospital kerajaan, pendidikan di sekolah rendah dan menengah termasuk buku teks percuma dan Institusi Pengajian Tinggi Awam serta biasiswa dan pinjaman pelajaran. Sebagai contoh di IPTA, 90 peratus daripada kosnya ditanggung oleh kerajaan yang PTPN itu hanya menanggung 10 peratus sahaja daripada kos pengajian tinggi. Itu pun boleh percuma kalau dapat *first class honors*.

Pada tahun 2015, satu jaringan keselamatan sosial atau pun *social safety net*, dengan izin, yang lebih menyeluruh akan diperkenalkan. Sehubungan dengan ini, Unit Perancang Ekonomi (EPU) Jabatan Perdana Menteri sedang menjalankan kajian bagi mewujudkan sistem jaringan keselamatan sosial tersebut. Bagi tujuan ini kerajaan akan mewujudkan satu sistem pangkalan data yang komprehensif termasuk mengintegrasikan data e-Kasih, data penerima bantuan kebajikan dan penerima BR1M bagi memastikan tiada pertindihan dan keciciran pemberian bantuan pada golongan sasaran.

Pada golongan berpendapatan sederhana pula, kerajaan akan memberi pelepasan cukai khas sebanyak RM2,000 ke atas pendapatan tahun 2013 untuk mereka yang berpendapatan sehingga RM8,000 sebulan. Langkah ini akan memberi penjimatan bayaran cukai sehingga RM480. Selain itu, kerajaan juga telah mengumumkan pengurangan kadar cukai kepada kumpulan tersebut semasa bajet 2013 yang lalu yang turut memberi penjimatan cukai sehingga RM475 ke atas pendapatan tahunan 2013.

Bagi meringankan beban rakyat untuk memiliki rumah, kerajaan telah dan akan melaksanakan langkah-langkah termasuk menyemak semula cukai keuntungan harta tanah - RPGT dan meningkatkan harga minimum hartanah yang boleh dibeli oleh warga asing daripada RM500,000 seunit kepada RM1 juta seunit bagi memastikan harga rumah stabil serta mengekang aktiviti spekulasi yang keterlaluan. Membina rumah mampu milik bagi golongan miskin berpendapatan rendah dan sederhana di seluruh negara di bawah Jabatan Perumahan Negara. Contoh Program Perumahan Rakyat, Program Perumahan Rakyat Disewa dan Perumahan Rakyat Bersepadu, Perbadanan Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) dan Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan juga memperkenalkan Skim Perumahan Mampu Milik Swasta atau *MyHome* yang menawarkan subsidi RM30,000 seunit kepada pemaju swasta untuk membina rumah kos rendah dan sederhana. Terima kasih.

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan Yang Berhormat Senator Datuk Raja Ropiah. Silakan Yang Berhormat.

**Datuk Raja Ropiah binti Raja Abdullah:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri di atas jawapan. Syukur *alhamdulillah*, Kerajaan Barisan Nasional selain daripada pemberian BR1M, banyak lagi subsidi-subsidi lain yang diteruskan demi untuk kesejahteraan rakyat. Saya ingin balik kepada persoalan BR1M, oleh kerana pemberian BR1M ini yang diterima hampir 25 peratus daripada rakyat Malaysia menyebabkan lebih kurang 7.9 juta penerima bagi tahun 2014. Maka sistem penyampaian dan pemberian BR1M mestilah ada penambahbaikan dan diperkemas supaya tidak timbul rasa kurang senang dan tidak selesa kepada penerima-penerima yang akhirnya usaha murni kerajaan ini dipandang negatif oleh ramai orang. Jadi saya ingin mengetahui, apakah langkah-langkah penambahbaikan sistem penyampaian yang telah dirancang bagi tahun 2014?

Serta soalan yang kedua saya ialah, saya amat-amat mengalu-alukan dan mengucapkan tahniah di atas inisiatif kerajaan untuk memberi perlindungan insurans takaful berkelompok Rakyat 1Malaysia atau i-BR1M kepada semua penerima isi rumah BR1M. Bilakah agaknya tarikh implementasi skim ini? Saya berharap bahawa rakyat yang muflihs juga akan diberi perlindungan. Terima kasih.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Raja Ropiah. Dua soalan tambahan mengenai BR1M.

Sukacita saya maklumkan bahawa penerima BR1M pada tahun ini tahun 2013 ialah sebanyak 6.8 juta orang dengan nilai RM2.9 bilion pada tahun hadapan meningkat sebagaimana Yang Berhormat sebut kepada 7.9 juta daripada 6.8 juta orang meningkat kepada 7.9 juta orang. Ini disebabkan ada lebih kurang hampir sejuta kategori baru yang kita tidak janji tapi kita hendak bagi.

Sebelum ini kita berikan kepada yang berpendapatan RM3,000 dan ke bawah, ketua isi rumah dan yang bujang berpendapatan RM2,000 ke bawah. Baru-baru ini kerajaan telah membuat keputusan untuk memberikan tambahan BR1M kepada yang berpendapatan RM3,001 ke RM4,000 dengan nilai RM450 campur RM50 i-BR1M atau pun insurans BR1M yang berpendapatan RM3,000 ke bawah disebut oleh pembangkang yang kita tidak menepati janji itu tidak betul, sebab janji kita ialah peningkatan BR1M RM500 kepada RM1,200 dalam masa lima tahun. Kita tingkatkan RM500 kepada RM650 untuk tahun hadapan campur RM50 insurans BR1M yang kita tidak janji pun tetapi kita bagi. Kita juga menambah daripada RM250 kepada RM300 kepada penerima BR1M bujang. Saya memandang tinggi atas saranan Yang Berhormat untuk kita memperbaiki sistem penyampaian BR1M.

■ 1140

Ada pandangan supaya BR1M ini dimasukkan dalam akaun tetapi ada bantahan terutama daripada Ahli-ahli Yang Berhormat. Dia kata masa itulah sebenarnya mereka ingin bertemu dengan rakyat. Dapat bersalam, berjabat tangan, bertemu mata dengan rakyat yang pelbagai golongan termasuklah juga daripada pelbagai parti hadir untuk menerima. Jadi kita belum membuat keputusan muktamad. Ada cadangan masuk dalam akaun. Akan tetapi kalau masuk dalam akaun ini, rakyat tidak akan terasa mereka menerima bantuan itu sebagaimana segala bantuan subsidi yang kita berikan sekarang ini, rakyat juga tidak terasa kita menolong kerana dimasukkan terus dalam harga segala subsidi itu dengan harga yang lebih rendah. Mereka fikir itulah harganya walhal itu bukan harganya. Kalau kita tarik subsidi, harganya akan berlipat kali ganda.

Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat, sistem penyampaian itu akan dibaiki kalau pun kita membuat keputusan untuk memberikan secara tunai, mungkin lebih banyak kita perlukan kaunter untuk memberi, mungkin lebih banyak majlisnya. Saya kira paling sesuai satu-satu majlis itu tidak boleh lebih daripada 2,000 orang penerima. Kalau lebih daripada 2,000 orang penerima, dia akan jadi masalah. Jika dibuat dalam stadium, dia akan masalah. Ia perlu dibuat di dewan-dewan sahaja. Tidak perlu stadium sehingga menyusahkan.

i-BR1M ini satu pembaharuan yang menarik. Kepada yang mufliis itu, kita akan memberi pertimbangan kerana ia adalah insurans takaful sehingga RM30,000 untuk kematian dan juga untuk kecacatan kekal. Kita sedang memperhalusi berapakah jumlah sebenar untuk diberi apabila mati tetapi telah diumumkan RM30,000 sama ada syarikat insurans berupaya untuk memberikan sebab caruman ini cuma RM50 premiumnya. Jadi kita telah mengumumkan RM30,000. Mati sahaja dapat RM30,000 dan kemudian cacat kekal itu sehingga RM10,000. Hilang kaki misalnya adalah mungkin RM10,000, hilang kedua-dua belah kaki mungkin RM20,000. Itu semua sekali sedang diperhalusi dan tidak ada satu skim insurans yang sebegini ramai kepada rakyat kecuali di negara Malaysia.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Dengan jawapan daripada Yang Berhormat Menteri itu tadi, maka setakat inilah pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan kita untuk pagi ini.

*[Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan tamat.]*

**RANG UNDANG-UNDANG**

**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2014**

**Bacaan Kali Yang Kedua**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang" **[10 Disember 2013]**

**Timbalan Yang di-Pertua:** Minta Yang Berhormat Dato' Lim Nget Yoon sambung berucap.

**11.43 pg.**

**Dato' Lim Nget Yoon:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Pada masa kini, banyak negeri termasuk negeri saya, negeri Pahang dalam keadaan banjir. Negeri Pahang ialah tempat yang berada dalam keadaan banjir yang paling teruk. Kalau kita analisis punca banjir, tidak lari daripada kemajuan. Apabila hutan dibersihkan, pokok dipotong, akibatnya tanah runtuh, sungai tersumbat serta banjir kilat. Jadi saya berharap kementerian atau pihak yang meluluskan pelan, tidak kira pelan perumahan atau pelan kawasan industri perlulah lebih proaktif, lebih tegas dan lebih berpandangan jauh untuk mengelakkan akibat yang buruk tertinggal oleh kemajuan itu.

Punca banjir kedua memang ada berkaitan dengan alam sekitar. Apabila hutan simpanan kita dicerobohi dan dijadikan kebun sayur, kebun getah, kebun sawit dan sebagainya dan kejadian tersebut menjadikan banjir secara langsung. Punca ketiga untuk banjir, saya hendak katalah kesalahan manusia sendiri, rakyat sendiri. Apabila kita mengadakan gotong-royong mencuci sungai yang tersumbat untuk mengelakkan banjir berlaku, kita dapati bukan sahaja sampah-sarap tetapi barang-barang yang di luar jangkaan kita. Kita dapat kerusi, meja, tilam dan juga peti sejuk. Kalau keadaan sungai kita begitu teruk, bagaimana banjir tidak akan berlaku?

Kalau kita ambil punca pertama iaitu kemajuan mengakibatkan banjir, kita ada keuntungan dan kerugian tetapi kalau punca kedua dan ketiga yang menyebabkan banjir, hanya beberapa orang atau sindiket yang dapat keuntungan. Kita rugi dari semua aspek dan perbelanjaan tambahan untuk membaik pulih keadaan tempat banjir dan memberi bantuan kepada mangsa banjir dan mungkin timbul perbelanjaan tambahan yang selalu dibangkit oleh pihak tertentu. Jadi saya berharaplah kementerian berkenaan ada langkah-langkah yang lebih efisien untuk mencegah kejadian punca-punca itu tidak berlaku.

Saya ingin menyentuh di negara kita menghadapi kekurangan sumber manusia. Langkah-langkah yang diambil oleh kementerian untuk mengatasi kekurangan sumber manusia termasuk *flexible working hour* dan taska-taska diberikan bantuan, saya amat mengalu-alukan program-program tersebut sebab kedua-dua program ini khusus untuk menggalakkan kaum wanita yang bekerja sebelum bersalin anaknya tetapi terpaksa berhenti bekerja untuk menjaga anak-anak sendiri. Jadi program ini akan menggalakkan mereka kembali bekerja dan ini akan membantu sasaran kerajaan iaitu pada tahun 2015, 55 peratus wanita akan bekerja serta mengurangkan kekurangan sumber manusia.

Masih pada kekurangan sumber manusia, kita dapati 3 juta pekerja asing yang berdaftar dan tidak tahu berapa lagi tanpa pendaftaran. Selepas kekacauan oleh pekerja asing yang berlaku di Little India di Singapore, kita berasa khuatir kalau kejadian sama pun berlaku di negara kita. Adakah langkah-langkah apa untuk mencegah kejadian itu sebelum ia berlaku sebab, dengan izin, *prevention is better than cure*.

**■ 1150**

Masih pada kekurangan sumber manusia. Adakah kita terlepas kaum orang Asli? Kenapa majikan tidak mengupah Orang Asli bekerja untuk mereka? Yang penting mereka ialah warganegara kita dan kita boleh berkomunikasi dalam Bahasa Malaysia dan mata wang kita tidak akan mengalir kepada negara lain serta merosot ekonomi negara kita. Dengan cara ini kita bantu mereka bukan hanya memberikan mereka ikan tetapi kita mengajarkan mereka cara memancing. Inilah cara yang paling baik untuk membantu golongan miskin keluar daripada golongan miskin tegar.

Pada masa sekarang negara kita kekurangan guru yang mahir mengajar bahasa Inggeris dan kita terpaksa mengupah guru-guru *English* daripada negara lain untuk mengajar mata pelajaran *English*. Kita dapati ramai guru yang berilmu dan berpengalaman untuk mengajar bahasa Inggeris, yang guru itu sudah bersara. Sebab kalau ada *English ed* dan bahasa yang guru-guru dari *English education* itu sudah bersara pada sekarang. Jadi, kalau kumpulan guru-guru bersara ini masih minat dan masih sihat untuk mengajar, kenapa tidak kementerian mengambil balik mereka untuk memberikan sumbangan kepada pihak Kementerian Pendidikan untuk mengatasi kekurangan guru-guru *English*. Dengan ini kita pun sama juga mata wang kita tidak akan keluar daripada negara kita.

Sekarang saya ingin menyentuh tentang TNB bercadang untuk menaikkan tarif. Saya berharap kerajaan perlu mengkaji semula isu tersebut. Memanglah kita diberitahu pengguna elektrik yang bayaran setiap bulan kurang daripada RM70 tidak akan dikena apa-apa kenaikan. Akan tetapi saya khuatir memandangkan semua lapisan menggunakan elektrik. Tidak kira gerai, kedai, *shopping mall*, *workshop* atau kilang, semua lapisan menggunakan elektrik. Apabila perbelanjaan kos mereka naik, maka pengguna akan dijadikan mangsa untuk menanggung kos tersebut serta menaikkan *rate* inflasi dan golongan miskin disusahkan lagi.



Saya dapati satu gambaran apabila kita pergi restoran kita akan nampak meja-meja dengan orang yang tidak sama seperti sekeluarga atau kawan-kawan. Orang yang tidak sama ini mereka akan buat perkara yang sama iaitu fokus kepada skrin iPhone atau *laptop* mereka, tidak kira menunggu makanan atau sedang makan. Inilah yang berlaku pada zaman sekarang. Jadi, mata mereka tidak bertemu, mereka tidak bercakap. Saya masih boleh ingat semasa saya makan malam dengan keluarga. Pada masa itu saya akan terima nasihat daripada ibu bapa atau saya akan berkongsi, bertukar fikiran dengan mereka. Jadi, yang inilah *parenting skill* dan kasih sayang ibu bapa dan anak kita adalah tempat cari sekuriti. Kalau kita tidak berpuas hati atau tidak suka hati, kita boleh cakap, beritahu kepada ibu bapa kita dan dapatkan sokongan dari mereka.

Jadi, kalau kejadian ini berterusan dan tidak ada ambil apa-apa langkah untuk membaiki kejadian tersebut, apa akan jadi kepada generasi muda kita. Mereka hanya fokus kepada *iPhone*, *laptop* dan tidak ada masa untuk belajar bersungguh-sungguh. Kalau tidak belajar, pelajaran mereka merosot dan generasi muda kita akan tidak boleh menyumbang apa-apa sumbangan kepada negara kita. Apa lagi hendak bantu membangunkan negara kita. Jadi, saya berharap Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat akan ada langkah-langkah untuk membaiki kejadian tersebut.

Saya ingin menyentuh tentang sikap pihak tertentu. Sebagai rakyat Malaysia, kita berharap kerajaan kita boleh membangunkan negara kita serta mencapai Wawasan 2020.

#### ■ 1200

Bila ada program yang bagus, yang boleh memberi manfaat kepada rakyat, kita mesti sokong. Kalau ada program atau akta yang tidak begitu memuaskan jangan kondem saja tetapi memberikan cadangan supaya dengan cara ini negara kita boleh membangun. Jadi, saya berharap sikap ini boleh diterima oleh semua pihak serta bekerjasama untuk membangunkan negara kita. Dengan ini saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baiklah, terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Dato' Boon Som a/l Inong, Dato' Boon Som adakah? Dia tidak ada. Yang Berhormat Datuk Seri Mohd Ali bin Mohd Rustam, silakan Yang Berhormat.

#### 12.01 tgh.

**Datuk Seri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk menyampaikan sedikit ucapan dalam membahaskan Bajet 2014 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II di Dewan ini pada 9 Disember yang lepas dengan tema, "*Memperteguh Ketahanan Ekonomi, Memperkasakan Transformasi dan Melaksana Janji*". Bajet 2014 digubal untuk memastikan agar pertumbuhan ekonomi terus berkembang kukuh dan mengurangkan defisit fizikal negara dengan matlamat keseluruhannya memakmur negara dan mensejahterakan rakyat.

Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan yang telah menggariskan lima teras 2014.

- (i) merancang aktiviti ekonomi;
- (ii) mengukuh pengurusan fiskal;
- (iii) mengunggul modal insan;
- (iv) mempergiat pembangunan bandar dan luar bandar; dan
- (v) menyejahterakan kehidupan rakyat.

Saya juga ingin mengucapkan tahniah kerana Bajet 2014 yang telah menunjukkan prospek ekonomi yang mantap, yang mana KDNK meningkat antara 5 peratus ke 5.5 peratus berbanding 4.5 peratus ke 5 peratus pada tahun 2013. Pendapatan per kapita juga meningkat kepada RM34,126 pada tahun 2014 berbanding RM32,144 pada tahun 2013. Anggaran inflasi juga terkawal antara 2 peratus ke 3 peratus dan kadar pengangguran 3.1 peratus. Di samping itu Bajet 2014 juga menunjukkan hasil yang terus meningkat kepada RM224.1 bilion berbanding RM220.4 bilion pada tahun 2013. Saya mengucapkan syabas kepada kerajaan kerana telah memperuntukkan belanjawan sebanyak RM264.2 bilion iaitu RM217.7 bilion untuk belanja mengurus dan RM46.5 bilion untuk belanja pembangunan dengan defisit 3.5 peratus berbanding 2013 sebanyak 4 peratus.

Defisit yang kecil bersamaan 3.5 peratus ini menunjukkan kerajaan berhati-hati dalam berbelanja dan mengikut kemampuan. Semalam masa membahaskan usul ini Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali semasa berucap memuji-muji Dato' Seri Anwar semasa menjadi TPM dan Menteri Kewangan telah membentangkan bajet surplus. Mungkin agaknya Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali lupa bahawa masa bajet dibentangkan di Dewan Negeri Kelantan, tidak silap saya semalam. Kerajaan Negeri Kelantan juga telah membentangkan bajet defisit dan di Dewan Negeri Pulau Pinang juga telah membentangkan defisit bajet pada tahun hadapan 2014 sebanyak RM10.39 juta.

Saya difahamkan di Pulau Pinang pada tahun 2011 pun defisit bajet juga sebanyak RM255.44 juta dan pada tahun 2012 pun defisit bajet juga, RM107.78 juta. Saya ulang balik di Pulau Pinang tahun 2014 defisit bajet RM255.44 juta. Tahun 2011, defisit bajet di Pulau Pinang RM107.78 juta dan tahun 2012 di Pulau Pinang juga defisit bajet RM213.71 juta. Jadi nampak negeri pembangkang pun mengamalkan defisit bajet. Jadi mungkin Dr. Syed Husin Ali kena semak sedikit mengapa mereka mengamalkan defisit bajet. Mungkin benda ini baik sebab itu mereka tiru apa yang dibuat oleh Kerajaan Persekutuan kita.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, dulu masa Dato' Seri Anwar menjadi TPM dan Menteri Kewangan, semalam telah disebut oleh Yang Berhormat daripada Kelantan bahawa ketika itu surplus kerana kerajaan baru memperkenalkan dasar penswastaan. Jadi wang pun banyak dan banyak kerjakerja dilaksanakan oleh sektor swasta sebab itu surplus. Akan tetapi Dato' Seri Anwar ketika itu juga gagal mentadbir ekonomi negara hingga kita hampir bankrap diserang oleh George Soros dan beliau telah mencadangkan mengambil pinjaman daripada IMF tetapi nasib baik Yang Berhormat Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir ketika itu tidak mengikut cakap beliau dan kita menguruskan mengikut cara kita sendiri dengan *packkan* nilai Ringgit Malaysia dengan US dan akhirnya kita dapat pertahankan ekonomi kita hingga menjadi contoh dan teladan bagi negara-negara lain. Sampai sekarang US pun ikut cara kita juga.

Ini menunjukkan bahawa Perdana Menteri kita lebih cekap daripada Dato' Seri Anwar. Kalau kita lihat masa beliau jadi pensyarah ataupun pelajar di Universiti Malaya, beliau telah mengadakan demonstrasi kononnya orang Baling mati kelaparan. Akan tetapi akhirnya takdir Allah beliau jadi Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, sampai hari ini orang Baling belum pun lagi dikatakan orang yang kaya. Masih lagi miskin. Begitu juga di Pulau Pinang. Beliau jaga Permatang Pauh. Masa pilihan raya kecil saya pergi Permatang Pauh, banyak lagi rumah-rumah orang miskin di sana ya. Ada juga orang tua yang miskin, beliau terpaksa tarik papan, bila dia hendak melepas. Jadi banyak rekod-rekod yang beliau sebut masa jadi *student union* dulu, beliau tidak dapat melakukan ketika beliau diberi peluang sebagai Timbalan Perdana Menteri dan juga Menteri Kewangan.

#### ■ 1210

Jadi, kisah-kisah ini patutlah kita ingati supaya kita tidak salah memilih contoh-contoh yang dibuat oleh pihak pembangkang kononnya boleh buat lebih baik. Akan tetapi ketika mereka pegang, mereka pun tidak lakukan apa yang sepatutnya dilakukan. Ketika ini apabila menuduh defisit tidak bagus, tetapi negeri pembangkang pun masih lagi mengamalkan defisit bajet.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh beberapa perkara yang telah menjadi perkara penting dalam bajet pada kali ini. Antaranya adalah GST. Perkara ini pun pihak pembangkang tidak setuju juga. Akan tetapi, saya percaya kalau mereka diberi peluang, mereka pun akan buat. Ini kerana sudah 160 buah negara mengamalkan cukai barang dan perkhidmatan (GST) menggantikan sistem lama iaitu cukai perkhidmatan dan cukai jualan. Telah banyak diperkatakan bahawa GST lebih rendah, hanya 6 peratus berbanding cukai jualan dan perkhidmatan pada masa sekarang.

Saya difahamkan kita boleh mendapat tambahan lebih kurang RM4 bilion tahun pertama dan lebih RM9 bilion pada tahun yang kedua. Ini kerana cukai-cukai ini dapat dikutip dari mereka yang dahulunya tidak bayar cukai. Ini kerana ramai orang boleh lari daripada sistem lama tetapi mengikut sistem GST, mereka yang patut bayar cukai terpaksa membayar dan wang ini boleh digunakan untuk membantu mereka yang perlu dibantu, mereka yang berpendapatan rendah. Oleh itu, saya ingin mencadangkan kepada kerajaan agar memberikan satu butiran, lebih GST ini hendak digunakan untuk apa? Ini supaya rakyat lebih jelas dan tidak ada rasa syak wasangka seolah-olah GST ini akan disalahgunakan dengan kebocoran. Misalnya untuk membayar syarikat IPP yang telah banyak membuat keuntungan ataupun berbelanja perkara-perkara yang lain-lain lebih daripada harga yang sewajarnya.

Antara perkara yang boleh diberi perhatian adalah pinjaman pengajian tinggi- tabung PTPTN yang mana pelajar-pelajar ingin supaya ianya dapat dikurangkan lagi. Memang sukar kita hendak bagi percuma, tetapi mungkin dengan adanya tambahan kepada GST, pinjaman pelajar ini sebahagian dibayar, sebahagian diberi percuma. Jika mereka dapat kelulusan yang lebih baik macam yang dibuat sekarang, kelas pertama percuma, *second class upper* boleh potong lagi beberapa *percent* dan kalau *second class* markahnya baik boleh juga yang *lower* itu diberikan lagi potongan. Melalui cara begini, mungkin orang ramai dapat melihat bahawa GST ini akan memberi sumbangan kepada mereka yang amat memerlukan.

Begitu juga GST ini boleh kita gunakan untuk menghadapi kos sara hidup. Antaranya gaji yang rendah sekarang. Sekarang kita sudah letakkan gaji minimum. Jadi, mungkin kepada syarikat-syarikat yang tidak berapa mampu, kerajaan boleh bagi sedikit sumbangan supaya gaji mereka dapat dibantu oleh lebih daripada GST. Begitu juga dalam kes orang muda yang inginkan rumah sekarang.

Di bawah PR1MA ramai yang menunggu. Ini kerana mereka yang bawah gaji RM3,000 boleh dapat rumah PR1MA yang harga dalam RM180,000. Akan tetapi kerana pembinaannya yang agak lambat, pegawai kerajaan ini atau orang-orang muda tiba-tiba tunggu setahun, gajinya sudah naik. Mungkin 10 peratus. Jadi, sudah RM3,300. Jadi, mereka sudah terlepas peluang untuk mendapat rumah PR1MA. Oleh kerana itu, saya berharap cukai GST ini boleh digunakan untuk mengambil atau *acquire* tanah-tanah untuk pembinaan rumah PR1MA ini dengan lebih cepat. Misalnya proses boleh dimulakan sekarang.

Ini kerana hendak ambil tanah pun makan masa yang panjang. Jadi, kalau hendak ambil makan masa kadang-kadang enam bulan, mungkin setahun, jadi GST akan mula tahun 2015. Selepas itu, kita hendak tender lagi. Jadi, semuanya makan masa. Jadi, kita boleh programkan lebih awal, duit yang ada pada hari ini kita gunakan untuk pengambilan tanah dahulu. Bila GST datang esok, kita sudah boleh bina. Jadi, jika ini dapat diterangkan kepada rakyat, saya percaya sokongan akan meningkat, kefahaman.

Ini termasuk juga yang rakyat risau sekarang ini adalah perkhidmatan kesihatan. Bila kita sudah tua, macam-macam penyakit datang. Jadi, hendak pergi hospital kita pun hendak pergi hospital pakar tidak cukup duit, hospital biasa ramai orang. Kadang-kadang kena tunggu berjam-jam. Hospital pakar, doktor pakar tidak cukup. Jadi, saya ingin mencadangkan sebahagian duit GST ini juga patut digunakan untuk menubuhkan kemudahan kesihatan. Dahulu di negara luar disebut *health insurance*. Jadi, semua rakyat ada peluang untuk mendapat perkhidmatan doktor pakar. Bukan sahaja di hospital kerajaan tetapi juga di hospital swasta. Melalui cara begini, kita orang-orang miskin dapat perkhidmatan kepakaran seperti yang berlaku di negara-negara maju kerana inilah yang kita harap akan berlaku pada tahun 2020 apabila Malaysia diiktiraf sebagai negara maju.

Satu lagi yang kita- orang miskin susah hati juga bila kita tua, anak-anak tidak jaga kita, mana hendak pergi? Pendapatan tidak ada. Sekarang ini yang kita terpaksa kena hantar mereka ke rumah orang tua-tua lah. Oleh kerana itulah saya berpendapat program BR1M ini memang baik. Satu lagi pendekatan yang boleh kita buat ialah kita kena bagi juga saraan kepada orang-orang tua yang tidak ada keluarga apabila mereka menghadapi hari tua. Katalah sebulan dapat beberapa ratus ringgit. Yang ini kerajaan perlu kiralah, lebih awal berapa banyak GST boleh menyumbang kepada cukai negara dan berapa banyak kita boleh gunakan untuk hal-hal kebajikan.

Oleh kerana jika tahun pertama dalam beberapa bulan kita boleh dapat empat bilion, tahun kedua RM9 bilion atau RM10 bilion, tahun-tahun yang seterusnya saya percaya GST akan menyumbang berpuluh-puluh bilion. Jika isu-isu kebocoran yang ada sekarang ini dapat kita perbaiki bersama, kes-kes rasuah dapat dikurangkan, saya yakin menjelang Malaysia maju pada tahun 2020, kita benar-benar dapat rasa nikmatlah di atas tindakan-tindakan kerajaan dengan memperkenalkan pelbagai cukai, dengan menarik subsidi-subsidi yang selama ini sebahagiannya dinikmati oleh orang-orang kaya.

Oleh kerana itulah menarik subsidi ini memang penting. Sepatutnya subsidi hanya diberi kepada orang yang perlu sahaja. Oleh kerana itulah juga cukai GST ini adalah merupakan satu daripada cara bagaimana orang yang tidak perlu dapat subsidi tidak perlu terima. Yang patut terima hanya orang yang perlu sahaja. Inilah sebabnya mengapa 160 buah negara telah menggunakan cukai GST.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menarik beberapa perkara yang menyentuh negeri Melaka lah. Misalnya isu banjir sekarang. Saya telah mendapatkan laporan daripada Melaka berapa juta lagi permohonan banjir yang saya minta dahulu ketika Melaka berlaku banjir. Masa itu Perdana Menteri Pak Lah dan masa itu Dato' Seri Najib sebagai TPM sama-sama naik botlah di Melaka, di Jasin. Bahkan juga di Taman Merdeka. Kiranya kita telah berjaya membina ban baru untuk mengelakkan banjir di sungai Melaka dan juga banjir kilat. Akan tetapi, sebahagian lagi belum lagi kita terima peruntukannya.

#### ■ 1220

Sungai Melaka sudah kita buat sampai ke Durian Tunggal. Akan tetapi dari Durian Tunggal sampai ke Melaka Pindah, kita perlu bina lagi '*branded flood*' yang lebih besar. Jadi, projek yang belum lulus: RTD Sungai Melaka - RM167 juta; RTD Sungai Duyung - RM77 juta. Kalau hari ini Johor kena banjir di Sungai Kesang ataupun hujan lebat di Tampin, saya percaya Melaka pun akan kena sekali lagi kerana kita belum lagi diluluskan dua lagi projek ini.

Di Sungai Melaka ini termasuk pembelian tanah satu ekar di Melaka Pindah. Tanah sawah yang sentiasa banjir untuk dibuat kolam baru. Saya hendak mengucapkan terima kasih juga kerana Kerajaan Persekutuan telah meluluskan ketika banjir besar berlaku di Melaka dulu iaitu Sungai Kesang, RM100 juta, dan banjir kilat, RM81 juta.

Ini yang sudah dapat- terima kasih. Pada yang belum dapat RM167 juta, campur RM70 juta. Jadi saya harap ini dapat disegerakan agar Melaka dapat mengelakkan banjir sekiranya hujan lebat di Johor dan juga di Negeri Sembilan.

Perkara yang kedua yang saya lihat ialah bekalan air. Ada disebut juga oleh Yang Berhormat Menteri dalam Bajet, saya tengok ada RM457 juta, banyak lagi. Di Melaka, bekalan air akan bertahan sampai tahun 2018. Hari ini tahun 2013. Untuk bertahan sampai tahun 2022, kita perlu tambah satu lagi kolam takungan air iaitu untuk air minum di Sungai Siput, harga lebih kurang RM100 juta. Jadi saya berharap ini juga dapat dibina sekarang kerana pengambilan tanah mengambil masa satu tahun, tender satu tahun, hendak siap dua tahun, hendak isi air satu tahun. Jangka masa dalam lima tahun. Ini sudah tahun 2013. Genap-genap sahaja menjadi tahun 2018. Jadi kalau lambat esok, Melaka akan menghadapi satu lagi krisis air.

Dalam jangka panjang, saya berharap bekalan air antara negeri ke negeri dapat juga dipercepatkan supaya kalau Melaka kurang- sekarang pun kita beli air daripada Johor. Lepas itu air Johor masuk Melaka boleh pergi Negeri Sembilan dan boleh pergi Selangor. Jadi, kerajaan Selangor pun patut juga memberi kerjasama kepada Kerajaan Persekutuan supaya sistem bekalan air di Selangor itu patut diperbaiki dan diberikan kemudahan untuk Kerajaan Persekutuan lakukan kerana kita duduk sebagai sebuah negara mesti bantu-membantu. Politik, mesti bezakan. Hal air janganlah dipolitikkan.

Jadi kalau Selangor kurang air, air daripada Johor boleh sampai ke Selangor melalui Melaka. Air Pahang boleh tiba. Bila kita kurang, air Selangor boleh datang ke Melaka. Ini kerana air ini mustahak, tidak kira pembangkang ataupun kerajaan.

Di samping itu juga, saya melihat ada peruntukan-peruntukan untuk jalan raya. Banyak diperuntukkan. Saya hendak mohon juga. Melaka ini sudah menjadi negeri bandar. Sebahagiannya dengan infrastruktur yang lengkap tetapi kita ada banyak lagi jalan-jalan baru perlu dibuat sebagai bandar menjelang tahun 2020. Pelancong datang ke Melaka pun sudah terlalu ramai. Hari-hari *jammed*.

Dulu telah diluaskan Jalan Pantai Selat Melaka dari Hujung Pasir sampai ke Linggi, sempadan Negeri Sembilan. Akan tetapi telah dibatalkan. Saya merayu melalui persidangan Dewan ini agar dapat ditenderkan semula pada tahun ini ataupun tahun hadapan agar dapat mengurangkan kesesakan lalu lintas di Bandar Melaka. Kadang-kadang dari Ayer Keroh ke bandar makan masa dua jam. Kita harap trafik ini dapat di *disburse* menghala ke utara dan selatan.

Jika jalan dua lorong ini sampai ke Linggi, sempadan Negeri Sembilan, kita boleh sambung pula ke Port Dickson. Daripada Port Dickson boleh sambung ke Selangor dan akhirnya seluruh Pantai Barat Selat Melaka akan menjadi kawasan pertumbuhan ekonomi baru. Ini dapat membangunkan di kawasan-kawasan di luar bandar.

Juga, jalan dari Bandar Melaka ke Ayer Keroh. Ini juga menghadapi masalah *jammed*. Kerajaan sudah tender tahun lepas tetapi sudah dibatalkan. Saya harap dapatlah ditender balik dengan segera dan dibina segera kerana Jalan Tun Razak, Ayer Keroh ke Melaka memang hari-hari orang Melaka kalau hujung minggu Jumaat, Sabtu, Ahad, tidak payah masuk bandar kerana itu adalah hari untuk pelancong-pelancong hingga sudah menjadi budaya hidup orang Melaka sekarang. Jadi saya harap ini dapatlah dibantu oleh Kerajaan Persekutuan.

Juga jalan-jalan yang lain daripada Ayer Keroh pergi ke Kem Terendak, sebahagiannya sudah dua lorong tetapi ada lagi yang separuh janji hendak buat pun masih belum lagi dijadikan dua lorong. Juga jalan-jalan lain menghala ke Jasin, Selandar dan sebagainya kerana Melaka adalah negeri bandar. Kita perlu menghantar ataupun membina jalan-jalan yang lebih baik di seluruh negeri Melaka sebagai negeri yang boleh dijadikan contoh apakah maksudnya negeri bandar.

Ini sudah pasti akan membangunkan seluruh kawasan negeri Melaka dan meningkatkan lagi pertumbuhan ekonomi dan merapatkan lagi jurang perbezaan. Hari ini kita bersyukur kerana pendapatan rakyat Melaka RM1 di desa, RM1.34 di bandar. Kita ingin merapatkan lagi hingga ke RM1 ke RM1.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh berkaitan dengan perbelanjaan lapangan terbang. Saya lihat banyak juga lapangan terbang dibina di negeri-negeri di seluruh negara. Melaka, lapangan terbang telah pun dibina. Setakat ini saya mengucapkan terima kasih banyaklah, kerajaan telah belanja RM170 juta dan kerajaan Melaka juga pinjam dalam RM30 juta untuk sama-sama menyumbang pembinaan lapangan terbang ini yang boleh terima Airbus dan juga 737.

Namun demikian, yang datang servis satu hari satu kapal terbang daripada Indonesia, *Sky Aviation*. Saya berharap syarikat penerbangan lain juga akan datang ke Melaka kerana saya melihat KLIA pun telah sesak, LCCT pun telah sesak. Jadi, sebahagian daripada kapal terbang murah boleh datang ke Melaka.

Akan tetapi, antara yang mereka minta ialah supaya servis penumpang RM28 itu diminta supaya tidak dikenakan. Jadi saya berharap kepada kerajaan, Kementerian Pengangkutan ataupun Malaysian Airport boleh kurangkan lagi khas untuk Lapangan Terbang Melaka supaya lapangan terbang *carrier* kos rendah ini boleh datang tanpa perlu bayar perkhidmatan penumpang ataupun kurang lagi.

Dulu RM50 lebih. Bila saya merayu kepada Yang Berhormat Perdana Menteri, dia turunkan separuh tapi dia turunkan separuh bukan sahaja Melaka dapat, satu Malaysia dapat. Jadi kapal terbang tidak hendak datang juga. Dia hendak minta *free*. Dia kata kalau Melaka *free*, satu Malaysia pun hendak *free*, mengapa Melaka sahaja percuma. Jadi saya minta ada lah *special* pertimbangan.

Atau yang kedua, Kerajaan Persekutuan menjadikan Lapangan Terbang Antarabangsa Melaka sebagai pusat penerimaan, penghantaran pekerja-pekerja luar. Pekerja asing datang Malaysia tidak payah pergi LCCT, tidak payah pergi KLIA, gunakan Lapangan Terbang Antarabangsa Melaka. Jadi, kurangkan kesesakan.

Kedua, saya difahamkan lapangan terbang tentera udara di Sungai Besi juga akan dipindahkan. Saya dengar hendak pindah ke Selangor. Akan tetapi buat apa dipindahkan ke Selangor, buang duit sahaja bukan. Kita hendak jimat cermat. Lapangan Terbang Melaka sudah siap. Hari ini datang, hari ini sudah boleh terbang. Jadi buat apa membazirkan wang? Jadi ini pun perkhidmatan juga. Jadi, pindah sahaja ke Melaka, selesai. Sungai Besi itu apa hendak buat terpulanglah kepada Kerajaan Persekutuan. Dengar khabar hendak bina rumah PR1MA. Jadi kalau itu sudah ada keputusan, saya cadangkan esok pindah, esok Melaka sudah dapat banyak penggunaan. Ini juga cara-cara kita berjimat-berhematlah.

Saya juga hendak menyentuh hal ehwal kesihatan, perbelanjaan hospital. ini semua hal Melaka. Hospital Melaka sudah *jammed*. Dulu semasa menjadi Timbalan Menteri Kesihatan, Hospital Queen Elizabeth di Kota Kinabalu *jammed*. Sampai dekat koridor itu katil.

#### ■ 1230

Saya kata Melaka tidak ada. Selepas itu saya minta Kerajaan Persekutuan bina dan tambah Hospital Besar Melaka. Akan tetapi sekarang ini Hospital Besar Melaka yang baru dibesarkan pun sudah jam, balik kepada yang lama. Yang lama pun sudah jam, sudah sampai koridor.

Jadi saya hendak cadangkan supaya pihak Persekutuan binalah satu lagi Hospital Besar Melaka yang baru dan yang ada ini jadikan Hospital Daerah Melaka Tengah. Di Jasin sudah ada, di Alor Gajah sudah ada, jadi bina yang baru untuk mengurangkan kesesakan yang sedia ada. Ini boleh menambahkan lagi peluang pekerjaan untuk jururawat. Hospital Besar Melaka juga tempat latihan jururawat daripada universiti-universiti dan kolej-kolej *medical* yang terdapat di Melaka.

Saya percaya dengan adanya dua buah hospital besar esok, satu yang ada sekarang dan satu yang baru, maka pesakit-pesakit akan lebih selesa kerana Hospital Besar Melaka bukan sahaja ambil pesakit dari Melaka tetapi termasuk dari Johor Utara macam Muar, Tangkak bahkan juga sampai ke Tampin banyak datang ke Melaka. Saya berharaplah agar dalam belanjawan tahun 2014, kerajaan perlulah mula merancang berkenaan dengan pembinaan Hospital Melaka.

Satu lagi saya hendak sentuh berkaitan dengan perumahan untuk rakyat, rumah terbiar. Banyak rumah terbiar yang lambat dibetulkan oleh kerajaan kerana kita terpaksa rujuk kepada Kerajaan Persekutuan oleh sebab kerajaan negeri tidak cukup duit. Macam Melaka, kita bayar cukai RM2.6 bilion tetapi Kerajaan Persekutuan tidak bagi kita rebat katakan 10 peratus atau 5 peratus. Kalau kita dapat 10 peratus, kita ada RM260 juta. Jadi senang kerajaan negeri untuk membuat apa yang ia hendak buat. Akan tetapi oleh sebab sistem kita tidak memulangkan sebahagian kepada kerajaan negeri, jadi kita terpaksa merayu setiap kali kepada Kerajaan Persekutuan.

Apabila berlaku rumah-rumah terbiar dan kadang-kadang makan masa sampai 10 tahun, ada yang sampai 20 tahun, yang lima tahun, jadi saya menyokong penuh tindakan Kerajaan Persekutuan untuk menubuhkan Lembaga Perumahan Negara atau Majlis Perumahan Negara. Macam di Singapura, ia sebuah negeri bandar atau negara bandar, semua pembinaan rumah diuruskan oleh Lembaga Perumahan Singapura (*Singapore Housing Board*). Termasuk kalau pihak swasta hendak bina pun kena rujuk dengan dia.

Jadi kita perlu ada satu Lembaga Perumahan Negara yang menguruskan semua hal perumahan yang terbiar, yang tidak terbiar. Sekarang kita ada macam-macam jenis rumah, PR1MA, yang bawah SPNB, rumah kos rendah, PPR dan sebagai patut disatukan di bawah satu lembaga. Jadi senang pengurusan. Lembaga ini perlu ada cawangan di negeri-negeri. Semua rumah terbengkalai serahkan sahaja kepada Lembaga ini untuk diambil alih dan dipulihkan dengan segera dan diadakan perundingan yang segera.

Tiap-tiap minggu ada *meeting*. Setiap minggu *meeting* sampai selesai dengan penyertaan kerajaan negeri, pengarah tanah, penasihat undang-undang, syarikat swasta yang berkenaan, Exco yang menjaga agar semua rumah yang terbiar ini dapat segera dibina dan ini dapat membantu orang ramai, kalau tidak terpaksa membayar harga baru. kerana jika lambat, harga rumah terus akan meningkat.

Saya juga hendak sentuh hal belia dan sukan. Saya melihat belia terutamanya seluruh pertubuhan belia tidak berapa diberi perhatian oleh kerajaan dengan peruntukan yang sewajarnya. Saya ingin mencadangkan agar kerajaan memberi peruntukan yang lebih kepada persatuan-persatuan belia kerana jika ada persatuan belia, belia ini lebih tersusun kerana ia ada organisasi untuk menjaga mereka. Kalau kita bagi pada sesiapa sahaja, itu pun bagus tetapi mereka ini tidak ada panduan, tidak ada tempat rujukan. Jadi kita kena guna serampang dua mata. Bagi terus kepada belia-belie, personel pun boleh.

Manakala satu lagi yang penting kepada belia yang berpersatuan. Persatuan ini perlu diperkasakan. Sumbangan kepada persatuan belia di peringkat kebangsaan, negeri, daerah dan cawangan patut ditingkatkan supaya persatuan-persatuan ini boleh membantu kerajaan menguruskan masalah-masalah belia, masalah pendidikan, masalah sosial dan sebagainya. Termasuk juga persatuan-persatuan sukan dan juga persatuan-persatuan pertahanan diri macam persatuan silat, karate, tekwando, bushido, angkat berat, wusyu. Persatuan-persatuan ini banyaknya buat kerja berdikari tanpa bantuan kewangan yang sewajarnya.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, boleh celah sedikit?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada yang hendak mencelah, Yang Berhormat.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Yang Berhormat, saya hendak tanya sikit. Apakah pandangan dan cadangan Yang Berhormat untuk majukan kelab-kelab belia di merata tempat di seluruh negara yang hari ini hidup segan, mati pun tak mahu.

**Datuk Seri Hj. Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya ucap tahniah kerana kerajaan telah melaksanakan dasar baru belia umur bawah 40 tahun. Kadang-kadang, kita orang tua pun macam hendak giat juga dalam persatuan belia tetapi sudah rasa segan. Jadi, sudah tak berapa sesuai lagi. Jadi kita berharap pemimpin-pemimpin belia muda yang telah mengambil alih pimpinan persatuan-persatuan belia mengikut dasar belia kita yang baru yang telah diluluskan di Parlimen supaya menjalankan lebih banyak lagi kegiatan-kegiatan mengikut cita rasa orang muda.

Yang kedua, perlu dibantu oleh kerajaan kerana melabur kepada generasi muda ini tidak rugi kerana masa depan negara terletak kepada orang muda. Dulu ketika persatuan belia banyak diberikan rangsangan sokongan oleh kerajaan, isu-isu orang muda tidak sebanyak apa yang berlaku sekarang. Oleh sebab itu saya berpendapat, pertama, pemimpin-pemimpin belia yang telah diberikan mandat sekarang ini perlu lebih aktif. Kedua, kerajaan perlu membantu pertubuhan-pertubuhan ini dengan peruntukan yang lebih sesuai untuk mereka menjalankan kegiatan dalam skim latihan.

Kita ada IKBN tetapi itu tidak mencukupi untuk kita pergi latihan di IKBN kerana IKBN itu mencakupi sebahagian sahaja. Mungkin ada pertubuhan, seorang pun ahli tidak pergi ke IKBN. Akan tetapi ahli-ahli yang ramai, yang lepasan sekolah, yang masih lagi bersekolah, yang bekerja, yang menganggur, mereka ini semua masuk dalam pertubuhan belia dan mereka inilah yang patut diberikan perhatian yang tinggi. Jika kita bagi bantuan, macam zaman saya pimpin belia dahulu, pengarah belia itu dia sahabat saya. Kalau dia tak ada, kita rasa tidak sempurna. Jadi semua program kita pengarah akan datang. Peringkat daerah, peringkat negeri dan dia datang pun tak tangan kosonglah, tak banyak pun di sumbang RM200. Katalah sudah tidak ada, pakai duit sendirilah RM50.

Kadang-kadang dapat RM500. Jadi, ini membantu belia-belie pada zaman dahulu bergerak cergas. Kemudian pada zaman dahulu jika kita masuk persatuan belia, ada pointlah kalau hendak minta kerja, ada markah 10 persen kerana masuk persatuan belia. Kemudian, masuk persatuan belia, yang mana berjaya, akan dihantar lawatan sambil belajar ke Indonesia, ke Singapura, ke Taiwan ataupun ke Korea, ke Jepun.

Saya dahulu pernah dihantar kumpulan pertama ke Kanada. Semasa itu Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin pun sama juga dengan saya pergi. Ramai lagilah pergi ke Kanada. Dato' Ibrahim Ali pun pergi. Ramai, beratus. Jadi semasa itu kita umur baru 22 tahun, 23 tahun, kali pertama naik kapal terbang. Saya ingat cerita lama, kawan saya masuk sahaja bilik air hotel di London, dia terus masuk bilik air. Sekejap lagi orang Negro naik ketuk bilik saya, dia marah-marah. Saya kata, apa marah? Rupa-rupanya bilik dia sudah masuk air dekat bawah. Rupa-rupanya kawan kita mandi di luar tub. Jadi air sudah mengalir masuk bilik orang ini, keluar dekat bawah. Kali pertamalah pergi dekat London itu, tahun 1973.

■ 1240

Jadi banyak- sejarah lama tetapi itu menggembirakan kita orang muda kerana bergiat aktif, akhirnya mereka ada macam-macam galakan. Jadi skim-skim begini semua sudah tidak ada lagi. Oleh kerana itu saya berharap Kementerian Belia dan Sukan dapat merangsang semula semangat orang-orang muda untuk menyertai pertubuhan belia. Semalam saya ada berbincang dengan orang-orang muda di Melaka, malam tadi. Mereka juga meminta supaya banyak lagi kemudahan bagi orang-orang muda disediakan di kampung, taman-taman perumahan dan di flat-flat. Sekarang ini orang muda dia tidak tahu apa yang hendak dibuat. Mereka kata waktu siang tempat-tempat permainan pun kurang.

Oleh kerana itu saya berharap program macam bina futsal ini patut diperbanyakkan lagi. Semua kampung, taman-taman perumahan, kerajaan negeri tidak mencukupi kewangan seperti yang saya sebut tadi. Kalau sebahagian daripada cukai yang kita bayar sebanyak RM2.6 bilion itu kita dapat 10 peratus Tuan Yang di-Pertua, saya percaya kita boleh gunakan wang berkenaan. Akan tetapi cukai-cukai yang kita pungut hanya mampu untuk menguruskan hal-hal taman serba yang mampu. Oleh sebab itulah banyak lagi perkara yang kita boleh bantu dengan pertubuhan ini termasuk jugalah pertubuhan silat. Kita ada ramai guru silat tetapi semua buat secara sukarela. Jadi saya fikir kerajaan patut mula melihat bagaimana guru-guru silat sukarela ini juga turut diberi rangsangan kepada mereka.

Saya selaku pengerusi silat, bantulah serba sedikit tetapi tidak mampulah juga hendak memberi insentif yang boleh menyemarakkan lagi semangat mereka. Antara cara yang terbaik adalah supaya skim 1Pelajar 1Sukan ini dapat melibatkan juga silat, karate dan tekwando. Dimestikan setiap seorang mesti ada satu persatuan mempertahankan diri. Dengan cara begini anak-anak kita akan lebih berdisiplin dan pertubuhan-pertubuhan ini juga akan lebih bergerak maju.

Di universiti seperti USM kalau kita masuk menjadi ahli persatuan silat dia dapat dua *point* untuk masuk dalam *degree* dia. Kalau tidak silap saya empat *point*. Ini juga satu cara lagi untuk menggalakkan lagi pertubuhan-pertubuhan mempertahankan diri untuk bergerak maju untuk orang muda. Apatah lagi pertubuhan ini memberi banyak pingat emas kepada negara. Di Myanmar, Wushu sudah memberi pingat tetapi kalau kita tengok berapa Wushu dapat bantuan kerajaan di peringkat akar umbi memang kurang. Kalau pergi pun ke sana pegawai-pegawai tertentu dapatlah dengan yang main. Akan tetapi penyokong-penyokong kena cari duit sendiri. Itu bolehlah kita uruskan tetapi persatuan ini patut lagi diperkasakan supaya suatu hari nanti kita dapat banyak emas...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Masih banyak lagikah Yang Berhormat?

**Datuk Seri Hj. Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Ya?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Masih banyak lagikah?

**Datuk Seri Hj. Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Sudah hendak habis. Oleh sebab itulah saya berharap bidang belia ini dapat diberi perhatian yang lebih oleh kerajaan. Akhirnya hal bola sepak. Saya tidak suka main bola sepak tetapi minat bola sepak. Saya berharap kerajaan patut tubuhkan satu tabung bola sepak negara. Satu tahun katakanlah berapa ratus juta dan ianya patut disumbangkan oleh syarikat-syarikat besar yang untung berbilion-bilion. Kalau dia untung RM1 bilion, katalah bagi 10 peratus, RM100 juta bukan? Tidak usahlah 10 peratus, bagi 1 peratus. Kalau 1 peratus ada RM10 juta. Macam syarikat IPP untung besar, bank-bank untung besar dan banyak lagilah syarikat-syarikat yang untung besar yang dapat lesen.

Jadi kalau mereka boleh kumpul RM200 atau RM300 juta, FAM ambil sebahagian dan yang lebih itu bagi persatuan bola sepak negeri. Johor ambil RM5 juta, Melaka ambil RM5 juta. Semua negeri ambil RM5 juta. Ini kerana untuk menjadi satu persatuan bola sepak yang baik, sekurang-kurangnya kena ada RM5 juta. Jadi kalau kita ada 14 negeri baru RM70 juta bukan? FAM ambillah dalam RM50 juta hingga RM100 juta. Dia cari dalam RM200 juta, tubuh Tabung Bola Sepak Malaysia. Saya percaya Malaysia boleh menjadi nombor satu di dunia. Sama standard dengan Manchester United dan sebagainya.

Inilah harapan saya agar hal-hal orang muda ini diberi perhatian termasuklah hal sukan dan juga hal pertubuhan belia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Baiklah hari ini kita masih ada 13 orang lagi yang hendak berucap. Jadi saya minta kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, terutamanya yang telah menghantar nama untuk berucap pada hari ini supaya bersiap sedia. Bila saya panggil saya harap Yang Berhormat berada di dalam Dewan.

Seterusnya saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Puan Hajah Khairiah binti Mohamed. Silakan Yang Berhormat.

## 12.45 tgh.

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Terima kasih sekali lagi dan saya terus kepada Kementerian Kewangan. Ada beberapa isu yang saya ingin bangkitkan. Pertama sekali berkaitan dengan GST. Cukai barangan dan perkhidmatan ini (GST) pada kadar 6 peratus akan berkuat kuasa sebagaimana yang kita maklum bermula 1 April 2015 menggantikan Cukai Jualan dan Perkhidmatan, atau *Sales and Services Tax* (SST) iaitu pada kadar 10 peratus untuk jualan dan 6 peratus untuk perkhidmatan. Sekali imbas melihat angka ini kita merasakan GST adalah lebih menguntungkan hanya 6 peratus sedangkan SST pula berjumlah 16 peratus. Namun jika kita kaji secara lebih terperinci sebenarnya kadar 6 peratus kutipan GST kelihatan kecil namun sebenarnya lebih besar berbanding dengan 16 peratus kutipan di bawah SST.

Berdasarkan 6 peratus GST ini, ia memberikan hasil kepada kerajaan sebanyak lebih kurang RM23.7 bilion. Ini merujuk kepada unjuran yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Senator Dato' Sri Idris Jala yang menyatakan jika pada kadar 7 peratus, GST yang mampu dikutip adalah RM27 bilion berbanding 16 peratus SST hanya menjana hasil sebanyak RM16.4 bilion bagi tahun 2013. Tambahan hasil kepada kerajaan sebanyak RM7.3 bilion dan jika kita melihat melalui barang-barang yang dikecualikan cukai melalui SST, barangan yang dikecualikan cukai melalui SST adalah lebih banyak berbanding barang-barang yang dikecualikan cukai di bawah GST.

Senarai-senarai ini sebenarnya terkandung di dalam Jadual 1 Perintah Cukai Jualan (Kadar Cukai No. 2) 2012 yang telah mula berkuat kuasa pada 31 Oktober 2012. Melalui jadual ini kita boleh lihat barang-barang yang dikecualikan cukai di bawah SST adalah berada dalam sebanyak 250 muka surat. Betapa banyaknya barang-barang yang telah dikecualikan cukai di bawah SST, namun selepas penguatkuasaan GST bermula tahun 2015, hanya beberapa barang sahaja dikecualikan daripada cukai iaitu terkandung dalam satu dokumen lampiran yang lebih kurang 23 muka surat.

Setelah saya meneliti beberapa barang yang dahulunya dikecualikan cukai dan selepas ini akan dikenakan cukai, termasuklah barang-barang keperluan seperti susu dan krim, kopi, teh, roti, biskut, jem, kordial, mi kuning, mihun, kuayteow, semua ini selepas terlaksananya GST, semuanya akan dikenakan cukai. Bagi saya barang-barang ini bukannya barang mewah. Barang-barang ini merupakan keperluan asas sebenarnya walau pun tidak dalam bentuk tepung, minyak, gula, susu, sayur atau pun ikan. Akan tetapi sebenarnya ini adalah keperluan asas yang sebelum ini telah dikecualikan cukai.

Seterusnya beberapa jenis barang yang sebelum ini tiada cukai iaitu seperti kayu, bata blok, *tiles*, pintu *frame* juga akan dikenakan cukai.

### ■ 1250

Jika hari ini kita mengatakan kos untuk pembinaan rumah tinggi. Sekiranya barang-barang asas pembinaan rumah ini juga dikenakan cukai GST, kemungkinan harga rumah juga akan turut terkesan dengan kenaikan ini. Saya juga membayangkan bagi keluarga-keluarga yang mempunyai anak-anak kecil yang banyak menggunakan susu, lampin pakai buang, maka lampin pakai buang seperti ini juga tidak termasuk dalam senarai barang yang dikecualikan cukai. Lampin pakai buang ini bagi sebuah keluarga yang ada dua orang anak, tidak kurang daripada RM100 akan digunakan untuk lampin ini. Jadi, saya harap kerajaan mempertimbangkan dan melihat semula senarai-senarai barang yang dikecualikan di bawah GST supaya diselaraskan semula dengan barang-barang yang dikecualikan cukai di bawah SST.

Seterusnya, sekarang kita tidak merasa cukai yang dikenakan ke atas penggunaan elektrik di rumah-rumah. Benar, pengecualian turut diberikan kepada penggunaan 200 unit pertama penggunaan elektrik bagi kegunaan domestik. Akan tetapi jika diteliti, mereka yang berkeluarga kebanyakannya menggunakan elektrik lebih daripada 200 unit sebulan. Contohnya, bagi sebuah keluarga yang terdiri daripada lima hingga tujuh orang, penggunaan elektrik sebulan adalah lebih kurang 300 unit. Maka, 100 unit yang terakhir akan dikenakan GST. Cuba bayangkan keluarga yang berpendapatan sederhana dan rendah yang kebanyakannya mempunyai bilangan keluarga yang ramai, apakah kesan pertambahan perbelanjaan ini sekiranya GST turut dikenakan ke atas bekalan elektrik yang mereka gunakan di rumah. Saya kira hampir keseluruhan rakyat Malaysia akan merasa kesan atau pun tempas GST ini ke atas bil-bil elektrik di rumah masing-masing. Apatah lagi tahun depan tarif elektrik akan dinaikkan sebanyak 15 peratus. Jadi, saya mohon kerajaan melihat semula perkara ini dalam jadual yang melibatkan pengecualian-pengecualian GST untuk elektrik dan sebagainya.

Seterusnya, kerajaan juga telah mengisytiharkan bantuan sebanyak RM650 bagi membantu menampung kemungkinan pertambahan perbelanjaan keluarga hasil penganan GST. Akan tetapi sekiranya kita lihat kembali RM650 ini, jika dibahagi kepada 12 bulan, puratanya RM54 sebulan.



Adakah RM54 sebulan ini mampu meringankan, mampu menampung dan mengganti semula bebanan GST yang dikenakan terutamanya bagi keluarga-keluarga yang mempunyai bilangan anak yang ramai dan berpendapatan rendah. Rata-rata ramai keluarga ini saya yakin bila diberi RM650, kebanyakannya akan habis dalam masa tidak sampai dua minggu. Jadi, mohon kerajaan mengkaji balik mekanisme pembayaran, kaji balik jumlah pembayaran, adakah ini memadai?

Seterusnya, saya ingin merujuk kepada beberapa hasil pada tahun 2012 khususnya hasil berkenaan hasil cukai bagi minuman keras buatan tempatan, hasil cukai *beer* daripada *malt*, *wine*, minuman keras, minuman *liquor* yang diimport. Kalau dikira secara keseluruhannya, jumlah pendapatan bagi hasil cukai kerajaan bagi barang-barang ini adalah berjumlah lebih kurang RM2 bilion.

Saya ingin melihat juga peruntukan untuk emolumen di mana peruntukan emolumen ini adalah biasanya untuk kakitangan perkhidmatan awam dan saya yakin di kalangan ramai anggota perkhidmatan awam kita adalah merupakan kakitangan yang beragama Islam. Peruntukan kerajaan untuk emolumen ini adalah sebanyak RM63.6 bilion. Saya ingin melihat juga pada suatu faktor bahawa Malaysia memang terkenal dengan pakar-pakar kewangan Islam. Kita terkenal sebagai negara yang memperkenalkan banyak produk-produk kewangan Islam. Sehubungan itu sejajar dengan kita sebagai pakar dalam kewangan Islam, suka saya mencadangkan di sini agar Kerajaan Malaysia dalam menguruskan hasil-hasil kerajaan terutamanya menguruskan hasil-hasil yang pernah sekali saya ingat Menteri Kewangan pernah sebut di sini, hasil-hasil daripada yang dipanggil *sin taxes*. Saya rasa bila sebut *sin taxes*, ia bukan sahaja bagi orang Islam, kadang-kadang bagi agama lain pun merasakan pendapatan ini maknanya daripada sumber yang kalau kita orang Islam, kita kata berdosa. Akan tetapi dalam istilah yang lebih *general*, lebih umum, kita sebut *sin taxes* supaya kerajaan membuka akaun yang berasingan untuk *sin taxes* ini.

Akaun yang berasingan untuk *sin taxes* ini hanya digunakan untuk pembangunan infrastruktur dan kemudahan-kemudahan awam sahaja. Akaun yang dikhususkan untuk *sin taxes* ini tidak sama sekali digunakan untuk membayar gaji-gaji kakitangan. Apa yang saya sebut di sini tadi iaitu peruntukan untuk emolumen sebanyak RM63.6 bilion. Jika kita lihat tadi pendapatan sebahagian daripada *sin taxes* itu berjumlah RM2 bilion, kemungkinan lebih. Ingin saya sebut di sini, kemungkinan satu inisiatif yang agak baik yang telah dimulakan lama di Kelantan iaitu sememangnya di Kelantan kita telah ada dua akaun yang berasingan untuk pendapatan-pendapatan daripada sumber-sumber yang syubhah dan akaun ini digunakan khusus untuk tujuan pembangunan infrastruktur dan kemudahan-kemudahan awam. Tidak digunakan sama sekali untuk pembayaran emolumen.

Kalau dahulu saya berkhidmat dengan kerajaan negeri, pembayar gaji saya adalah kerajaan negeri. Saya yakin dengan akaun yang telah diasingkan itu. Hari ini saya bekerja dengan Parlimen dan gaji saya dibayar oleh Parlimen. Saya yakin usaha kerajaan ini akan disambut baik oleh kakitangan kerajaan, kakitangan awam yang majoritinya beragama Islam. Kita menginginkan supaya gaji yang kita terima seboleh-bolehnya bebas daripada elemen syubhah. Saya rasa bagi kakitangan kewangan, perkara ini bukanlah perkara yang sukar. Perkara yang sangat mudah. Sama-sama *insya-Allah* kita jayakan, *insya-Allah*.

Seterusnya, saya ingin merujuk kepada Jabatan Perdana Menteri. Tuan Yang di-Pertua, setiap akhir tahun pada musim tengkujuh kita akan ditimpa bencana banjir terutamanya di Pantai Timur dan tahun ini tiga negeri dilanda banjir yang agak teruk khususnya di Pahang, Terengganu dan juga Johor. Hampir 70,000 mangsa pemindahan banjir terlibat dan ini belum lagi termasuk kerosakan harta benda yang saya kira sangat tinggi yang masih lagi belum dianggarkan.

Alhamdulillah dengan kecekapan kerajaan melalui Majlis Keselamatan Negara, kita telah ada dasar dan mekanisme pengurusan bencana negara melalui Arahan MKN No. 20 yang telah pun wujud mulai 1997 apabila berlaku kes keruntuhan *Highland Tower* dan diperkemas semula pada tahun 2012 bertujuan menerangkan peranan pihak-pihak yang berkait supaya ia lebih menyeluruh, bersepadu, kemas, serta skop pengurusan bencana yang lebih luas dan yang semakin rumit dan semakin kompleks.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Nampaknya masa amat mencemburui kita. Waktu sekarang tepat pukul 1, maka Yang Berhormat boleh sambung lagi nanti sebelah petang, pukul 2.30.

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

**[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang.]**

*[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.]*

*[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat.]*

### 2.32 ptg.

**Tuan Yang di-Pertua:** Semua Ahli Yang Berhormat, kita mulakan persidangan kita semula menyambung persidangan pada sebelah pagi tadi. Mengikut rekod ini saya nampak Yang Berhormat Puan Hajah Khairiah telah berucap selama 15 minit. Cuba Yang Berhormat teruskan dalam masa yang munasabah. Terima kasih, teruskan.

### 2.33 ptg.

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi saya berhenti berkaitan dengan Majlis Keselamatan Negara di mana Majlis Keselamatan Negara telah mengeluarkan Dasar dan Mekanisme Pengurusan Bencana Negara melalui arahan MKN nombor 20 dan arahan ini telah menggariskan dasar dan mekanisme pengurusan bencana secara menyeluruh termasuk peranan dan tanggungjawab agensi kerajaan, badan berkanun, pihak swasta dan badan-badan sukarela meliputi peringkat sebelum, semasa dan selepas berlaku bencana supaya penggabungan sumber dapat disepadukan bagi mengelakkan pembaziran, konflik serta pertindihan peranan.

Melalui arahan ini, terdapat 11 jenis bencana yang diuruskan termasuklah bencana alam, banjir, ribut taufan, gempa bumi, bencana industri, keruntuhan bangunan, empangan ataupun takungan air pecah, jerebu, penularan wabak penyakit berjangkit dan yang tidak terkawal, pandemik dan lain-lain bencana yang akan diisytiharkan dan ditetapkan oleh kerajaan. Terdapat tiga tahap pengurusan bencana iaitu peringkat daerah dipengerusikan oleh Pegawai Daerah, peringkat negeri dipengerusikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri dan peringkat Pusat diketuai oleh Menteri yang dilantik oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Mereka dibantu oleh polis dan bomba serta pihak-pihak yang dilantik mengikut keperluan kepakaran dan setiap pihak boleh bekerjasama untuk melaksanakan perkara yang telah digariskan dalam arahan ini. Kerjasama yang dijalinan adalah seperti membantu melaksanakan program kesedaran dan kependidikan awam berkaitan pengurusan bencana, membantu menyalurkan bantuan dari segi penggunaan logistik pada masa dan waktu yang diperlukan, menyalurkan sumbangan kewangan serta menggembeleng tenaga dalam usaha-usaha mengurangkan risiko bencana.

Sangat kerjasama semua pihak tanpa mengira agensi kerajaan mahupun tidak, badan-badan bukan kerajaan, orang-orang perseorangan mahupun mana-mana parti politik dialu-alukan membantu dan menggembeleng tenaga. Masa sangat singkat dan cepat. Bantuan sangat segera diperlukan. Risikonya, nyawa dan kerosakan harta benda yang sangat banyak. Apabila berlaku bencana di negara lain, tangan kita rakyat Malaysia ramai yang membantu apatah lagi saudara kita sesama Malaysia. Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing. Atas semangat ini, datanglah pelbagai pertolongan cemas daripada seluruh negara entah dari mana. Kadang-kadang entah siapa membawa wang, air mineral, lampin pakai buang, makanan, alas tidur, tikar, selimut, pakaian dan sebagainya.

Namun, saya sebenarnya cukup terkilan apabila seorang Menteri dua hari yang lepas sewaktu menjawab persoalan Ahli Dewan telah memperkecil dan merendah-rendahkan peranan dan bantuan yang diberikan oleh badan sukarela seperti apa yang disebut sebagai Jabatan Amal. Saya maklumkan di sini unit daripada Jabatan Amal ini dianggotai oleh anak-anak muda kita daripada pelbagai peringkat umur dan mereka ini adalah orang-orang sukarelawan yang dikerah bila-bila masa dan tidak dibayar walaupun sedikit, dan mereka menjalankan tugas ini dengan sepenuh kerelaan tanpa pernah meminta-minta sebarang bayaran.

Sepatutnya sikap inilah yang kita galakkan dan bukannya kita memperkecil-kecilkan malah kita menyanjung, kita mengucapkan terima kasih kepada semua yang membantu tetapi kita memperkecilkan sumbangan yang saya kira sangat besar dan sangat dihargai oleh semua yang menerima sumbangan ini di seluruh negeri hari ini.

Seterusnya, saya ingin menyentuh sedikit berkenaan dengan Kementerian Dalam Negeri berkaitan dengan Akta Rumah Perjudian Terbuka Tahun 1953 di mana di bawah seksyen 11(6), subseksyen 6, Akta Rumah Perjudian Terbuka berkenaan dengan pewartaan pelantikan pakar perjudian. Sebagai contoh saya merujuk kepada pewartaan yang telah dibuat pada 2 April 2013, di mana melalui pewartaan di bawah seksyen 11(6) ini beberapa orang pegawai polis yang terdiri daripada Islam dan bukan Islam dilantik sebagai pakar perjudian. Melalui warta ini, 18 orang daripada mereka adalah Islam, daripada 24 orang semuanya.

Melalui pelantikan pakar perjudian ini, anggota polis daripada Bahagian Kongsi Gelap, Perjudian dan Maksiat (D7), akan dilantik menjadi pakar judi yang membolehkan mereka menggunakan kemahiran itu untuk membanteras judi.

PDRM juga memperkenalkan Makmal Latihan Pencegahan Perjudian. Mereka juga akan menjalani latihan amali seperti keadaan sebenar yang terdapat di kasino atau pun pusat perjudian di makmal itu. Apa yang menjadi keprihatinan saya di sini ialah berkenaan dengan pegawai-pegawai polis daripada kalangan orang Islam yang turut dilatih untuk menjadi pakar judi. Bagi saya, dalam menjalani latihan amali sebagai pakar judi, perlu kepada pemantauan, pemerhatian daripada pegawai-pegawai agama ataupun daripada Majlis Fatwa sendiri supaya sebarang latihan amali mereka ke arah menjadikan mereka ini pakar judi tidak bercanggah dengan amalan Islam mereka.

Sebagaimana yang kita maklum, dalam latihan-latihan ini, tentu sekali mereka tertakluk kepada arahan-arahan yang dibuat oleh pegawai-pegawai di peringkat atasan. Tentu sekali mereka tidak akan berani untuk menyanggah arahan-arahan daripada pegawai peringkat atasan. Jadi saya mohon agar sebarang latihan amali mereka dan sebarang SOP mereka, manual kerja mereka diperhatikan, dipantau dan diletak di bawah pegawai agama bagi memastikan mereka ini patuh syariah.

#### ■ 1440

Seterusnya, sedikit berkenaan dengan pendidikan. Saya telah mengemukakan pertanyaan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia berkenaan dengan adakah wujud polisi atau pun peraturan yang tidak membenarkan pelajar lepasan UPSR sekolah rendah Islam swasta memohon masuk ke sekolah agama kerajaan. Jawapan yang diberikan oleh Menteri Pendidikan adalah pada dasarnya tiada peraturan yang menyatakan bahawa murid lepasan UPSR daripada sekolah swasta tidak dibenarkan untuk mengikuti pendidikan di peringkat menengah sekolah kerajaan.

Walau bagaimanapun, murid tersebut perlu memohon melalui JPN dan penempatan mereka di sekolah adalah berdasarkan kepada kekosongan tempat. Apa yang menjadi keprihatinan saya di sini, saya telah menerima aduan daripada ibu bapa yang menghantar anak-anak ke sekolah rendah Islam di Kelantan. Di mana apabila mereka memohon borang untuk memasuki ke sekolah-sekolah menengah agama di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia, mereka telah dinafikan hak. Mereka dikatakan tidak layak untuk memohon kerana belajar di sekolah rendah agama swasta.

Jadi, kemungkinan polisi yang ditetapkan di peringkat Pusat tidak dipatuhi ataupun tiada keprihatinan di peringkat negeri. Saya mohon kerajaan menyelidik perkara ini dan memberikan perhatian khusus serta tegas membenarkan sepenuhnya, membuka ruang sepenuhnya kepada anak-anak kita yang belajar di sekolah rendah Islam untuk memohon, untuk memasuki sekolah menengah agama kementerian.

Seterusnya, saya merujuk kepada Laporan Ekonomi 2012/2013 berkenaan dengan statistik sosioekonomi terpilih iaitu kadar celik huruf. Di mana kita telah berjaya meningkatkan kadar celik huruf daripada tahun 2008 iaitu pada 92 peratus sehingga tahun 2012 menjadi 94 peratus. Saya sekali lagi memohon kerana apa yang saya telah dimaklumkan melalui kajian beberapa orang pakar pendidikan dan juga pakar sosial yang mengatakan kadar celik huruf agak rendah di kawasan-kawasan pinggir bandar, terutamanya di kawasan-kawasan pertanian dan juga perikanan. Contohnya di Kelantan, kawasan saya sendiri di Pengkalan Chepa, kita ada kawasan perikanan iaitu di Pantai Sabak, Pantai Cahaya Bulan di kawasan Pulau Gajah di mana terdapat ramai kanak-kanak yang tidak boleh membaca di peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah.

Saya mohon kerajaan memberi perhatian serius perkara ini agar kelas-kelas pemulihan, kelas-kelas LINUS agar di hantar guru-guru yang mempunyai kebolehan khas untuk menjadikan mereka ini celik membaca pada peringkat sekolah rendah lagi. Ini kerana apabila sampai ke peringkat sekolah menengah, perkara ini agak sukar untuk diatasi. Saya juga di maklumkan secara lisan bahawa guru-guru kita yang berprestasi cemerlang, yang berprestasi tinggi, yang menjadi guru contoh kebanyakannya tidak dihantar ke sekolah-sekolah yang berprestasi rendah. Mereka ini dihantar ke sekolah-sekolah kluster, ke sekolah-sekolah berprestasi tinggi demi menjaga prestasi sekolah berkenaan dan menjaga prestasi keseluruhan negeri. Sedangkan anak-anak kita yang belajar di sekolah rendah di kawasan-kawasan pedalaman dibiarkan dan tidak ditumpukan, tidak dihantar guru-guru yang berprestasi cemerlang ini ke sekolah-sekolah tersebut.

Saya yakin bila mana guru berprestasi cemerlang, guru besar berprestasi cemerlang di hantar ke sekolah-sekolah ini, prestasi pendidikan di luar-luar bandar, di kampung-kampung, di kawasan perikanan, di kawasan pertanian boleh ditingkatkan.

Seterusnya, saya ingin menarik...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat cuba Yang Berhormat...

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Saya ada dua isu lagi dan saya kira sangat penting. Saya telah dimaklumkan berkenaan dengan penjualan sejenis minuman yang mungkin saya baru tahu tapi sebenarnya telah lama diedarkan di pasaran iaitu minuman yang dinamakan *Jolly Shandy*. Minuman ini sekali imbas dilihat, saya ingatkan minuman ini adalah minuman biasa, seperti minuman *F&N*. Akan tetapi sebenarnya minuman ini adalah minuman yang mengandungi alkohol dan dikategorikan sebagai *beer*. Kalau dijual di kedai-kedai perlu diasingkan daripada minuman-minuman lain.

Saya perhatikan ada tempat-tempat yang mengasingkan penjualan minuman ini. Akan tetapi di kedai-kedai di kampung-kampung diletakkan bersekalikan dengan minuman-minuman lain. Jadi, saya mohon kerajaan memantau dengan teliti sama ada melalui Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan atau pun Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan agar minuman seperti ini tidak diedarkan sewenang-wenangnya. Diletakkan label dan notis yang bersesuaian bahawasanya minuman ini adalah haram bagi orang Islam.

Saya seboleh-bolehnya minuman sebegini diletakkan seperti mana kita cukup prihatin dengan kotak rokok, amaran keras Kerajaan Malaysia dengan gambar-gambar yang pelbagai, memberi amaran kepada rakyat Malaysia. Begitu juga minuman seperti ini yang seolah-olah nampak seperti minuman biasa. Akan tetapi sebenarnya haram bagi orang Islam. Mohon dikaji kemungkinan perlu diletakkan label, notis haram bagi orang Islam di sini.

Satu lagi, saya kira yang terakhir. Baru-baru ini melalui satu celahan daripada seorang Yang Berhormat Ahli Dewan berkenaan dengan satu isu di Kelantan. Saya kira perlu saya memberi penjelasan kerana *statement* yang dikeluarkan itu adalah suatu *statement* yang *general*, yang umum...

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** Yang Berhormat boleh? Lualan sikit.

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Ya, ya lualan. Kalau masa saya, saya boleh- saya ada satu lagi.

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** Saya sikit saja, boleh?

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Kalau Tuan Yang di-Pertua benarkan untuk saya kemukakan satu isu lagi, boleh.

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** Isu saya mahu tanya Yang Berhormat, itu tin apa itu, apa tin itu?

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Ini adalah sejenis minuman... [*Menunjukkan tin minuman berkaitan*]

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** Minuman apa ?

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Minuman bertin yang mengandungi 1 peratus alkohol.

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** Boleh pegangkah?

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Boleh buka tapi saya tidak boleh minum.

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** Boleh pegang ya? Tidak boleh minum. Pegang boleh.

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Pegang boleh.

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** Tidak haram ya.

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Ya.

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** Ini dari mana, Kelantankah atau dari mana?

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Saya beli di pasar raya di Kuala Lumpur.

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** Baik, terima kasih.

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Di *7Eleven*. Berkenaan dengan apa yang disebut sebagai tanah yang diberikan oleh Kerajaan Negeri Kelantan kepada seorang ahli politik DAP. Saya kira perlu saya jelaskan di sini beberapa fakta di sebalik perkara tersebut yang nampak konotasinya begitu negatif.

Sebenarnya - saya ambil masa dua minit. Sebenarnya, tanah ini telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri Kelantan pada tahun 2000 lagi kepada Yayasan Islam Kelantan. Bertujuan untuk membantu pelajar-pelajar di sekolah-sekolah agama di bawah Yayasan Islam Kelantan yang seramai lebih kurang 35,000 orang yang memerlukan peruntukan kewangan dalam RM80 juta setahun. Di mana kerajaan negeri tidak mampu menampung sepenuhnya keperluan kewangan ini.

Jadi, salah satu usaha kerajaan membantu Yayasan Islam Kelantan adalah dengan memberi tanah iaitu salah satu tanah yang diberi adalah tanah yang berkeluasan 10,500 hektar ini. Pada tahun 2005, tanah tersebut telah dipajak oleh Yayasan Islam Kelantan kepada satu syarikat dan ia hanyalah pajakan, bukannya pindah milik. Tanah tersebut masih lagi berdaftar di atas hak milik Yayasan Islam Kelantan, cuma dipajak selama 50 tahun kepada syarikat berkenaan.

■ 1450

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Boleh mencelah sedikit?

**Puan Khairiah binti Mohamed** Saya bagi ringkasan sahaja.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Ini mengenai perkara yang sama juga hendak minta penjelasan supaya penjelasan Yang Berhormat Senator itu lebih jelas. Saya hendak tanya tadi mengenai pajakan, katanya dipajakkan 50 tahun. Saya hendak tahu kalau sebelum masa 50 tahun itu berakhir boleh tidak tanah itu ditebus kembali? Katanya dipajakkan 50 tahun kan, ada tidak *provision* di dalam perjanjian pemajakan itu bahawa tanah ini boleh ditebus, katalah selepas 10 tahun, selepas 15 tahun dan seumpamanya, satu. Kemudian saya hendak tanya sebelum memajakkan tanah itu kepada pihak yang disebutkan itu, sudah adakah usaha-usaha lain, mencari sumber-sumber lain untuk mendapatkan wang yang dikehendaki itu umpamanya daripada Saudi Arabia, Libya. Terima kasih.

**Puan Khairiah binti Mohamed:** Berkenaan dengan terma-terma pajakan, saya tidak ada terma khusus tetapi biasanya dalam dokumen pajakan apabila berlaku pecah perjanjian semestinya perlu dibayar apa-apa pampasan. Berkaitan dengan usaha-usaha lain, ini adalah salah satu usaha kerajaan bagi membantu YIK dan tentu sekali banyak lagi usaha-usaha lain. Terus saya cuba ringkaskan.

**Datuk Seri Hj. Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Senator boleh bagi laluan sedikit, saya bangkitkan tadi 10,000 hektar, boleh? Hendak tanya sedikit. Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, *last one* ya. Tidak boleh kerana masa tidak ada, pencelahan yang terakhir, sila Yang Berhormat Senator.

**Datuk Seri Hj. Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Kerana pihak pembangkang sentiasa mengatakan mereka ikhlas, kalau jadi YB satu inci tanah pun dia tidak hendak, ini terutamanya DAP. Akan tetapi sekarang ini kita dengar satu orang wakil rakyat DAP di Perak dapat tanah 10,000 hektar di Kelantan. Itu saya tanya kalau BN dapat macam ini, dia kata rasuah. Itu saya hendak tanya, ini rasuah ke tidak? Akan tetapi tadi Yang Berhormat Senator beritahu bukan 10,000 ekar tetapi 10,500 hektar lagi besar. Jadi mengapa bagi tanah sebegitu besar kepada seorang wakil rakyat DAP di Perak sedangkan orang Kelantan pun banyak juga yang boleh mengambil tanah ini dan memberi bantuan kepada Yayasan Pembangunan Islam di Kelantan. Itu bila kita- kalau BN buat, wah semua salah! Mereka ini bagi kepada satu orang sampai 10,500 hektar. Saya pun hendak tanya berapa banyak Yayasan Pembangunan Islam Kelantan dapat duit daripada pemaju berkenaan yang merupakan Yang Berhormat dari parti DAP di Perak.

**Puan Khairiah binti Mohamed:** Sebenarnya tidak timbul isu pemberian tanah kepada DAP kerana penganugerahan itu berlaku sebenarnya pajakan daripada YIK kepada sebuah syarikat yang pada masa itu pada tahun 2005 dan pada tahun 2005 itu bukannya berkait lagi dengan Ahli DAP berkenaan. Sebenarnya tidak ada hubung kait antara pajakan tanah tersebut dengan Kerajaan Negeri Kelantan. Kita tidak ada tahu menahu berkenaan dengan perkara tersebut. Itu berlaku pada tahun 2005. Cumanya selepas itu berlaku pertukaran pengarah syarikat dan perkara ini tidak dimaklumkan kepada kerajaan negeri. Berlaku pertukaran pengarah ataupun pengerusi syarikat dan perkara ini tidak dimaklumkan kepada kerajaan negeri. Selepas kerajaan negeri maklum perkara tersebut, kita telah merundingkan perkara itu dan bersetuju agar pihak syarikat memberi pampasan sebanyak RM1.5 juta kepada sekolah Yayasan Islam Kelantan. Itu sahaja.

Saya kira perkara itu dibuat perubahan syarikat...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator

**Datuk Seri Hj. Mohd Ali bin Mohd Rustam:** 10,500 hektar untuk RM1.5 juta ini murah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat.

**Puan Khairiah binti Mohamed:** Minta maaf ya. Sebenarnya pembayaran- itu adalah sebagai tambahan. Pembayaran sebenar ialah sebanyak RM100 bagi setiap ekar selama setiap tahun bagi getah dan RM150 bagi setiap ekar setahun bagi kelapa sawit. Saya kira RM1.5 juta itu sebenarnya sebagai satu tambahan.

Saya begitu mengharapkan usaha-usaha yang dibuat oleh kerajaan negeri ini bagi membantu pelajar-pelajar kita di Kelantan boleh disokong oleh semua pihak dan cuba dapatkan maklumat yang sejelas-jelasnya sebelum mengeluarkan apa-apa kenyataan yang memberikan gambaran yang begitu negatif kepada usaha-usaha yang dibuat oleh kerajaan Kelantan bagi membantu peningkatan pembangunan sekolah-sekolah Islam di Kelantan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman semua Ahli Yang Berhormat. Malam ini kita akan berakhir- ada satu usul ya, saya minta salah seorang Menteri.

## USUL

### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

2.56 ptg.

**Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohd. Sadique]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 7.30 malam dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Khamis, 12 Disember 2013”.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Waytha Moorthy Ponnusamy]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

*[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Untuk makluman semua Ahli Yang Berhormat, kita akan berakhir pada jam 7.30 malam dan selepas itu ada satu kementerian yang hendak minta untuk perusahaan...

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, ada satu taklimat yang hendak diberitahu kepada semua dan saya berharap kalau semua Ahli Yang Berhormat dapat hadir dalam majlis tersebut pada jam 8 malam. Ini satu taklimat untuk kebaikan semua di mana ada satu pindaan syarikat perlu di- sebelum itu kementerian ingin membuat penerangan yang lebih jelas lagi. Sekarang tanpa membuang masa, saya mempersilakan Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar. Silakan.

2.57 ptg.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** *Bismillahi Rahmani Rahim... [Membaca sepotong ayat al-Quran]* Tuan Yang di-Pertua, itu mukadimah saya, ada kaitan. Saya suka melakarkan kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan akan Bajet 2014 dengan sebuah pantun.

*Kain pelikat dari Kudat,  
Segera dijemur di balai adat,  
Bajet 2014 sejahtera rakyat,  
Negara makmur serta selamat.*

Jadi bajet ini sebenarnya bertujuan untuk menyelamatkan rakyat. Terima kasih air.

**Tuan Yang di-Pertua:** Belum apa-apa pun sudah dapat air.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Orang baik Tuan Yang di-Pertua... *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan, jangan buang masa.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** ...Rakyat selamat, negara baik. Apabila kita melihat air, saya akan ingat banjir Tuan Yang di-Pertua. Banjir ini kita hendak kisahkan juga dengan sebuah pantun.

*Kuih serikaya cantik berukir,  
Dimakan bersama kuih seri muka,  
PM jumpa mangsa-mangsa banjir,  
Ketua Pembangkang berfoya, bersantai di Amerika [Tepuk]*

Jawablah. Jadi kerajaan kita PM, TPM, Menteri Kabinet datang ke Kuantan, Kemaman, Rompin melawat mangsa-mangsa banjir, memberi bantuan.

■ 1500

Tidak macam Ketua Pembangkang pergi Amerika, Washington. Ini tidak baik. Cakap bela rakyat, cakap juara rakyat, cakap hero rakyat tetapi apabila rakyat susah, batang hidung pun tidak nampak. Jadi pengajarannya, jangan undi lagi PR, jangan undi PR, undilah BN... [Tepuk] Tepuklah kuat-kuat sedikit. Aduh! Payahlah.

Saya hendak tahu daripada Menteri yang menjaga banjir, bila Menteri datang, apa bantuan, apa tenaga, apa jenis ganti rugi? Sebab kalau tidak diterangkan, pembangkang akan buat dakyah, buat propaganda konon-kononnya BN tidak bertanggungjawab. Ini penting sebab Kerajaan Barisan Nasional, Kerajaan Pusat dan negeri telah, sedang dan bantu lebih daripada 42,000 mangsa-mangsa banjir. Tahniah BN! [Tepuk]

Poin kedua, saya juga kata tadi, saya baca ayat tadi, maknanya begini "*Betapa banyaknya negeri yang Kami telah binasakan, maka datanglah seksaan Kami menimpa penduduknya di waktu mereka berada di malam hari atau di waktu mereka beristirahat di tengah hari*". Jadi, banjir yang menimpa Pantai Timur ada hikmahnya. Tsunami di Aceh Tuan Yang di-Pertua, gaduh bertahun-tahun antara Jawa dengan Aceh, antara Jawa dengan Melayu, antara kerajaan dengan autonomi Aceh. Akhirnya tsunami, kalau tidak silap saya pada tahun 2007, semasa itu saya ada di Minangkabau. Melibatkan 250,000 lebih yang mati, yang sengsara yang tidak mati, pindah, cedera, yang tidak mati lebih kurang satu juta. Akibatnya, Kerajaan Indonesia dengan pihak Aceh bersatu. Itu pertama.

Taufan Haiyan di tengah-tengah Filipina melanda 10,000 mangsa terlibat. Lebih 1,000 orang mati. Sekarang, semua agama, kaum di Tacloban terbaik-baik. Banjir di Pantai Timur mungkin PAS dengan UMNO kena bersatu. Tidak boleh berbalah tetapi apabila sebut bersatu, maka orang ingat untuk Melayu. Akan tetapi kena ingat, kalau Melayu kuat, bersatu, orang lain yang bukan Melayu pun juga boleh tumpang tuah termasuk Cina, India, Iban, KadazanDusun dan sebagainya.

Kedua, saya hendak bercakap juga tentang- Tuan Yang di-Pertua, saya kering tekak. Boleh minum sedikit?

**Tuan Yang di-Pertua:** [Ketawa] Minumlah Yang Berhormat.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** *Thank you.* Dahulu kita ada dalam bajet ini mencadangkan supaya memperkasakan ekonomi bumiputera. Ya, betul tetapi saya bimbang dan takut tidak menjadi sebab lepas 13 Mei 1969, 4,000 orang, 5,000 orang yang mati. Lahirlah Dasar Ekonomi Baru 1970. *Target*, 30 peratus untuk bumiputera. Sehingga sekarang, hanya capai 23 peratus sahaja. Bertahun-tahun selama 43 tahun, tidak tercapai. Maka saya takut, agenda memperkasakan bumiputera walaupun tercatat di *paper*, takut gagal lagi. Ada sebab gagal. Saya 'hairan bin ajaib bin takjub', kenapakah bidang-bidang tapak pijak bangsa Melayu dan bumiputera termasuk Siam, dibuang? Contoh, 'Kementerian Pembangunan Usahawan' kenapa dibuang? Sepatutnya kementerian ini dikekalkan, malah dibesarkan! Betul atau tidak?

**Beberapa Ahli:** Ya.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Kenapa dibuang? MARA, TEKUN, UDA disepak ke Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, merata-rata. Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah itu bukan meniaga, buat jalan, api, air, tiang elektrik, balai raya, dewan orang ramai, bukan meniaga. Akan tetapi kalau MARA, UDA dicampakkan ke Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, apa halnya? TERAJU, kata hendak lahirkan bumiputera, usahawan 1,000 setahun. Tahukah anda? Semenjak ia dilancarkan pada bulan Februari 2011, hanya 18 orang sahaja dikumpulkan di seluruh negara, 18 orang itu bukan berjaya tetapi dikumpulkan sahaja. Jadi saya rasa, amat kecewa bila TERAJU '*Indah khabar dari rupa*'. Saya takut kita, kerajaan kita, masih lagi mencari-cari rentak dan tarinya, gong dan palunya bila hendak memperkasakan akronim bangsa.

Jadi saya tuntutan, minta dengan Menteri Kewangan atau kerajaan pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya dikembalikan 'Kementerian Keusahawanan' ini. Letaklah apa-apa nama. Letak 'Kementerian Perniagaan' kah, 'Kementerian Ekonomi' kah tetapi entitinya biarlah berpijak usahawan. Lapan teras dibuat gagal. Agensi-agensi letak, tidak menjadi. Saya takut bila tidak satu bumbung akan gagal juga seperti Datuk Seri Haji Mohd Ali katalah, ada SPNB, ada macam-macam, PR1MA, ada Perumahan Rakyat tetapi dia mengesyorkan satu lembaga perumahan diwujudkan. Saya sokong 100 peratus supaya dapat semua selaras di bawah satu bumbung.

#### ■ 1510

Kedua, saya juga rasa malang bila mana syarikat-syarikat besar GLC yang luar negara nak datang melabur ke Malaysia- dulu ada syarat. Syaratnya ialah 30 peratus kena bagi kepada bumiputera. Itu dulu, sekarang tak ada lagi. Mana lagi kuota 30 peratus? Betul tak? Datanglah singa ke, harimau ke, Amerika ke, Eropah ke, Jepun, Taiwan, tak ada lagi. Dia bebas mengutip hasil tanpa mempedulikan Melayu kah, Cina kah, bumiputera kah, Siam kah, India kah... [Disampuk] *Nehi kabi nehi*, tak ada lagi.

Jadi saya rasa ini salah. Saya juga minta tuntutan kembali supaya mana-mana syarikat besar yang nak melabur ke dalam Malaysia kena JV dengan rakyat Malaysia sekurang-kurangnya 30 peratus. Baru betul.

Ketiga, ada syarikat-syarikat besar GLC niaga juga. Orang kata jaga badan, jaga syarikat, dia bersaing-saing dengan lokal, kecil-kecil tempatan. Ini dasar kena berhentikan. Kalau berlarutan juga, saya fikir kita tak ke mana.

Keempat, saya juga melihat UDA, satu badan yang tersendiri. UDA saya tanya, kenapa tak tubuh *shopping complex* besar-besar seperti *Giant*, seperti *Tesco*, seperti macam-macam, *Mydin*, kenapa? Dia kata duit tak ada. Kerajaan tak bagi kah? Tak ada. Bagi pun untuk gaji sikit-sikit. Kalau ginilah, sampai bila pun UDA tak boleh bersaing di alam perniagaan. Jadi, saya tuntutan supaya UDA diberi duit banyak-banyak untuk bina kompleks untuk Melayu, untuk bumiputera. UDA itu ditubuhkan untuk Melayu di bandar-bandar tapi satu pun kita nak kata kompleks UDA tak ada, kecuali satu dua. Di Penjara Pudu, tanah besar tapi sampai sekarang balah, balah, balah, tak jadi JV dengan China. Jadi kita rasa ini pelik. So, saya tuntutan kerajaan berilah bajet banyak sikit kepada UDA.

MARA, saya dahulu Timbalan Pengerusi MARA tetapi MARA berjaya daripada segi pelajaran, usahawan *zero*. Dia latih tak sampai 20 orang usahawan setahun tapi yang berjaya tak sampai tiga orang. Tiap-tiap tahun Tan Sri, bukan *this year* atau *last year* yang gagal. Saya katakan MARA berjaya sebab dia ambil budak-budak yang baik-baik tapi MARA gagal untuk lahirkan kompleks-kompleks niaga yang besar-besar seperti *Tesco* dan sebagainya. Tan Sri minum sikit? Kering tekak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat minumlah bila teragak.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Tan Sri baik hati, panjang umur.

Jadi saya rasa ada yang tak kena. Untuk MARA, untuk UDA maju, kena bagi bantuan. Itu nadi kepada bumiputera.

Satu lagi yang saya nak katakan ialah bumiputera perlu diambil kira dalam, sama ada perdagangan antarabangsa, sama ada TPPA atau bilateral atau multilateral. Jadi, jangan hapuskan dasar-dasar untuk Melayu. Bila ada bilateral atau multilateral atau TPPA dengan Amerika, jangan pinggirkan Melayu seperti yang berlaku sekarang. Kalau pinggir, saya percaya, tidak ada maknanya negara kaya tapi kita miskin. Negara kaya pendapatan konon-konon RM35,000 sebulan tapi ketuanan bangsa merempat. Ingat satu seloka, saya nak baca satu seloka, jangan tidur.

**Seorang Ahli:** Siapa tidur?

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Siapa-siapalah. Ini seloka ditujukan kepada keadaan sekarang. Jangan utamakan orang luar, kena utamakan anak sendiri.

*"Baik hati emak si Rendang,  
Dagang lalu ditanakkan.  
Kera di hutan disusukan,  
Anak sendiri kelaparan.  
Dagang pergi, awak kebuluran".*

Faham? Kalau tak faham saja balik termenung. Jadi jangan kita baik macam mak si Rendang-baik sangat. Bagi orang, bagi orang, bagi orang, anak sendiri kelaparan.



Jadi dalam dasar agenda transformasi negara yang dicatatkan ini, baik-baiknya jaga Melayu. Tidak ada makna negara kaya tapi bangsa miskin. Adalah satu pengkhianatan, adalah satu dosa kepada pemerintah kalau bangsa sendiri miskin hina kedana, bangsa lain kuat. Saya bukan dengki. Bangsa Melayu 67.3 peratus, Melayu bumiputera. Cina 24 peratus, India 9 peratus, lain-lain bangsa 1 peratus. Besar daripada segi kaum tetapi paling miskin daripada segi harta benda. Ingat, kemiskinan boleh membawa kepada kekufuran. Betul ustaz? Betul, bangun sedikitlah, cakap [*Ketawa*] Jadi kita rasa ini agenda penting.

Seterusnya saya nak pergi kepada isu-isu semasa yang berlegar kepada kita. Ketua Pembangkang pernah pergi ke Taiwan buat fitnah, buat kata-kata hodoh dan buruk kepada Malaysia. Janganlah melabur, jangan datang sini, tak selamat, banyak huru-hara. Siapa yang buat huru-hara? Pembangkang. Bila aku cakap, semua keluar. Tinggal yang baik-baik sahaja. So, kita hendakkan Anwar jangan fitnah. Nak pergi Taiwan kah, nak *enjoy*kah, pergilah, jangan fitnah bangsa. Saya minta menteri berkenaan jawab apa yang difitnahkan. Saya nak cakap pun masa tak ada kecuali Tan Sri bagi lagi masa. Dahulu fitnah di Amerika, fitnah di Filipina. Terbaru, fitnah lagi di Taiwan. Jadi saya tuntutan mana-mana rakyat Malaysia yang buat fitnah, bukan sahaja dilepaskan tetapi dipegang, dihukum dan kalau boleh dijel, dipenjarakan.

#### ■ 1520

Satu lagi saya sokong ini *Singapore*. *Singapore*, minggu lepas satu Bangla kena langgar oleh bas dan mati. Mati kah hidup?... Ya, mati. Yang Berhormat Senator Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai tahu, mati. Seramai 100, 500 orang kumpul. Saya tengok video, dia balik, balikkan kereta dalam masa lima, enam minit. Balik, balik, balik. Huru-hara *Singapore*. Di *Singapore* selama 40 tahun tidak pernah jadi huru-hara, alih-alih huru-hara akibat Bangla dilanggar, satu orang. Saya mintak CID, ASP polis siasat. Rupa-rupanya mereka ada sindiket. Bangla yang berlaku di *Singapore* adalah yang ambil bahagian, demonstrasi di BERSIH 1.0, 2.0, 3.0 dan 4.0. Kalau saya salah, betulkan saya. Kalau saya betul, minta Yang Berhormat Menteri terangkan lagi. Itu satu bab.

Bab kedua, *Singapore* tangkap mereka hari- semalam dia tangkap, dia hukum penjara tujuh tahun. Kita demo satu, dua, tiga, empat bagi makan *free*. Bagi ubat *free*, bagi urut *free*, bagi *free* semua. Baiknya sampai jadi bodoh. Saya juga tidak setuju, baik sangat. Saya setuju undang-undang itu keras. Bila bercakap keras, saya teringat peristiwa orang Malaysia, rakyat Malaysia apa juga keturunan. Akhir-akhir ini mereka hina Raja, hina Islam, hina macam-macam. Contoh, "Mari terbuka dengan *bak kut teh*", contoh, mandi dengan anjing, contoh, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong tua tidak 'rock'. Letih, tua, hina. Okey, contoh Raja Johor itu zalim. Raja Johor itu tidak *handsome* macam-macam. Benda malu saya hendak cakap. Bendera Malaysia Tuan Yang di-Pertua, yang terbaru gambar kemaluan orang lelaki. Betul! Ada siapa tengok? Hendak tengok nanti saya bagi.

**Seorang Ahli:** Haram, haram, haram!

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Haram. Dato' Dr. Mashitah tidak boleh tengok. Haram [*Menyampuk*] Lucah. Jadi saya tuntutan, kena betul-betul ada undang-undang baru. Di Siam, kalau siapa hina, Ayu Bhumibol Siam, terus dijel. Kita baik sangat.

Jadi, saya tuntutan supaya kerajaan, siapa-siapa hina Raja, Islam, bahasa, hak-hak istimewa yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan mesti ditangkap, didenda, dipenjarakan untuk dijadikan pengajaran. Melayu ini ada had sabar. Melayu ada sabar tetapi kalau dihimpit sampai ke dinding, ditolak sampai ke dinding, *insya-Allah* kita akan bangkit melawan. Saya tidak hendak, tetapi saya harap, jangan sampai negara ini huru-hara akibat kelonggaran undang-undang, akibat kerajaan lembut sangat.

Jadi, undang-undang mesti tegas. Apa-apa yang dipersetujui oleh Perlembagaan dalam pakatan ini, masa hendak capai kemerdekaan, sama ada aspek bahasa, Raja, Islam jangan usik. Kalau usik tangkap. Kalau tidak cukup undang-undang ganti dengan undang-undang yang baru.

Saya juga hendak bercakap dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA). Saya pergi jumpa Tan Sri Mahmood Adam, dia punya pengerusi, *last two weeks*. Dia kata rakyat Malaysia yang minta kerja dalam masa sepuluh bulan Tuan Yang di-Pertua, adalah sangat ramai. Saya tanya, "Berapa?" "You agak berapa?" dia kata. Saya kata, "Ada lah 100,000 atau 200,000." Dia jawab, "No!" Saya kata, "300,000?" Dia kata lagi, "No." Saya teka lagi, "500,000?" Dia jawab, "No." Dia kata, "Yang minta kerja dengan SPA dan JPA adalah sebanyak 2.05 juta orang." Banyak itu. "*Dari dulukah Tan Sri*," saya tanya dia. Dia kata, "No." Dia kata dalam masa 10 bulan pertama, termasuk budak-budak PAS, PKR, DAP minta sama. Jadi saya hendak khabar berapa ambil? Dia kata, "Dalam 80,000." Saya tanya, "Next year?" Dia jawab, "Dalam 100,000." Saya hendak khabar, ini SPA tahniah, syabas. Berilah peluang untuk tingkatkan SPA. Saya kata, "Apa hendak tingkat?" Dia kata, "Apa-apalah."

Saya syorkan dia punya komputer untuk alat-alat komputer daripada enam terbaik, diangkat menjadi 20 terbaik supaya dapat akses kepada semua *internet*, semua unsur-unsur pentadbiran.

Saya juga hendak tahniah kepada semua penjawat awam sebab saya tahu pertama Putrajaya, pembangkang tidak boleh ambil walaupun dia bawa Haji Hadi kah, Nik Aziz kah, Anwar Ibrahim kah tidak boleh ambil. Tahniah. Putrajaya kebanyakannya penjawat awam. Kedua saya tahniah sebab penjawat awam sokong Kerajaan BN, tahniah. Tepuk sikit [*Tepuk*]

Saya juga hendak sentuh juga, untuk bidang lain iaitu pendatang asing. Pendatang asing ini berkali-kali bajet saya cakap. Akan tetapi tidak berubah-ubah. Makin cakap, makin bertambah. Tidak cakap pun tambah, cakap pun tambah. Cakap susah, tidak cakap pun susah. Jadi saya hendak cakap lagi walaupun susah. Cukuplah pendatang haram di negara kita banyak sangat. Pekerja di Malaysia 12.8 juta. Bangla, semua-semua pendatang asing tiga juta, halal. Yang tidak halal dua juta, lima juta. Lima juta daripada 12.8 juta, berapa? Tidak ada negara kecuali Malaysia yang pendatang asingnya hampir-hampir 40 peratus jadi pekerja. *Either* halal atau haram. Mana-mana datang kerja satu hal. Buat kecoh satu hal.

Tadi Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yahaya kata, di Selayang gaduh. Gaduh tidak apa, bunuh. Samseng! Saya tidak percaya, *so* saya pergi satu hari di Selayang. Di Pasar Selayang, Pasar Kuala Lumpur, semua dia kontrol. Tempat niaga kontrol, jual kontrol, pekerja kontrol Myanmar kontrol, pakai kain pelekat, makan sirih, '*pek, pek*'! Air sireh merata-rata di pasar borong. Betul tidak Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yahaya? Cakap sikitlah [*Ketawa*] Betul? Jadi saya ingat Selayang sahaja, Klang, Kuala Lumpur- Chow Kit, Terengganu..., apa ini?

#### ■ 1530

Dulu Kementerian Sumber Manusia janji dengan kita *fine*, Lynas sahaja untuk pekerja asing. Sekarang pasar borong, *hotel guard*- Nepal sahaja ada 6,000 lebih, Nepal sahaja. Itu belum masuk Pakistan, Myanmar, Indonesia. Apa hendak jadi?

**Datuk Hajah Noriah binti Mahat:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya mencelah sedikit?

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Boleh. Banyak tidak apa. Aku boleh minum.

**Datuk Hajah Noriah binti Mahat:** Saya hendak tambah sedikit Tuan Yang di-Pertua. Bukan itu sahaja Yang Berhormat, dia pula ada bawa tilam-tilam pergi ke ladang-ladang kelapa sawit dan ladang-ladang pokok getah. Tidak tahu dia buat apa, *wallahu 'alam*. Itu kena siasatlah yang berkenaan. Terima kasih.

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Yang Berhormat, bagi laluan sedikit. Saya hendak respons tentang apa yang Yang Berhormat perkatakan sebentar tadi. Ada dua, tiga perkara. Pertamanya soal *bak kut teh*, soal anjing yang diberitahu tadi. Cuma apa yang kita rasa kesal sedikit, mungkin Yang Berhormat setuju dengan pandangan saya. Setengah-setengah di kalangan kita, di kalangan sebangsa dan seagama dengan kita, semacam satu restu kepada mereka. Tidak bersuara, tidak memberitahu perkara ini tidak betul dan sebagainya. Saya harap Yang Berhormat dapat berkongsi pandangan dengan saya.

Seterusnya soal warga asing. Sememangnya warga asing di kawasan yang Yang Berhormat sebut tadi, sememangnya telah terlampau sangat. Ada satu cerita saya hendak beritahu Yang Berhormat. Apabila pihak penguat kuasa Imigresen, polis dan sebagainya membuat serbuan ke tempat itu, ya Allah mereka ini mencari tempat perlindungan. Kadang-kadang atas katil orang rumah di taman, di kampung Selayang lama pun mereka redah masuk hendak selamatkan diri. Jadi ini menimbulkan satu kegusaran yang amat sangat kepada penduduk sekitar itu. Jadi saya minta pandangan Yang Berhormat. Terima kasih.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Betul, dua-dua Yang Berhormat itu betul. Sekarang bagi saya, Malaysia jadi lambakan orang asing. Betul. Banyak sangat. Kita boleh ambil, tetapi hendak ambil sedikit-sedikit cukuplah. Ini banyak sangat. Sana Bangla, sini Indonesia, situ Myanmar, dekat ini Pakistan, sana India. Bukan India ini, India sana [*Ketawa*] Ini Siam, bukan Siam ini, Siam sana. Jadi banyak sangat. Kita pun macam anak tiri. *So*, saya minta KDN ketatkan undang-undang. Kuat kuasa kena hebat. Tidak cukup, tambah. Kita negeri kaya, tetapi janganlah melampau sangat... [*Disampuk*] Banyak boleh.

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** Yang Berhormat, bukan banyaklah, saya sedikit sahaja. Itu 40,000 masuk dari Bangladesh, 40,000 orang. Kira sekali kah atau ini asing? Kira lain?

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Saya pun hendak sentuh 40,000 Bangladesh itu. Bukan saya sahaja sentuh, bahkan Perdana Menteri sentuh dalam bajet ini. Ada ini, ada dalam bajet. Saya pun hendak tanya Yang Berhormat Menteri. Tidak ada seorang, mana, malas semua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak apa, Yang Berhormat cakap. Saya harap pegawai-pegawai di luar...

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Saya harap pegawai kena jelas, betulkah 40,000 itu atau omong-omong kosong atau sahaja-sahaja hendak kata. Ini sebab Ketua Pembangkang kata ceramah di mana-mana, BN menang kerana Bangladesh 40,000 orang.

**Dato' Khairudin Samad:** Yang Berhormat, mohon laluan Yang Berhormat.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Sabar dulu.

**Dato' Khairudin Samad:** Sekejap, hendak sebut sedikit sahaja.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Okey, okey.

**Dato' Khairudin Samad:** Tuan Yang di-Pertua, angka dia sebenar 40,500 orang. *You* kena sebut 500 orang itu sebab ada penafian. Bukan 40,000 orang sebab angka yang disebut ialah 40,500. Terima kasih.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Campur 500 orang lagi, jadi 40,500 orang. Saya hendak minta Perdana Menteri atau Yang Berhormat Menteri di JPM jelaskan, ada atau tidak. Kalau tidak ada, saya mohon pembangkang atau konco-konconya buat kenyataan nafikan bahawa tidak ada. Kalau dia tidak nafikan, dia pengecut, dia dayus, dia pembohong besar. Kita tidak boleh main emosi rakyat untuk menang pilihan raya. Tidak tahu menari, jangan kata tanah jongkang-jongket. Tidak menang pilihan raya, jangan salahkan kami. Siapa hendak sokong pembohong? Dulu kata hendak jadi Perdana Menteri 16 September, tidak jadi-jadi. Ini Bangladesh juga. Satu lagi saya hendak tuntutan supaya Yang Berhormat Menteri jelaskan, adakah benar-benar berlaku *blackout* masa pilihan raya. Itu satu isu Bangladesh.

Isu lain saya hendak timbulkan ialah GST. Tadi Yang Berhormat sana kata 6 peratus itu mahal daripada 16 peratus. Saya tidak fahamlah. *Tax* GST 6 peratus, *actually* murah. Dulu 10 peratus campur 6 peratus, jadi 16 peratus. Bagi saya yang bodoh dungu ini, Rahman Bakar ini, 6 peratus lebih kecil daripada 16 peratus. Betul tidak? Macam mana Yang Berhormat boleh kata 16 peratus murah daripada 6 peratus? Kalau hendak bangun, bangunlah. Saya hendak *debate* dengan anda.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak apa Yang Berhormat. Teruskan Yang Berhormat, teruskan.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** *Sorry*, saya kacau sedikit sebab dia manja sedikit. Jadi satu lagi saya hendak bahas tentang Syiah. Syiah ini dikatakan banyak sekarang. Dikatakan sebanyak lebih daripada 60,000 orang termasuk berupaya tubuh satu Pertubuhan Syiah Malaysia. Kita ucap tahniah kepada kerajaan sebab dalam Perhimpunan Agung UMNO mengambil satu ketetapan agar Islam dikandungan dengan fahaman satu sahaja iaitu Ahli Sunnah Wal Jamaah, bukan yang lain-lain. Sesuai dengan apa yang dikatakan Nabi Muhammad SAW, "*Bila aku wafat, tinggal 73 golongan, hanya satu golongan sahaja yang diterima iaitu Ahli Sunnah Wal Jamaah*". Jadi yang lain-lain termasuk Syiah tidak diterima. Saya pun tertarik, kenapa Syiah ini orang kecam sangat? Baca punya baca Syiah Tuan Yang di-Pertua, banyak seleweng. Saya hendak baca sedikit.

Pertama, Imam Mahdi. Muhammad Hasan Askari adalah Imam Mahdi, bukan Nabi Isa a.s yang telah hilang, akan muncul semula perintah dan hukum orang-orang zalim. Nama Muhammad Hasan Askari. Satu seleweng.

Kedua, rukun iman. Percaya bahawa imam-iman berdasarkan nas. Nas ini tidak ada dosa kecil, tidak ada dosa besar. Telahnya macam Nabi, Imam 12.

Ketiga, mengkafirkan sahabat termasuk Sayidina Umar dikatakan homoseksual, Sayidina Uthman Affan, juga Sayidina Abu Bakar kecuali Sayidina Ali.

#### ■ 1540

Keempat, *ar-rajah*- para imam dibangkitkan hari kiamat bagi balas dendam hukum penzalim termasuk sahabat Abu Bakar, Umar, Uthman, Aisyah, Muawwiyah dan lain-lain sedangkan Aisyah, Abu Bakar, Uthman, Umar, Muawwiyah tidak silap dijamin masuk syurga. Betul tak ustaz, betul?... Kuat sedikitlah. Betul?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya rasa Yang Berhormat panjang lagi. Kalau boleh diringkaskan tetapi *point* Yang Berhormat itu kemukakan.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Okey, okey.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jangan...

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Okey.

Kelima, termasuk Al-Quran itu dia kata salah. Syiah kata bahawa al-Quran itu yang ada sekarang sudah diubah-ubah, ditokok-tambah dan seleweng.

Keenam, ini orang hendak dengar termasuk Datuk Seri Hj. Mohd Ali bin Mohd Rustam, kahwin mutaah. Tidak memerlukan wali, saksi dan isytihar akad nikah. Tidak perlu.

Ketujuh, *takiyah* iaitu wajib dusta, wajib bohong untuk lindung diri.

Kelapan, *al-badar*. Percaya Allah bersifat dengan *al-badar*. *Al-badar* ini apa? Jahil. Dia kata Allah itu jahil, tidak punya ilmu yang meliputi. Jadi, kalau hendak baca lagi banyak tetapi apabila kita sujud atas batu ke bawah dan macam-macam, tepuk tangan bila sudah sembahyang, makan ikan yang tidak bersisik, buka puasa sehingga waktu isyak, marah orang puasa Asyura dan macam-macam.

Jadi kita minta kerajaan perang Syiah habis-habisan. Tidak ada tolak ansur sebab Syiah halalkan darah orang Islam sunni. Berlaku perang Syria Tuan Yang di-Pertua. Orang Syiah di Syria halalkan darah orang sunni di Syria. Jadi karut. Semua orang lain bukan Syiah adalah anak zina. Syiah kata, bukan saya kata. Jadi yang melampau pukul badan dan dada itu panjang cerita.

Jadi saya hendak minta supaya kerajaan benar-benar keras dan jangan takut untuk basmi habis-habisan. Ini akidah Tuan Yang di-Pertua. Buat apa harta, buat apa Parlimen? Buat apa kerajaan besar kalau akidah kita tidak betul. Kita hidup mati akidah kita paksikan. Kalau akidah tidak betul tidak payah cakap banyaklah. Bagi orang Islam saya tidak hendak cakap. Bagi Islam, pokok pangkalnya akidah. Nama Islam akidah tidak betul rosak, syahadat tidak betul neraka perginya. Itu pokok persoalan yang kerajaan kita kena bertanggungjawab.

Lagi, saya juga hendak cakap Bahasa Malaysia. Bahasa Melayu kini diajar di sekolah-sekolah tetapi di luar, Bahasa Malaysia seolah-olah anak tiri. Contoh, nama jalan ikut suka, nama kedai ikut suka, nama premis ikut suka dan taman perumahan ikut suka. Kadang-kadang Malaysia ini seperti bukan negara Malaysia, seperti negara China. Maaf! Cina bukan Cina sini ada sahaja tetapi cina ada di mana-mana. Di Amerika, di Surabaya, di Thailand, di Vietnam dan di India. Saya pergi ke New Delhi, ibu negara India saya jumpa cina tetapi tulisan ibunda diutamakan. Di Malaysia tulisan ibunda bahasa Malaysia diketepikan, dianaktirikan sebab pemerintah baik sangat.

Jadi saya hendak minta bahasa Malaysia di iklan-iklan, taman perumahan, di mahkamah, di mesyuarat-mesyuarat Kabinet di persadakan. Bajet ditambah untuk Dewan Bahasa dan Pustaka. Bagi saya, Bulan Bahasa Kebangsaan bukan setahun sekali, bukan sebulan sekali dalam masa setahun tetapi tiap-tiap hari gunakanlah bahasa kebangsaan. Saya rasa sedih, saya rasa terpinggir bila bahasa ibunda ini diketepikan. Kalau boleh ikutlah Brunei.

Saya pergi Brunei Tuan Yang di-Pertua. Pergi jalan-jalan sahaja, bukan orang panggil. Saya kagum. Naik kapal terbang tulisan jawi, *airport* tulisan jawi, bandar semua tulisan jawi. Ada juga Melayu tetapi Melayu rumilah. Jadi di persadakan bahasanya.

Kita walaupun Cina, KadazanDusun, Indiakah kena taat kepada bahasa satu sahaja, Bahasa Malaysia. Bahasa lain boleh digunakan tetapi...

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Boleh sentuh?

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Boleh.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Saya tertariklah soal bahasa itu. Memang betullah tetapi sebelum Yang Berhormat sambung soal bahasa itu, saya terfikir-fikir tadi tentang isu Syiah Yang Berhormat timbulkan itu. Perkara ini memang sangat serius. Saya pernah bercakap dengan Duta Besar kita ke Iran kira-kira dua tahun yang lalu dan pada masa itu pun beliau sudah menyatakan tentang bahaya Syiah itu terhadap negara ini. Apa yang saya hendak tahu daripada Yang Berhormat sendiri tentang khabar-khabar angin bahawa betulkah ada pada pengetahuan Yang Berhormat, pemimpin-pemimpin politik dari parti-parti tertentu terlibat dengan aktif walaupun tidak terbuka dalam kegiatan-kegiatan Syiah ini? Tolong beri penjelasan dan apa implikasinya dan kenapa kononnya dahulu ada pemimpin berkenaan hendak menyaman Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi dalam kapasiti dia sebagai bukan Menteri barangkali sebagai Naib Presiden UMNO tetapi kenapa itu tidak berlaku?

Jadi yang saya hendak tahu, sejauh mana kebenaran bahawa tokoh-tokoh tertentu dalam sebuah parti politik terlibat dalam perbuatan Syiah ini? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, lepas itu kalau boleh Yang Berhormat ringkas sedikit ya.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Okey, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, seorang Menteri tidak akan bercakap kalau dia tidak ada fakta, tidak ada bukti. Mana-mana Menteri. Saya dahulu anggota kabinet kerajaan, saya tidak akan bercakap bohong. Jadi dakwaan oleh Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi kepada Mat Sabu Timbalan Presiden PAS ada kenyataan, ada fakta.

Jadi saya tuntutan supaya PAS atau Mat Sabu sendiri buat penafian atau saman Menteri kalau dia salah. Bahaya. Seorang pemimpin Syiah jadi pemimpin PAS, tidak boleh. Ini akidah. Tidak boleh. Jadi saya minta supaya ini diselesaikan segera. Saya hendak tengok sangat kebenarannya...

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Sekejap Yang Berhormat. Boleh saya bercakap sekejap?

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Boleh.

■ 1550

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Sekejap Dato', saya hendak cakap. Yang saya hendak tahu, kenapa mengenai isu sebesar ini tidak ada penafian yang spesifik baik daripada individu yang berkenaan atau daripada pimpinan parti berkenaan. Itu yang menjadi kemusykilan saya Yang Berhormat.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Masa tidak ada Tuan Yang di-Pertua. Kita tunggu jawapan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa tidak cukup. Jawab ringkas saja.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Yang di-Pertua pun setuju dengan saya. Satu lagi isu pemilik perumahan. Saya ingat rumah di Kuala Lumpur, di bandar-bandar besar, mahal sangat. Di Kuala Lumpur, RM1 juta, RM2 juta, RM3 juta, RM4 juta, RM5 juta. Siapa boleh beli? Senator pun tidak boleh beli, Tuan Yang di-Pertua tidak boleh beli walaupun gaji mahal, betul? Jadi, saya ingat hendak syorkan kepada kerajaan, pihak swasta jangan letak harga mahal-mahal. RM200 ribu, RM300 ribu cukuplah. Ini RM1 juta. Dekat rumah, Setia Sky dekat Kampung Baru itu, rumah kondominium RM1.5 juta. Aku tidak ada duit hendak beli, tengok saja bolehlah. Mahal, dia pun tidak boleh beli, mahal adik. Sebab itu...

**Tuan Baharudin bin Abu Bakar:** Saya celah sikit, boleh tidak?

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Usik sikit, bangun selalu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat kerana masa tidak mengizinkan, kalau boleh gulung Yang Berhormat.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Ah, saya hendak gulung, *sorry, I love you [Ketawa]*

Jadi, saya ingat rumah ini kena banyak. Rumah tidak cukup, kena banyak-banyak. Dua-tiga ribu yang SPNB atau PR1MA hendak buat, bagus tapi tidak cukup. Saya hendak gulung. Sebelum saya gulung satu isu saja, ketenteraman awam. Tahniah kepada KDN sebab gagah, berani, tangkap gengster, perompak, orang jahat. Kedua, Ops Cantas bagus tapi 410,000 penjenayah hanya yang boleh ditangkap hanya 15,000 saja. Tahniah, tahniahlah. Akan tetapi kena tingkat lebih kurang separuh...

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukup Yang Berhormat.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Cukup. Saya hendak bagi pantun, boleh Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** *Last* pantun.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Okey, okey.

*Lima dekad BN menggalas amanah,  
Kongsi kuasa amalan sepakat,  
Demi rakyat kepada Allah kita berserah,  
Semoga negara bertambah berkat, sokong Bajet 2014.*

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Untuk makluman semua Yang Berhormat, *point* yang dibawa oleh Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahman itu baik, banyak tapi kalau boleh kena ringkas, satu, satu, satu supaya dapat *cover* banyak *point* ataupun perkara-perkara tetapi dalam masa yang berpatutan.

Sekarang tanpa buang masa lagi saya mempersilakan Yang Berhormat Datuk Hajah Noriah binti Mahat.

3.53 ptg.

**Datuk Hajah Noriah binti Mahat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk...

**Tuan Yang di-Pertua:** Terus Yang Berhormat, terus ya. Jangan ada. Cukuplah itu.

**Datuk Hajah Noriah binti Mahat:** *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Pertamanya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan Malaysia yang telah membentangkan bajet yang amat baik bertemakan, "Memperteguhkan Ketahanan Ekonomi, Memperkasa Transformasi dan Melaksana Janji". Saya terus kepada *point* saya...

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Datuk Hajah Noriah binti Mahat:** Tuan Yang di-Pertua, dalam pembentangan bajet kali ini kerajaan telah mengumumkan pelbagai bantuan kepada golongan berpendapatan rendah dan mudah terjejas. Program kebajikan yang diperkenalkan kerajaan sebagai sebahagian daripada inisiatif jaringan keselamatan sosial terbukti telah memberi manfaat kepada 514,066 kumpulan sasaran. Dalam usaha untuk terus meringankan beban kehidupan rakyat dan memastikan kesejahteraan negara, kerajaan menepati janji untuk menjaga kebajikan rakyat dengan pelbagai dasar telah dirancang dan akan dilaksanakan melalui Bajet 2014, Bantuan Rakyat 1Malaysia kepada isi rumah dan individu bujang telah ditambah baik.

Malah kerajaan melengkapkan lagi hasrat membantu rakyat dengan mengadakan caruman insurans Takaful Berkelompok yang diberi kepada semua penerima isi rumah. Ia juga merupakan satu langkah yang tepat, yang mana diharapkan dapat memberi perlindungan maksimum sehingga RM30 ribu kepada penerima-penerimanya sekiranya berlaku kematian atau hilang upaya yang kekal. Tahniah juga kepada kerajaan kerana menjaga kebajikan penjawat awam seperti mewujudkan subsidi rentas ke sektor awam berjumlah RM180 sebulan kini juga bakal dinikmati oleh penjawat awam yang berpendapatan bulanan seisi rumah RM3,000 hingga RM5,000.

Pemberian bantuan yuran taska sebanyak RM250 sebulan kepada ibu bapa berpendapatan bulanan tidak melebihi RM900 yang menghantar anak-anak ke taska swasta yang berdaftar. Langkah ini dapat membantu pekerja wanita dan memberi motivasi kepada mereka untuk lebih produktif dan menyumbang kepada pembangunan negara. Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh berkenaan dengan banjir sebagaimana yang dicakapkan oleh rakan saya. Saya juga turut ingin mengutarakan masalah banjir yang melanda di negara kita. Terutamanya di negeri Pahang yang teruk terjejas beberapa hari lepas dan fenomena banjir yang berlaku setiap tahun bila tiba musim tengkujuh di hujung tahun.

Kita maklum, banjir yang agak teruk melanda negeri Pahang terutamanya daerah Kemaman, Kuantan, juga di daerah-daerah lain sekitar Pantai Timur. Kita mengucapkan tahniah kepada kerajaan. Ini kerana menurut laporan akhbar, pengurusan banjir kita merupakan antara yang terbaik jika dibandingkan dengan beberapa negara maju. Kerajaan mampu mengambil tindakan segera yang mungkin bagi membantu mangsa dan kerja memindahkan banjir ketika bencana tersebut melanda baru-baru ini.

Saya juga turut mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak kerana baru-baru ini berkeinginan meninggalkan PWTC waktu Perhimpunan Agung berjalan. Berkeinginan ke Pahang untuk melihat dan membantu mangsa-mangsa banjir di sana dan melihat bagaimana susah payahnya rakyat kita yang di timpa banjir. Keesokan harinya, diikuti dengan Timbalan Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Haji Muhyidin bin Mohd. Yassin, pergi ke Kuala Terengganu. Ini pasangan yang *ideal* ini, seorang pergi sana, seorang pergi sana.

Jadi Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, dalam pada itu Yang Amat Berhormat juga telah mengumumkan untuk memberi RM500 setiap keluarga yang ditimpa mangsa banjir. Jadi, kita mengucapkan terima kasih banyak-banyak kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri. Kita ucapkan setinggi-tinggi tahniah, dalam kesibukan waktu Perhimpunan Agung tetapi pemimpin-pemimpin besar kita sempat turun ke bawah dan menemui rakyat-rakyat jelata yang ditimpa mangsa. Ini yang dikatakan susah sama susah, senang sama senang. Waktu pilihan raya dulu, dia kasi undi dengan kita dan sewaktu selepas ditimpa bencana macam ini, kita turun ke bawah tengok rakyat kita.

Bukan macam orang lain, waktu senang tadi dia lain. Waktu susah ini sebagaimana kata rakan saya dan kita tengok juga di dalam *Facebook* dan juga *YouTube*. Rakan pembangkang kita rupanya dia duduk pergi ke tempat lain ke luar negara. Rupanya orang lain bersejuk-sejukkan, mungkin dia berpanasan-panasan agaknya.

#### ■ 1600

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana memahami keperluan rakyat. Di mana telah dilaporkan bahawa cadangan untuk menambah baik *standard operating procedure* (SOP), dengan izin, untuk pengurusan banjir ini akan dibentangkan di Kabinet. Antara cadangannya adalah mengadakan khemah dan lain-lain. Ini menunjukkan keprihatinan kerajaan kepada rakyat keseluruhan.

Kita berharap agar penambahbaikan itu dapat mengambil kira pelbagai faktor tempatan dan terutamanya kesegeraan misi bantuan untuk pemindahan mangsa dan penambahbaikan dari segi operasi dan juga kemudahan kepada mangsa. Terutamanya penempatan banjir, dilaporkan bahawa negara kita mempunyai sebanyak 4,969 pusat pemindahan banjir yang didaftarkan di seluruh negara, terdiri daripada sekolah, kompleks penghulu, pusat komuniti dan sebagainya. Namun, kita dimaklumkan bahawa sesetengah pusat penempatan yang sepatutnya menampung 1,000 orang terpaksa menampung hingga 3,000 orang.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat.**]*

Kita lihat keadaan ini di penempatan banjir walaupun kita tidak berpeluang pergi ke tempat kejadian, kita lihat media massa, keadaan agak tidak teratur dan terbuka. Kita lihat penempatan banjir ini tidak banyak berubah. Contohnya di dalam sekolah meja dan kerusi diketepikan jadi orang mangsa banjir itu duduk di tengah-tengah dan tiada privasi terutamanya untuk wanita.

Jadi, saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan kerana saya harap kerajaan lebih sensitif kepada aurat wanita dan kepada keperluan wanita dan juga keluarganya, kepada syariat yang perlu kita ikuti. Kita lihat di Jepun misalnya mereka menyediakan ruang yang tertutup seperti *partition* untuk setiap keluarga. Keadaan ini sekurang-kurangnya memberi keselesaan kepada mereka. Tuan Yang di-Pertua contohnya, kalau tiga empat hari duduk di pusat banjir tidak apa tetapi kalau sudah sampai sebulan, suami dekat luar, isteri dekat dalam. Sebulan ini. Saya tidak tahulah, tetapi sebulan dia tengok sahaja macam begitu.

Jadi, saya rasa sudah sampai masanya kerajaan kena buat sesuatu. Kalau boleh dibuatkan macam biliklah... *[Disampuk]* Jadi, Tuan Yang di-Pertua sampai masanya kerajaan kita sudah mengambil satu pengiktirafan yang begitu baiklah khususnya untuk kekeluargaan. Jangan masa begini sahaja kita pentingkan kekeluargaan tetapi waktu banjir...

**Dato' Lim Nget Yoon:** Boleh sekali, laluan?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada yang hendak mencelah Yang Berhormat. Boleh?

**Datuk Hajah Noriah binti Mahat:** Boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Dato' Lim Nget Yoon:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya difahamkan bahawa tempat perlindungan untuk mangsa banjir di sebuah sekolah, apabila mangsa banjir itu pindah ke sana, sekolah itu turut dilanda banjir. Jadi, apa pandangan Yang Berhormat Datuk dengan kejadian tersebut?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ini banjir di pihak orang yang pindah ke situ atau banjir kena hujan?

**Dato' Lim Nget Yoon:** Mangsa sudah pindah.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Oh! Pindah ke situ, pun kena banjir juga. Okey, teruskan Yang Berhormat.

**Datuk Hajah Noriah binti Mahat:** Maknanya dua tiga kali banjir lah? Macam di tempat saya, mula-mula tempat itu tidak kena banjir, orang itu dipindahkan ke situ, selepas itu kena banjir pindah lagi tempat lain. Ini satu penyeksaan jugalah. Banyak kali seksa. Jadi, ini sebenarnya takdir Allah SWT. Kita tidak boleh menidakkan, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Betul.

**Datuk Hajah Noriah binti Mahat:** Cuma kita mengharapkan kepada pihak kerajaan kalau boleh yang sebaik mungkin- bukan kita kata semua hendak bagus, tidak. Kalau boleh kita tidak kena banjir, memang kita tahu cakup sahaja ya. Akan tetapi, kita...

**Dato' Muhammad Olian bin Abdullah:** Mohon mencelah Yang Berhormat?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada yang hendak mencelah. Silakan. Teruskan.

**Dato' Muhammad Olian bin Abdullah:** Terima kasih Yang Berhormat. tadi Yang Berhormat ada sebut bahawa pemimpin-pemimpin Kerajaan Barisan Nasional sentiasa melawat dan bersimpati dengan mangsa-mangsa banjir.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri-Menteri lain, Menteri-menteri Besar bersama dengan mangsa-mangsa banjir. Malah, disebut juga bahawa ada pemimpin pembangkang bersenang lenang pergi ke luar negara. Bolehkah Yang Berhormat sebut nama dia siapa itu?

**Datuk Hajah Noriah binti Mahat:** Kita ini sudah terang lagi bersuluh. Saya tidak payah sebutkan nama, saya rasa Dato' Muhammad Olian pun tahu. Buka sahajalah dekat *Facebook*, dekat *YouTube* itu, semua ada.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Bagus Yang Berhormat, tidak payah sebut.

**Datuk Hajah Noriah binti Mahat:** Tidak payah?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terus sahaja.

**Datuk Hajah Noriah binti Mahat:** Okey. Akan tetapi, tidak sepatutnyalah perkara ini berlaku Yang Berhormat. Jadi, saya ini macam sudah hendak habis juga, asyik diganggu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak minta jasa baik pihak kerajaan supaya sudah sampai masanya, kalau dahulu 30 tahun sekali banjir, 15 tahun, 20 tahun sekali banjir. Sekarang ini tiap-tiap tahun boleh dikatakan kita kena banjir besar, bukan banjir kilat, banjir besar yang mengakibatkan dan menyesak manusia. Sebagaimana yang dikatakan kawan saya Yang Berhormat Dato' Lim Nget Yoon tadi, itu akan diperbaiki sedikit demi sedikit oleh pihak kerajaan. Akan tetapi, apa yang saya cuba hendak sampaikan ini Tuan Yang di-Pertua, kalau lama sangat contoh macam di Pahang, macam dahulu di Parit Sulong sehingga sebulan lebih, jadi semua dengan isteri terpisah.

Jadi, apa kata kalau pihak kerajaan dan khasnya pada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat mengunjurkan supaya kalau hendak buat tempat pemindahan, sudah sampai masanya kita buat penempatan khas kepada tempat-tempat yang kuat ditimpa banjir. Kalau tempat yang ringan itu tidak apa. Contoh tempat yang kuat, kerap ditimpa banjir sudah sampai masanya kita buat satu penempatan khas dan kalau boleh dibuatkan bilik-bilik khas. Kalau tidak banyak pun, bilik-bilik khas kalau hendak berjumpa...

**Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop:** Yang Berhormat, mohon mencelah.

**Datuk Hajah Noriah binti Mahat:** Ya.

**Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop:** Yang Berhormat, ini cerita apa Yang Berhormat? Kalau di Johor yang berlaku banjir dahulu, suami isteri yang sudah agak lama tidak jumpa, dia pandai-pandai balik rumah ya. Dia kata hendak kemaskan rumahlah, hendak tengok kan rumah. Tidak payahlah kerajaan hendak sediakan Bilik Berkat pula macam di Mekah itu. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Datuk Hajah Noriah binti Mahat:** Tuan Yang di-Pertua, kalau di Mekah boleh, kenapa di sini tidak boleh? Kita pun bukannya hendak banyak-banyak tempat. Kalau Yang Berhormat Haji Ahamat ini, dia tidak pernah, tempat dia mungkin sekali pun tidak pernah kena banjir, jadi dia tidak tahu. Jadi, mungkin dia ingat orang banjir pun tidak berapa hendak kerap. Saya minta maaf. Jadi, kalau tidak banyak pun, macam kata hendak beristirahat, maknanya dia lapangkan. Siapa kosong, mesti yang jaga. Siapa yang hendak masuk, masuk. Bukan untuk hendak apa-apa sahaja, untuk dia hendak berbual suami isteri dia macam mana? Kita hendak balik ke tak? Kadang-kadang susah hendak berjumpa.

Saya rasa semua faham maksud saya. Disiapkan tempat yang khas- kalau ada satu tempat itu. Katalah keseluruhannya itu dibuatkan tempat dibina rumah khas ya. Katalah khemah tadi sebagaimana kata Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek yang hendak buat khemah tetapi khemah itu khemah yang cantik lah. Macam di Mekah, di Madinah, kalau dahulu ia terbuka, sekarang ini mungkin ditutupkan. Jadi, itu sekurang-kurangnya dapat memberikan keselesaan kepada keluarga-keluarga. Kalau dapat semua keluarga. Jadi, tiap-tiap malam dia duduk sama dengan keluarga dia, lagi baik. Emak dapat mengajar anak-anaknya untuk membaca dan menulis pada malam itu di samping untuk mendirikan sembahyang solat. Diadakan bilik khas. Bukan hendak bilik cantik sangat, siap tilam, siap *aircond*, tidak. Saja selesa untuk keluarga. Saya rasa kalau ini dapat dibuat, pujian yang lebih kuat akan diberikan oleh rakyat.

Ini pun saya rasa sudah cukup baik Tuan Yang di-Pertua. Kalau siapa yang tidak sokong Kerajaan Barisan Nasional, saya tidak tahulah hendak cakap. Ini kalau siapa yang masih pembangkang, yang masih sudah menerima dalam bantuan banjir yang ini, kalau tidak terbuka juga matanya, saya *wallahualam*, saya tidak tahu hendak cakap apa. Mungkin sudah ditutup segala mata hatinya. Jadi, kita minta orang yang pembangkang itu buka mata hati. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengharap supaya disediakan pasukan polis menjaga harta benda, perkhidmatan awam- askar bagi membantu mangsa banjir waktu mereka kembali ke rumah mereka.



Dan pasukan bomba membantu mangsa-mangsa membersihkan rumah dengan menyembur rumah yang dipenuhi dengan lumpur agar mereka dapat kembali ke rumah masing-masing dengan selesa. Kalau selalunya Tuan Yang di-Pertua, ini dibuat di bangunan-bangunan besar, memang bomba akan membantu. Akan tetapi, mungkin tidak di rumah-rumah mangsa. Bantuan-bantuan ini diperlukan bagi meringankan beban mangsa banjir yang pastinya tertekan dengan musibah yang melanda mereka. Kita berharap agar kerajaan dapat bekerjasama dengan NGO juga dalam memastikan mangsa-mangsa banjir dapat diberikan bantuan dengan sebaik dan sewajarnya. Seterusnya saya ingin...

**Tuan Baharudin bin Abu Bakar:** Saya tumpang mencelah sedikit Yang Berhormat boleh?

**Datuk Hajah Noriah binti Mahat:** Sudah hendak hujung ini. Hujung itu sudah tamat...

**Tuan Baharudin bin Abu Bakar:** Hendak hujung sudah? Banyak masa lagi kot. Boleh ya sedikit?

■ 1610

**Timbalan Yang di-Pertua:** Teruskan Yang Berhormat.

**Tuan Baharudin bin Abu Bakar:** Terima kasih. Kita bercakap fasal masalah banjir ini memanglah kita tahu tentang apa yang berlaku sekarang di dalam negara kita, sebenarnya ini adalah salah satu daripada orang kata musim. Setiap tahun berlaku. Kita bercakap fasal bentuk bantuan dan sebagainya.

Jadi di sini Yang Berhormat, saya hendak minta pandangan. Cuma dari segi cadangan yang saya ingin memperkatakan di sini, mungkin kita boleh mencadangkan kepada pihak kerajaan terutamanya kalau kita lihat perkara ini ialah perkara yang melibatkan dari segi alam sekitar dan sebagainya kerana antara faktor-faktor yang menyebabkan banjir selain daripada pembangunan, juga pengondolan bukit dan sebagainya, jadi ini adalah di antara penyebab.

Jadi kita minta kalau boleh cadangan, saya hendak tanya Yang Berhormat cadangan, bolehkah kita minta kepada kerajaan selepas ini lakukan satu pembentangan ataupun laporan khas bagaimana untuk kita boleh mengatasi masalah banjir ini supaya jangan berlaku lagi banjir-banjir yang besar-besar dan kawasan-kawasan yang kita tidak *expect* banjir, jadi banjir. Jadi kajian secara menyeluruh melibatkan seberapa banyak kementerian, jabatan dan sebagainya untuk memastikan keadaan banjir ini tidak berlarutan dan menjadi masalah yang lebih besar dan berlarutan dari masa ke semasa. Ini cadangan saya kepada Yang Berhormat, dan saya minta pandangan Yang Berhormat. Terima kasih.

**Datuk Hajah Noriah binti Mahat:** Terima kasih Yang Berhormat Baharudin. Saya rasa itu pun telah dilakukan oleh pihak kerajaan dan saya menyokong dua ratus peratus di atas saranan yang dibuat oleh Yang Berhormat Baharudin sebentar tadi.

Seterusnya saya ingin menyarankan mengenai ajaran sesat. Sejak akhir-akhir ini Tuan Yang di-Pertua, rakyat semakin sedar dengan kegiatan ajaran sesat yang semakin berleluasa di negara ini. Tanpa kita sedari, banyak ajaran sesat yang wujud di negara ini telah wujud bertahun-tahun dan mempunyai beribu-ribu pengikut seperti Al-Arqam, Syiah, ajaran Qadiani dan banyak lagi kalau hendak disebutkan satu persatu. Terkini ialah ajaran Tuhan Harun.

Yang peliknya, ramai di kalangan profesional boleh terpengaruh dengan ajaran-ajaran sesat ini. Ia terus berkembang meskipun ia agak jelas salah kerana ciri-ciri ajaran sesat ini mereka menjalankan aktiviti secara sembunyi dan tidak diketahui orang awam.

Penyelewengan akidah dan masalah ajaran sesat boleh merencatkan usaha kerajaan dalam membangunkan ummah dan menyebarkan fahaman Islam di Malaysia. Perkembangan ini amat membimbangkan dan boleh menggugatkan akidah rakyat serta patut diambil tindakan sekeras-kerasnya, apa lagi kumpulan-kumpulan ajaran sesat ini kini berani bertindak agresif dan membunuh seperti mana yang berlaku kepada pegawai agama Jabatan Agama Islam Pahang baru-baru ini.

Soalan saya, berapakah jumlah ajaran sesat yang dikenal pasti aktif di Malaysia? Berapakah jumlah kes kumpulan ajaran sesat yang telah didakwa di bawah undang-undang sejak lima tahun lalu? Kenapakah tindakan penguatkuasaan dan pendakwaan ke atas kumpulan ajaran sesat di negara ini agak lambat? Kenapakah Syiah di negara ini...

**Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencelah.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada yang hendak mencelah.

**Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mengenai tentang senarai kumpulan-kumpulan ajaran sesat itu, saya sudah terbaca senarai-senarai itu.

Akan tetapi apa yang tidak mereka letakkan di dalam artikel itu ialah di mana sesatnya. Contoh kalau Al-Arqaam itu, di mana akidah yang sesat dan tiap-tiap kumpulan itu apakah amalan mereka itu yang dikatakan sesat. Terima kasih.

**Datuk Hajah Noriah binti Mahat:** Saya beri satu contoh. Kalau hendak sembahyang, niat sahaja tidak payah mengerjakan sembahyang. Macam-macam lagilah. Itu satu sahaja Yang Berhormat. Saya sambung.

Kenapakah Syiah di negara ini masih tidak dapat dibendung sepenuhnya lagi? Apakah program-program yang dirancang di peringkat kerajaan bagi memastikan rakyat dididik dan diberikan fahaman yang mendalam untuk menjauhi ajaran sesat ini?

Selain daripada itu, antara faktor penyebab penyelewengan akidah umat Islam di negara ini adalah kerana tersebarnya buku berunsur ajaran sesat atau melalui koleksi khas para guru ajaran sesat berkenaan serta individu yang cuba menonjolkan diri sebagai orang yang arif dalam ilmu-ilmu pengubatan dan agama yang semata-mata bertujuan memperoleh kepentingan diri atau lain-lain kepentingan. Jadi, apakah tindakan yang dilakukan oleh kerajaan untuk menyekat penyebaran ajaran sesat melalui buku-buku dan media masa lain?

Cadangan saya, selaras dengan perkembangan semasa di mana maklumat boleh didapati di hujung jari dan pelbagai maklumat *diupload* dan disebarkan dalam masa yang singkat melalui *WhatsApp*, *Twitter*, *Facebook* dan sebagainya, maka kerajaan sewajarnya mewujudkan jawatankuasa yang diwakili pelbagai sektor termasuk JAKIM dan sebagainya bagi memantau media massa ini. Ini bagi mengekang penyebaran fitnah dan fahaman-fahaman tertentu yang semakin pantas. Justeru, jawatankuasa ini perlu bertindak pantas dan tuntas untuk menyekat penyebaran maklumat yang mengelirukan dan boleh mengganggu akidah umat Islam di seluruh Malaysia. Juga disarankan agar diwujudkan talian aduan agar rakyat boleh rujuk sesuatu input yang mereka musykil kepada pihak JAKIM untuk diambil tindakan segera.

Seterusnya mengenai dengan cukai. Pada bajet kali ini, kerajaan telah mengemukakan tentang pelaksanaan cukai barang dan perkhidmatan pada 1 April 2015. Pada masa ini, cukai kepenggunaan yang dilaksanakan adalah cukai jualan dan perkhidmatan. Cukai-cukai tersebut telah dilaksanakan sejak tahun 1972 dan 1975. Kadar cukai tersebut pada masa ini adalah 10 peratus dengan pengenalan GST pada April 2015. Cukai-cukai tersebut akan dimansuhkan dan akan digantikan dengan cukai barang dan perkhidmatan atau *goods and services tax* (GST) dengan kadar 6 peratus sahaja. Justeru, cukai yang dikenakan adalah dengan kadar yang lebih rendah. Kita lihat dakwaan dan respons negatif terhadap pelaksanaan GST ini terutamanya daripada pembangkang dan menimbulkan persepsi yang negatif terhadap rakyat.

Persoalannya. Justeru, sejauh manakah GST ini sebenarnya memberi kesan yang baik kepada rakyat terutamanya kepada golongan miskin dan sederhana yang pastinya terasa kesannya? Apakah langkah yang diambil oleh kerajaan bagi memastikan masyarakat terdidik dengan sistem tersebut sebelum ianya dilaksanakan sepenuhnya dan sejauh manakah rakyat diuar-uarkan dengan sistem ini? Disarankan pihak berkenaan memperbanyakkan program-program kesedaran terutamanya media massa dan secara lebih intensif agar rakyat tidak salah faham dan membangkang mengenai dengan dasar negara.

Seterusnya saya ingin menyentuh sedikit mengenai dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Wanita diiktiraf sebagai satu komponen penting dalam pembangunan negara baik dari segi tenaga kerja juga sebagai pemimpin dalam membuat dasar dan pembuat keputusan. Untuk makluman sidang hadirin sekalian, baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun mengiktiraf wanita sebagai tulang belakang kepada parti.

Pelbagai langkah telah diambil untuk mewujudkan persekitaran yang menyokong dan perangsang untuk kemajuan wanita melalui penggubalan dan pelaksanaan dasar-dasar dan program-program prowanita yang mengambil garis panduan yang disediakan di dalam konvensyen mengenai penghapusan diskriminasi segala bentuk diskriminasi terhadap wanita dan matlamat pembangunan milenium dan lain-lain. Sejak pindaan Artikel 8, Perlembagaan Persekutuan, pengumuman dasar 30 peratus wanita di pelbagai sektor pengurusan awam dan swasta, terdapat kemajuan yang positif ke arah pencapaian sasaran itu kerana wanita dalam jawatan pengurusan kanan dalam sektor awam telah meningkat daripada 18.8 peratus melonjak kepada 31.7 peratus pada penghujung tahun 2012.

Manakala dilaporkan bahawa perkhidmatan wanita dalam ahli lembaga pengarah dalam syarikat-syarikat Kementerian Kewangan Diperbadankan adalah 15.3 peratus pada April 2013 berbanding 12.5 peratus pada tahun 2012. Manakala statistik Suruhanjaya Syarikat menunjukkan bahawa sehingga 1 Julai 2013, terdapat 441,587 orang ahli lembaga pengarah syarikat adalah wanita.

## ■ 1620

Saya percaya salah satu faktor peningkatan wanita dalam pelbagai sektor ini juga adalah kerana kesan peranan ahli politik wanita di peringkat pembuat dasar. Ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat di kalangan wanita terutamanya membahaskan dasar bagi kesaksamaan gender selaras dengan peruntukan perlembagaan dari sudut pemikiran mereka.

Justeru, wajar sekali suara wanita di peringkat membuat dasar ini ditambah. Keputusan Pilihanraya Umum Ketiga Belas menunjukkan beberapa perubahan dalam perwakilan wanita di Parlimen. Hanya kira-kira 21 daripada 222 Kerusi Ahli-ahli Dewan Rakyat adalah wanita dan sedikit menurun daripada 2008, Pilihanraya Umum 10.4 peratus, 23 daripadanya, contoh 222 Ahli Parlimen.

Dalam Kabinet terdapat dua Menteri wanita daripada 28 Menteri Kabinet dan tujuh Timbalan Menteri daripada 41 Timbalan Menteri. Di Dewan Negara, 17 Ahli Dewan adalah wanita daripada 59 orang. Ini membuktikan kerajaan telah prihatin dalam memastikan lebih ramai wanita terlibat dalam membuat keputusan tersebut. Kalau perlu Tuan Yang di-Pertua kita lagi berterima kasih banyak-banyak kalau ditambah lagi Kerusi sebagaimana yang saya sebutkan tadi dari segi Dewan Negara, Dewan Rakyat dan juga Menteri dan Timbalan Menteri, kalau ada perubahan Kabinet yang akan datang ini.

Kita juga menyeru kerajaan melaksanakan program-program untuk melatih lebih ramai pemimpin di kalangan wanita kerana ramai wanita profesional dilahirkan melalui sistem pendidikan negara. Kita lihat lebih 65 peratus pelajar universiti adalah wanita dan mereka mampu dan berkebolehan sebagai pemimpin. Apa yang diperlukan adalah latihan dan pendedahan yang sewajarnya. Kita juga menyeru agar pelan-pelan tindakan yang telah dirancang seperti mewujudkan kuota bagi wanita dalam pilihan raya, menyeru agar parti politik memberi peluang kepada wanita di peringkat atasan, mewujudkan lebih banyak pusat latihan kepimpinan, menganjurkan konsep mentor mentee dan sebagainya. Ini dapat dilaksanakan dengan efektif dan mungkin kita akan dapat melahirkan lebih ramai pemimpin wanita di negara ini.

Selanjutnya saya ingin menyebut berkaitan dengan pembangunan wanita dari segi ekonomi. Kerajaan telah menyediakan berbagai-bagai dana melalui pelbagai sektor. Namun isunya geran atau kemudahan kewangan tidak sampai kepada usahawan wanita ini. Biasanya kalau sampai pun mungkin pada orang lelaki kerana orang lelaki ini mungkin lebih cekap agaknya. Jadi, mohon agar agensi-agensi berkenaan dapat menyampaikan maklumat geran dan kemudahan kewangan yang disediakan terutamanya kepada usahawan-usahawan di luar bandar agar mereka juga dapat menyertai dan sama-sama menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara.

Sesungguhnya bila kita melabur kepada wanita, kita sebenarnya melabur untuk membangunkan masyarakat keseluruhannya. Kita maklum pada Belanjawan Tahun 2013, kerajaan telah menyediakan geran bagi membantu 50,000 usahawan mikro, membantu wanita untuk melakukan jualan secara talian. Saya hendak tanya sejauh manakah peruntukan tersebut berjaya? Berapa ramaikah telah dapat manfaat daripada program tersebut? Apakah kesinambungan daripada program tersebut? Apakah program tersebut akan diteruskan? Saya hendak tanya juga berapa ramaikah wanita luar bandar yang telah berjaya dalam melakukan sistem jualan secara talian ini?

Seterusnya, mengenai dengan Kementerian Kesihatan. Dalam bajet kali ini, kerajaan mengumumkan pesakit buah pinggang tahap akhir akan dibekalkan kit rawatan bernilai RM19,000 seunit secara percuma bagi memudahkan mereka menjalani rawatan sendiri di rumah yang dijangka dapat memanfaatkan lebih 1,000 pesakit. Selain penyakit kronik buah pinggang, kita juga perlu lihat kepada mereka yang juga perlu rawatan akibat penyakit yang sama.

Dilaporkan bahawa kadar penyakit buah pinggang semakin meningkat iaitu sebanyak 70 kes setiap minggu. Dilaporkan bahawa kerajaan menyediakan geran modal berjumlah RM20.15 juta kepada Pusat Dialisis yang dikendalikan atau diselenggarakan oleh badan bukan kerajaan yakni NGO untuk membeli mesin hemodialisis sejak 2001 hingga 2011. Namun persoalannya, di mana pusat hemodialisis ini diwujudkan?

Saya ingin membawa masalah pesakit luar bandar yang mengalami kesukaran untuk mendapatkan rawatan. Kesukaran untuk pergi ke pusat dialisis, masanya terhad, kos untuk ke sana adalah begitu tinggi. Sudahlah tempatnya jauh, berbatu-batu. Bukan berbatu, kadang beratus batu. Dalam bajet kali ini kerajaan mengemukakan peruntukan sebanyak RM22.1 bilion bagi melaksanakan pelbagai program termasuk Projek Pembinaan Kemudahan Kesihatan serta naik taraf klinik-klinik desa. Sebagai kerajaan yang mementingkan rakyat di mana rakyat didahulukan, jadi saya mencadangkan agar kerajaan mengadakan rawatan dialisis di klinik-klinik kesihatan yang berdekatan agar rakyat di kawasan luar bandar ini mendapat rawatan sewajarnya.

Masalah kos adalah sangat penting bagi pesakit buah pinggang yang berada di luar bandar dan kos untuk satu rawatan adalah sekitar RM200 hingga RM280.

Dalam masa sebulan dibelanjakan tidak kurang daripada RM2,400 hingga RM2,800 sebulan. Jadi, bantuan dari kerajaan serta kemudahan setempat perlu dilaksanakan agar dapat menikmati dengan sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh kalau kerajaan dapat mengadakan...

**Puan Bathmavathi a/p K.Krishnan:** Minta mencelah, boleh mencelah?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada yang hendak mencelah Yang Berhormat.

**Datuk Hajah Noriah Binti Mahat:** Ya, ya.

**Puan Bathmavathi a/p K.Krishnan:** Dibenarkan?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat hendak mencelah? *Switch on your...*

**Puan Bathmavathi a/p K.Krishnan:** Yes, *it's on.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Puan Bathmavathi a/p K.Krishnan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan klinik-klinik desa, orang kurang upaya juga, *I mean* mendapati susah hendak ke klinik-klinik. Walaupun ia satu kilometer atau pun dua kilometer, oleh kerana mereka tidak ada kenderaan yang sesuai untuk membawa mereka terutama sekali OKU yang fizikal. Jadi disyorkan Tuan Yang di-Pertua bahawa klinik-klinik bergerak ditambahkan lagi. Dengan bertambahnya klinik desa itu adakan juga perkhidmatan klinik bergerak supaya OKU yang terlantar atau pun orang tua, warga emas juga yang terlantar di rumah boleh mendapat rawatan melalui klinik bergerak ini. Terima kasih.

**Datuk Hajah Noriah Binti Mahat:** Okey, saya menyokong apa yang disarankan oleh rakan saya Yang Berhormat Puan Bathmavathi Krishnan. Kita mengucapkan setinggi-tinggi tahniah di atas pelantikan Yang Berhormat sebagai Ahli Dewan Negara. Marilah kita memberikan tepukan kepada Yang Berhormat Puan Bathmavathi Krishnan. Jadi, saya tambah Tuan Yang di-Pertua selain untuk orang biasa, kita tambah kepada OKU dan kalau boleh kita minta kerajaan menyediakan klinik-klinik bergerak. Maknanya, ada kenderaan yang bergerak pergi ke luar-luar bandar untuk membuat hemodialisis khas untuk orang OKU, warga emas, dan orang-orang yang tidak berkemampuan.

Seterusnya, saya menyentuh sedikit mengenai dengan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Saya ingin menyentuh inisiatif yang diambil oleh kerajaan dalam membantu rakyat dalam hal pemilikan hartanah. Isu harga rumah yang meningkat dari semasa ke semasa agak membimbangkan rakyat pada masa kini. Baru-baru ini setelah harga minyak naik, harga barang binaan juga pastinya meningkat. Pasti memberi kesan kepada harga rumah. Bagi mengatasi masalah harga hartanah dan rumah yang begitu tinggi, sedikit sebanyak menjejaskan taraf ekonomi keluarga. Justeru, rakyat mengalu-alukan inisiatif kerajaan menaikkan LPGT di dalam memastikan rakyat kekal menjalani kehidupan yang efektif dan harmoni.

Selain daripada itu, Jabatan Perdana Menteri telah meluluskan 30 projek rumah mampu milik yang melibatkan sebanyak 44,227 unit rumah di seluruh negara di bawah Perbadanan PR1MA Malaysia.

#### ■ 1630

Di sini saya ingin bertanya, berapakah jumlah penduduk bandar yang telah berjaya membeli rumah di bawah pelbagai inisiatif kerajaan, di bawah PR1MA? Apakah statistik terkini dan kadar peratusan penduduk kawasan bandar yang memiliki rumah sendiri? Mereka yang menduduki bandar mengalami antara masalah yang paling besar ialah memperoleh pinjaman perumahan daripada bank-bank untuk membeli rumah terutama sekali mereka yang berpendapatan sederhana antara RM2,500 hingga RM5,000 sebulan dan untuk membeli rumah pertama. Jadi, apakah langkah-langkah untuk membantu mereka dalam proses mendapatkan pinjaman perumahan supaya mereka dapat membeli rumah?

Saya juga ingin membawa isu kualiti rumah yang dibeli daripada pemaju. Kita dengar banyak rungutan daripada pembeli-pembeli yang tidak berpuas hati dengan kualiti rumah yang dibeli daripada pemaju meskipun selepas pemilikan kosong diserahkan. Contohnya berlaku kebocoran kepada rumah, bumbung, cat yang tidak elok, dinding merekah sebelum pemilikan kosong diserahkan lagi dan pelbagai masalah lagi. Bagaimanakah profesional menjalankan kerja mereka? Sejauh manakah tanggungjawab pemaju menyediakan rumah yang berkualiti kepada pembeli? Apakah peranan kerajaan dalam hal ini? Meskipun dalam setiap Perjanjian Jual-Beli, Jadual 'G' atau Jadual 'H', Akta Perumahan diperuntukkan bahawa pemaju diberi tempoh 18 bulan untuk memperbaiki kerosakan yang dialami pembeli selepas pemilikan kosong diberikan. Namun, kualiti pembinaan adalah teruk sehingga kerosakan berlarutan meskipun tempoh baik telah tamat. Ini membebankan pembeli sedangkan mereka hendak membeli pun tidak ada duit, yang bocor itu manakan duit untuk memperbaiki keadaan rumahnya.

Jadi kita harap pihak kerajaan dapat mengambil langkah tertentu dalam memastikan hak pengguna terpelihara. Kita minta kerajaan memantau kesemua pemaju agar mereka lebih bertanggungjawab menyediakan rumah berkualiti untuk pembeli. Saya mencadangkan agar kerajaan mewujudkan pusat aduan dan platform kepada pembeli rumah agar mereka dapat melaporkan pemaju yang tidak menyediakan rumah yang berkualiti dan pemaju-pemaju ini disiasat serta diambil tindakan sewajarnya dan kalau boleh disenaraihitamkan kepada pemaju-pemaju perumahan ini.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan Kementerian Dalam Negeri. Dahulu kad pengenalan yang kita gunakan berbeza dengan MyKad sekarang yang lebih berteknologi tinggi dikatakan. Kad pengenalan baru ini mengandungi maklumat biometrik seperti gambar geometri, muka dan tangan ukuran iras atau pun cap jari. Maklumat lain yang biasanya terkandung dalam MyKad termasuklah nama penuh, nama ibu bapa, alamat pekerjaan, kerakyatan dan jenis darah. Pendek kata semua maklumat ada di dalam MyKad dan status kerakyatan ada dalam data kad pengenalan kita. Sistem *banking*, imigresen dan mana-mana badan berkenaan memerlukan kad pengenalan terlebih dahulu untuk semak identiti kita. Kebiasaannya mereka akan slot MyKad untuk sahkan identiti dan baru kita boleh apa-apa transaksi atau urusan berdaftar. Maklumlah banyak yang pakai kad pengenalan palsu. Namun ramai yang mendakwa kualiti agak teruk, cip sentiasa didapati rosak terutamanya apabila membuat transaksi perbankan. Apabila berlaku kerosakan, rakyat dikenakan bayaran sebanyak RM10 untuk membuat kad pengenalan baru.

Jadi dicadangkan agar kerajaan mengkaji semula kualiti cip pada MyKad yang diguna, pastikan kualitinya di tahap yang sepatutnya bagi memudahkan semua pihak Begitu juga isu MyKad yang mudah untuk dipalsukan. Apakah langkah yang diambil oleh kerajaan dalam memastikan isu-isu sebegini dapat ditangani? Adalah diharapkan dasar-dasar di bawah tadbir kerajaan ini dilaksanakan untuk kebajikan rakyat jelas jelata dan akan memanfaatkan rakyat. Bantuan-bantuan kebajikan ini secara tidak langsung merupakan bantuan kerajaan yang menepati sasaran dan adalah diharapkan rakyat juga akan mempraktikkan perbelanjaan secara berhemah supaya kita turut sama menyumbangkan kepada pembangunan ekonomi dan kesejahteraan negara.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sekali lagi kerana memberi peluang untuk saya mengambil bahagian di dalam perbahasan bajet pada hari ini dan dengan ini saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebelum saya menjemput Ahli Yang Berhormat seterusnya, saya ingin mengingatkan Ahli-ahli Dewan ini bahawa semasa berada di dalam tentukan *hand phone* itu di dalam mode yang senyap sebab jika *hand phone* itu berbunyi, ini boleh melanggar Peraturan Mesyuarat 40. Begitu juga Yang Berhormat-Yang Berhormat semasa berada di dalam Dewan, tentukan jangan membaca surat-surat khabar, *magazine*, buku-buku yang tidak ada kena mengena dengan urusan yang dibahaskan. Ini juga saya ingin mengingatkan diri saya sendiri jugalah.

Seterusnya saya ingin menjemput Yang Berhormat Chew Lee Giok.

#### 4.36 ptg.

**Puan Chew Lee Giok:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Salam hormat dan salam 1Malaysia kepada rakan-rakan Senator yang akan mengambil bahagian di dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2014.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini dalam isu GST. GST ini mempunyai beberapa kebaikan dan keburukan. Kebaikan pertama GST ialah semua orang perlu membayar cukai berlandaskan perbelanjaan mereka. Lebih banyak barang yang dibeli, lebih banyak cukai yang dibayar. Tidak ada orang yang tidak perlu membayar cukai. Sekarang rakyat Malaysia yang mempunyai pendapatan melebihi suatu had perlu membayar cukai pendapatan. Soalannya ialah berapa penduduk Malaysia yang sebenarnya membayar cukai pendapatan? Ramai orang yang berpendapatan sederhana yang tidak perlu bayar cukai pendapatan. Peniaga kecil-kecilan yang berpendapatan bagus contohnya menjual nasi lemak, mungkin terlepas daripada membayar cukai pendapatan. Dalam adanya GST, semua yang tinggal di Malaysia termasuk warganegara dan pekerja asing semua akan membayar cukai.

Kebaikan kedua GST ialah kemungkinan untuk merendahkan cukai pendapatan di masa hadapan. Cukai pendapatan sebanyak 28 peratus bagi syarikat adalah sangat tinggi. Cukai pendapatan yang tinggi lagi syarikat akan menyebabkan banyak syarikat asing lebih suka beroperasi di negara jiran yang mempunyai cukai pendapatan yang lebih rendah, contohnya di Singapura.

Tuan Yang di-Pertua, satu keburukan GST ialah ia akan menyebabkan inflasi. Semua barangan akan melambung naik harga. Ia akan menampak beban kepada rakyat. Malaysia tidak boleh bergantung kepada cukai pendapatan sahaja. Cukai perbelanjaan adalah perlu. GST adalah sejenis perbelanjaan. Di Singapura kadar GST adalah 7 peratus.

Kesemua barangan dan perkhidmatan di Singapura dikenakan GST. Semua perniagaan memperoleh keuntungan tahunan melebihi 1 juta Dollar wajib berdaftar dengan GST. Di Thailand, BST digunakan sejak tahun 1992.

■ 1640

Kadar GST adalah 7 peratus. Semua perniagaan dengan jumlah tahunan melebihi 1.8 juta Baht bagi berdaftar di GST. Di Thailand, terdapat senarai barangan dan perkhidmatan yang dikecualikan daripada GST. Contoh pengecualian adalah baja, makanan haiwan, racun serangga, majalah, buku teks, perkhidmatan perubatan, perkhidmatan pendidikan dan pengangkutan darat.

Di Malaysia, kita adalah 6 peratus. Soalan saya ialah, pertama, adakah senarai perkhidmatan yang dikecualikan daripada GST? Contohnya semua perkhidmatan, perubatan termasuk perubatan tradisional. Kedua, pelaksanaan GST secara berperingkat. Ketiga, sejajar dengan pelaksanaan GST, pihak kerajaan harus menurunkan kadar cukai kereta.

Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan saya ialah, pertama, apakah barangan dan perkhidmatan yang akan dikecualikan daripada GST? Kedua, apakah langkah-langkah kerajaan untuk mencegah inflasi akibat pelepasan GST? Ketiga, bagaimanakah kerajaan dapat membantu rakyat untuk menangani kelemahan lewat akibat kegiatan peningkatan harga barangan dan perkhidmatan?

Tuan Yang di-Pertua, kini saya beralih kepada Kementerian Pendidikan. Untuk meneruskan komitmen kerajaan, ia telah mengemukakan tambahan RM450 juta kepada tabung ini. Daripada jumlah tersebut, RM100 juta kepada Sekolah Kebangsaan, RM50 juta kepada Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, RM50 juta kepada Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil, RM50 juta untuk Sekolah Mubaligh dan sebagainya. Bagi pendapat saya, ia adalah tidak mencukupi. Adakah ia akan ditambahkan untuk sekolah jenis kebangsaan Cina? Untuk RM50 juta adalah tidak mencukupi.

Kedua, Kementerian Pengangkutan. Perkhidmatan pengangkutan awam yang cekap dapat memudahkan, boleh latih serta meningkatkan masa dan kod tuannya. Untuk menambah baik pengangkutan awam termasuk mengadakan kemudahan yang lebih selesa dan berkualiti, antara langkah yang diambil adalah:

- (i) membina landasan berkembar Ipoh-Padang Besar dan kemudiannya ke Johor Bahru serta menaik taraf dan di seluruh negara memerlukan sebanyak RM20.9 million;
- (ii) bilakah ia akan disiapkan?; dan
- (iii) ia akan disiapkan dalam beberapa tahun. Dalam lima tahun atau 10 tahun?

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih dan kepada Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Majlis yang mendengar ucapan saya, minta maaf atas kali ini. Beberapa tahun dengan saya, saya ingin mengucapkan selamat tinggal dan berkhidmat untuk negara. Saya adalah strok. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Seterusnya saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim. Silakan Yang Berhormat.

4.45 ptg.

**Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakaatuh.*

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya pada hari ini, tarikh yang cukup bersejarah 11.12.13. Tarikh yang unik yang tidak akan berulang lagi yang mana juga pada tarikh ini adalah hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, untuk saya turut serta membahaskan ucapan Bajet 2014 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak bertemakan, "Memperteguh Ketahanan Ekonomi, Memperkasa Transformasi dan Melaksana Janji". Bajet ini menggariskan lima teras utama dan saya akan menyentuh dua daripadanya iaitu teras ketiga dan teras kelima.

Tuan Yang di-Pertua, dalam teras yang ketiga, bagi meningkatkan kecemerlangan pendidikan kerajaan meneruskan komitmen menambah dana RM450 juta dengan agihan RM100 juta kepada Sekolah Kebangsaan, RM50 juta Sekolah Kebangsaan Cina, RM50 juta kepada Sekolah Kebangsaan Tamil, RM50 juta kepada Sekolah Mubaligh, RM50 juta kepada Sekolah Berasrama Penuh, RM50 juta kepada MRSM, RM50 juta kepada Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) dan RM50 juta kepada Sekolah Agama Rakyat (SAR).

Terima kasih kepada pihak kerajaan dan pembahagian ini cukup bermakna bagi setiap sekolah yang telah disebutkan. Namun demikian, ada lagi satu jenis sekolah yang perlu diberi perhatian iaitu Sekolah Pondok yang merupakan institusi pendidikan Islam. Sekolah ini tidak diletakkan di bawah Sekolah Agama Rakyat (SAR). Institusi-institusi pendidikan Islam di negara ini terutamanya institusi pondok adalah benteng pertahanan umat Islam dan pondok adalah salah satu institusi yang paling efektif berkembang sejak daripada awal abad ke-19 lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan menyebut "pondok" sahaja. Nanti jangan silap faham, bukan pondok telefon atau pondok-pondok durian dan sebagainya. Saya merujuk kepada institusi pengajian pondok. Institusi pondok ini dilihat sebagai salah satu daripada cabang sistem pendidikan negara kelas kedua kerana ia dikelolakan secara tidak formal oleh guru-guru pondok yang mewarisi ilmu agama daripada bapa atau diijazahkan oleh guru yang tidak pernah diiktiraf ilmunya oleh jabatan dan Majlis Agama Islam Negeri. Pembelajaran sepanjang hayat baru-baru ini telah dipelopori dan disebut oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dalam satu daripada ucapan ketika Persidangan UMNO pada baru-baru ini.

Untuk makluman, pembelajaran sepanjang hayat ini sudah lama dipraktikkan oleh guru-guru pondok atau bekas pelajar pondok dalam menghidupkan konsep pembelajaran sepanjang hayat. Jika dilihat, kini sudah ada pondok-pondok tradisional yang menggabungkan pendidikan pondok tradisional dan moden bagi menyelaraskan institusi pondok dalam kerangka sistem pendidikan negara.

Kalau dilihat pengajian pondok dan masjid tidak sama dari segi pendekatan. Di masjid, hanyalah diulang ilmu yang pernah dipelajari di peringkat sekolah rendah, menengah dan universiti tetapi bukan suatu ilmu khusus bagi mempelajari kitab-kitab pondok yang diajar dan diamalkan oleh guru-guru pondok tradisi. Ini kerana telah wujud secara senyap. Institusi pondok ini berkembang mengikut peredaran masa dan keperluan masyarakat setempat. Akan tetapi institusi pondok moden ini kurang dikenali kerana kurang mendapat publisiti media. Kita mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia yang telah sudi untuk menjadi penaung kepada Yayasan Pembangunan Pondok Malaysia yang telah pun dirasmikan pada tahun yang lalu 8 November 2012.

#### ■ 1650

Justeru, saya ingin mencadangkan supaya pihak kerajaan menimbangkan sekolah-sekolah pondok juga disenaraikan sebagai penerima bantuan tetap ini setara dengan sekolah-sekolah lain. Di mana jika kita melihat kepada direktori yang telah diusahakan oleh Yayasan Pembangunan Pondok hampir terdapat 100 lebih buah pondok di Malaysia yang telah diusahakan.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berkenaan dengan pendidikan pra-sekolah. Dalam Bajet 2014, peruntukan besar telah dibentangkan untuk sektor pendidikan negara iaitu sejumlah RM54.6 bilion. Daripada jumlah itu kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM530 juta bagi program pra-sekolah dan menambah 93 lagi bilangan pra-sekolah di sekolah rendah kebangsaan.

Tuan Yang di-Pertua, apabila berkata tentang pendidikan pra-sekolah, ia menjadi satu topik yang cukup menarik. Ini kerana menjadi *trend* pada masa kini ibu bapa berlumba-lumba menghantar anak mereka ke institusi pra-sekolah atau *kindergarten* yang menawarkan pelbagai pakej yang mampu membentuk anak-anak menguasai ilmu di tahap usia seawal usia 4 tahun hingga 7 tahun.

Kewujudannya hanya di bandar-bandar besar sahaja di kalangan ibu bapa yang berkemampuan. Kerajaan pula menubuhkan pendidikan pra-sekolah yang dikenali sebagai Taman Bimbingan Kanak-kanak yang diletakkan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat yang dikenali sebagai Tabika KEMAS atau Tabika Perpaduan. Sehingga 2012, terdapat 10,816 buah Tabika KEMAS.

Akan tetapi pendidikan pra-sekolah swasta ini telah meninggalkan impak yang besar kepada sistem pendidikan pra-sekolah yang dibangunkan kerajaan. Ini kerana terdapat jurang yang besar antara pra-sekolah swasta dan juga kerajaan. Perbezaan yang ketara dari segi kurikulum, guru, kemudahan, kelengkapan pembelajaran, pengajaran dan sumber kewangan. Mengambil contoh kemampuan anak-anak yang boleh menguasai ilmu membaca yang bukan di tahap usia mereka menjadi satu kebanggaan kepada ibu bapa. Sedangkan di KEMAS, anak-anak hanya diajar sesuatu yang relevan dengan usia kanak-kanak tersebut.

Oleh itu, realiti yang ada di negara ini, ibu bapa berpendapatan tinggi dan tinggal di bandar misalnya, kurang berminat menghantar anak mereka ke pra-sekolah seperti KEMAS. Pilihan mereka adalah seperti *Brainy Bunch*, *Montessori* dan lain-lain lagi. Adakah KEMAS dilihat kurang menjamin tahap pencapaian anak-anak mereka? Sekiranya ia benar berlaku, maka amat malanglah bagi ibu bapa yang berpendapatan sederhana dan rendah serta tinggal di pinggir bandar atau luar bandar yang tiada pilihan melainkan terpaksa menghantar anak mereka ke KEMAS yang pastinya dilihat mempunyai taraf pendidikan yang rendah berbanding dengan tabika swasta.

Kita lihat hari ini kerajaan memperuntukkan RM530 juta bagi program pra-sekolah yang mana diharap kementerian yang berwajib perlu mengkaji semula keperluan kurikulum KEMAS agar seiring dengan tadika swasta yang kebanyakannya mengambil silibus kurikulum dari luar negara yang syarikat induknya membuka francais di negara ini bagi tujuan melihat apakah silibus berkenaan sesuai diguna pakai bagi memperkasa kurikulum KEMAS.

Selain dari itu kemungkinan juga berlaku kurang populariti Tabika KEMAS di kalangan ibu bapa di bandar ini mungkin kerana tiada publisiti oleh kementerian berwajib terhadap Tabika KEMAS. Dicadangkan selain mengkaji semula kurikulum Tabika KEMAS, kerajaan juga harus memberikan maklumat yang jelas kepada ibu bapa berkenaan kurikulum, kelayakan guru dan kemudahan yang disediakan oleh Tabika KEMAS agar ibu bapa tertarik menghantar anak-anak mereka ke Tabika KEMAS. Ibu bapa yang kurang berpendapatan mampu memberikan situasi pembelajaran yang kondusif dengan kurikulum yang holistik di kalangan guru-guru KEMAS yang terlatih.

Dalam Bajet 2014 juga kerajaan telah memperuntukkan pemberian yuran taska sebanyak RM250 sebulan kepada ibu bapa berpendapatan bulanan tidak melebihi RM900 untuk menghantar anak-anak mereka ke taska swasta yang berdaftar di bawah JKM. Persoalannya, mengapa kerajaan mencadangkan bantuan itu untuk diberikan kepada tadika swasta dan bukan Tabika KEMAS?

Alangkah baik sekiranya kerajaan mempertimbangkan dana sejumlah RM15 juta dalam Bajet 2014 ini bagi memberi manfaat kepada 3,334 kanak-kanak di bawah usia 4 tahun itu dibelanjakan untuk tujuan menaik taraf kurikulum peralatan pengajaran dan pembelajaran murid dan guru-guru di Tabika KEMAS ini. Supaya ibu bapa kurang berkemampuan juga dapat merasai nikmat kebajikan yang disalurkan oleh kerajaan kepada anak-anak mereka yang mendapat pendidikan holistik. Sebagaimana di tadika swasta di negara ini yang tumbuh bagaikan cendawan selepas hujan yang menjadi pilihan utama ibu bapa yang berkemampuan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh tentang pembangunan sumber manusia. Sumber manusia amat penting dalam menggerakkan pertumbuhan ekonomi, politik dan sosial sesebuah negara. Maka, wajarlah sumber manusia menjadi tunjang sesebuah negara itu mempunyai kualiti dan kebolehan yang dapat meningkatkan harga modal insan itu sendiri.

Cabaran besar bagi Malaysia sebenarnya adalah sejauh mana kita dapat membangunkan dan mempersiapkan sumber manusia yang holistik. Mencakupi modal intelek, mempelbagaikan kemahiran seni dan pertukangan, kemahiran komunikasi, kemahiran *interpersonal*, berfikir kreatif dan inovasi. Dalam penyediaan sumber manusia ini, kerajaan tidak menghadapi masalah mencipta lebih banyak peluang pekerjaan kepada golongan muda. Namun, berdepan cabaran berhubung isu kebolehan pasaran siswazah.

Memetik kenyataan Menteri Belia dan Sukan, saudara Khairy Jamaluddin berkata, isu berkenaan masih sukar diselesaikan. Ini kerana terdapat jurang yang besar antara siswazah dan pihak industri. Menurut beliau, isu itu juga sering dibangkitkan dalam pertemuannya dengan pihak swasta dan syarikat milik kerajaan GLC, sekali gus memerlukan pendekatan proaktif dalam menanganinya.

Dalam penyediaan sumber manusia ini, kerajaan dalam Bajet 2014 telah menyediakan RM400 juta bagi syarikat yang berdaftar untuk memberikan peluang pekerjaan mengikut program *up-skilling* dan *re-skilling* yang boleh dimanfaatkan juga oleh syarikat untuk melatih para *apprentice* dan bakal pekerja. Malahan dalam usaha meningkatkan kualiti sumber manusia ini, bagi bukan lepasan siswazah iaitu yang hanya lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM), kerajaan telah menyediakan Dana Pinjaman Latihan Kemahiran berjumlah RM330 juta di bawah Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran Kementerian Sumber Manusia.

Oleh itu, jika keluhan Menteri Belia dan Sukan itu bahawa lepasan ijazah tidak boleh dipasarkan, di mana silapnya walaupun ia bukan isu baru. Ini kerana terdapat 13,000 majikan berdaftar di bawah Kementerian Sumber Manusia. Jika siswazah tidak boleh dipasarkan, sudah tentu lepasan SPM dan STPM juga terpalit, tidak dapat memenuhi pasaran kerja yang dikehendaki oleh majikan dalam sektor industri atau profesional di negara ini.

Dalam memenuhi pasaran kerja, pastinya bagi wanita, komitmen mereka pada keluarga menyebabkan mereka tidak memohon pekerjaan dan memilih untuk menjadi suri rumah tangga sepenuh masa. Namun, keperluan wanita dalam mengisi ruang pekerjaan antara lelaki dan wanita akan menjadi lebih luas sekiranya wanita terpaksa mengorbankan segulung ijazah atau kemahiran mereka semata-mata untuk membesarkan anak atau menjaga ibu bapa yang uzur.

Saya bersetuju dengan keputusan kerajaan bagi memastikan pekerja dapat mengimbangi antara kerjaya dan komitmen keluarga terutama pekerja wanita. Satu persekitaran pekerjaan yang lebih fleksibel patut diwujudkan.



Perkara ini sudah lama diperkatakan tetapi kebanyakan majikan masih lagi tidak mahu melepaskan pekerja wanita mereka mengikut *flexible work arrangement* yang memberi kelonggaran tempoh, tempat dan waktu berada di tempat kerja.

■ 1700

Ada yang kata ia sesuai untuk kerja seperti dalam sektor perkhidmatan, jurujual insurans, jualan langsung MLM dan bukan dalam kategori pekerja profesional seperti *lawyer*, doktor, ahli akademik dan lain-lain. Bagi saya, *flexible work arrangement* ini tidak akan dicapai sasarannya untuk beberapa tahun mendatang selagi majikan dan pekerja tidak menguasai teknologi ICT yang semakin meningkat maju sebagaimana negara Barat.

Di rantau Asia saya mengambil contoh di negara Jepun, mereka sudah mengamalkan kaedah "*small-office/home-office*" atau SOHO, lebih 20 tahun. Akan tetapi Malaysia, baru mula memperkenalkan kaedah ini di bawah program yang dilaksanakan misalnya oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dalam kalangan suri rumah yang menjalankan perniagaan menerusi pemasaran *internet* di beberapa jabatan dan agensi kerajaan yang lainnya. Akan tetapi, ia masih lagi tidak meluas kepada majikan-majikan swasta. Kesimpulannya ialah kerajaan dan majikan swasta perlu menyediakan bajet yang besar untuk tujuan memperkasakan sistem pengurusan teknologi secara bersepadu bagi membolehkan sumber manusia ini berinteraksi secara maya, audio dan visual di mana sahaja mereka berada tanpa perlu melaporkan diri bertugas lapan jam sehari atau kerja lebih masa di pejabat.

Antara cabaran terbesar dalam mengungguli modal insan juga ialah menyediakan latihan kemahiran bagi memenuhi permintaan pasaran kerja. Kerajaan akan menambah RM150 juta bagi tambahan 6,800 jururawat. Saya suka menarik perhatian Dewan yang mulia, berkaitan persoalan jururawat. Seketika dahulu kita dimaklumkan Malaysia kekurangan jururawat sehingga memaksa Kementerian Kesihatan merekrut jururawat dari negara ASEAN dan Komanwel bagi mengatasi masalah kekurangan jururawat di negara ini. Menterinya ketika itu Dato' Seri Liow memaklumkan 11 bahagian dikenal pasti mengalami masalah kekurangan jururawat. Antaranya Unit Rawatan Rapi, Unit Pediatrik, Unit Kecemasan dan Onkologi, terbaru Hospital Serdang, Hospital Sungai Buloh dan Hospital Sungai Petani tidak dapat membuka wad tertentu termasuk ICU akibat faktor yang sama. Maka kerajaan pun mengambillah jururawat dari India ala Karisma Kapoor rupanya.

Pada bulan Ogos tahun 2007 pula, Kabinet meluluskan cadangan pengambilan jururawat asing dengan anggaran 1,300 jururawat dalam masa tiga tahun. Secara mendadak, tiba-tiba jururawat melambak dalam pasaran. Kerajaan membuat keputusan, Jemaah Menteri telah berbincang dan bersetuju supaya satu moratorium atau penangguhan diadakan terhadap kelulusan kursus dan penubuhan IPTS yang menawarkan program Diploma Kejururawatan. Menteri yang sama berkata, "*Sudah banyak sangat kursus Diploma Kejururawatan yang ada sekarang. Kita sekarang hendak menggalakkan kursus kejururawatan dalam bidang ijazah pula. Kita juga hendak menggalakkan jururawat sedia ada untuk mendapatkan ijazah pada bila-bila masa*", kata Menteri tersebut dalam satu sidang akhbar.

Pada 8 Oktober 2012, Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Dr. S. Subramaniam berkata, "*Sebanyak 8,000 lepasan bidang kejururawatan di negara ini gagal memperoleh pekerjaan dalam bidang yang sama di sektor kerajaan mahupun swasta*". Keadaan itu dikatakan disebabkan oleh mutu lepasan jururawat yang rendah serta ketidakseimbangan peluang pekerjaan. Mengambil kira perkara ini, kita sedang bekerjasama secara berterusan dengan Kementerian Kesihatan bagi menyelesaikan isu pengangguran dalam kalangan golongan tersebut terutamanya jururawat-jururawat lepasan kolej swasta. Malah Menteri Sumber Manusia mengatakan mereka melihat beberapa modul yang boleh diguna pakai seperti menawarkan latihan praktikal kepada lepasan jurusan kejururawatan yang sudah bertahun-tahun menganggur bagi membuka peluang mereka terlibat dalam dunia pekerjaan.

Jadi, saya hendak tahu dalam Dewan ini, realiti keadaan yang sebenarnya. Adakah kita ini menghadapi masalah lambakan jururawat ataupun kekurangan? Realiti di luar sana, terlalu ramai mereka daripada lepasan kejururawatan ini masih menganggur, masih lagi menanti pekerjaan dan terpaksa bekerja dalam bidang yang bukan mereka pelajari. Jadi, saya ingin minta penjelasan terperinci, jumlah jururawat luar yang ada di Malaysia dan mereka yang menganggur dan bagaimana kita hendak mengatasi dengan peruntukan bajet baru?

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh sedikit tentang warga emas. Secara keseluruhannya, unjuran daripada statistik bagi tempoh 2010 hingga 2040 menunjukkan penduduk umur bekerja antara 15 tahun hingga 64 tahun perlu menanggung jumlah penduduk tua yang semakin meningkat iaitu daripada 5.1 peratus pada tahun 2010. Dijangka pada tahun 2015 akan meningkat kepada 8 peratus dan seterusnya dijangka akan lebih meningkat pada 11.4 peratus pada tahun 2040. Ini memandangkan kepada kualiti kesihatan, kesejahteraan kehidupan yang telah dibina oleh negara tersebut menyebabkan kita boleh berusia lebih tua daripada yang dijangka. Kerajaan perlu memandang serius kepada kelompok penduduk lanjut usia ini daripada segi penjagaan kesihatan.

Penyediaan rumah jagaan orang tua yang berpusat serta bantuan kewangan bagi warga emas yang tiada sumber pendapatan, warga emas miskin dan warga emas tunggal tanpa waris. Ini bagi tujuan mengelak beban hutang ahli keluarga yang kurang berkemampuan untuk menanggung warga emas yang kurang berupaya dan sakit terlantar.

Daripada kajian Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pula menganggarkan Asia akan mempunyai 859 juta penduduk yang berumur 65 tahun ke atas menjelang tahun 2050. Satu peningkatan yang cukup besar berbanding 269 juta orang pada tahun 2010. Justeru, apakah persediaan negara Malaysia ke arah penyediaan kemudahan kepada keperluan penduduk tua negara ini menjelang tahun 2040 yang dianggarkan berjumlah 4,401.5 juta warga emas bakal berada di negara ini? Antara enam persoalan yang perlu dijelaskan- saya ingin bertanya:

- (i) adakah kerajaan bercadang menyediakan geran dan latihan khusus untuk membuka perniagaan penjagaan warga emas di negara ini?;
- (ii) adakah kerajaan bercadang mengambil pembantu warga asing yang diberikan latihan oleh agensi pembantu rumah untuk berkhidmat khusus bagi menjaga warga emas?;
- (iii) adakah kerajaan bercadang membuka klinik atau hospital warga emas dikendalikan oleh kerajaan atau swasta yang berpusat khusus untuk memberi perkhidmatan kecemasan apabila warga emas memerlukan bantuan dan merawat pelbagai penyakit yang mungkin akan dikendalikan oleh sukarelawan?;
- (iv) menyediakan kemudahan penjagaan warga emas di kawasan komuniti setempat yang lebih sistematik dan tersusun di setiap pembangunan perbandaran di kawasan-kawasan bandar ataupun separa bandar dan luar bandar di negara ini;
- (v) adakah kita bersedia untuk menganjurkan projek berkala bersama sukarelawan bagi membantu warga emas yang hidup sendirian dan juga warga emas yang mempunyai keluarga dengan menyertai program ini, yang mana dapat membantu mereka daripada kesunyian dengan kelas keagamaan, lawatan, gotong-royong, berkebun dan lain-lain mengikut kesesuaian?; dan
- (vi) di manakah peranan pusat zakat dan Baitulmal bagi memperkasakan membantu golongan warga emas terbiar ataupun warga emas tunggal ataupun tanpa waris yang ditinggalkan bersendirian?

Tuan Yang di-Pertua, teras bajet yang kelima...

**Puan Bathmavathi a/p K. Krishnan:** Boleh...

**Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim:** Adalah menyejahterakannya...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada yang hendak mencelah Yang Berhormat.

**Puan Bathmavathi a/p K. Krishnan:** Boleh mencelah?

**Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim:** Silakan.

#### ■ 1710

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Puan Bathmavathi a/p K. Krishnan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak mengutarakan satu isu mengenai warga tua atau warga emas yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi menjelang tahun 2040, 11.4 peratus daripada penduduk negara kita akan terdiri daripada warga emas. Bagi warga emas, bukan sahaja rumah penjagaan warga emas harus difikirkan tetapi juga kemudahan di tempat awam, bangunan dan juga pengangkutan. Ini kerana kajian menunjukkan bahawa jangka usia meningkat. Jadi terdapat warga emas yang masih aktif walaupun dia sudah menjadi warga emas, dia masih aktif dan boleh pergi ke tempat lain, boleh hidup seperti orang biasa juga tetapi mereka memerlukan kemudahan-kemudahan.

Walaupun sekarang ini hanya ada 460,000 yang berdaftar dengan JKN tetapi bukan kesemuanya dapat ditangkap oleh JKM. Ada ramai lagi yang belum kita kenal pasti. Orang biasa atau orang yang normal pada hari ini semakin dia menjadi tua, dia akan kehilangan pendengaran dan penglihatan juga semakin kabur serta pergerakan juga akan semakin menjadi masalah.

Jadi disebabkan keadaan ini, kita harus menyediakan kemudahan-kemudahan yang sesuai bagi warga emas ini yang jumlahnya akan meningkat menjelang tahun 2040. Ia bukan sahaja...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Cukuplah itu Yang Berhormat. Ia menjadi hujah, bukannya pencelahan. Sambung balik Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bahawa sebahagian besar daripada warga emas ini masih lagi boleh berkhidmat, cuma mereka memerlukan sedikit bantuan untuk membolehkan mereka terus berkhidmat. Pandangan Yang Berhormat tadi adalah sebahagian daripada hujah saya, Tuan Yang di-Pertua.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, teras bajet yang kelima adalah menyejahterakan kehidupan rakyat yang mana kerajaan telah memperuntukkan RM8.8 bilion untuk PDRM dan Angkatan Tentera Malaysia sejumlah RM13.2 bilion untuk tujuan memperkasakan PDRM dan ATM termasuklah untuk memantapkan Operasi Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah atau ESSCOM sebanyak RM75 juta. Ini bertujuan untuk menjamin keselamatan laut, persisiran dan darat tanah air.

Namun, saya terpanggil untuk menyentuh mengenai bajet oleh Kerajaan Pusat kepada kerajaan negeri untuk disalurkan kepada institusi Islam di negara ini kepada pegawai-pegawai penguat kuasa agama yang ditugaskan untuk menjaga keselamatan dan keamanan akidah umat Islam di negara ini. Adalah penting kerajaan turut memikirkan tugas dan tanggungjawab pegawai penguat kuasa akidah di setiap jabatan, majlis agama Islam ini yang berhadapan dengan bahaya kepada keselamatan diri dan keluarga mereka sebagaimana juga tugas seorang pegawai polis dan juga tentera.

Mengimbas semula kes pembunuhan pegawai penguat kuasa Jabatan Agama Islam Pahang atau JAIP yang mati ditembak dua das di dada dan satu das di kerongkongnya kerana mengetuai intipan ajaran sesat seperti Tuhan Harun. Malahan, kita juga boleh mengimbas bagaimana Ketua Pengarah Kastam yang juga ditembak mati beberapa bulan yang lalu di persimpangan lampu isyarat di Putrajaya ketika Allahyarham dalam perjalanan ke pejabatnya, telah ditembak oleh suspek yang hanya bermotosikal.

Banyak berlaku kejadian pegawai penguat kuasa yang diugut bunuh, diugut dcederakan, digertak oleh ahli-ahli kumpulan yang mula menyedari kegiatan mereka diintip oleh pegawai penguat kuasa agama. Betul, tidak ada akta yang membenarkan mana-mana pegawai penguat kuasa agama menyimpan pistol untuk keselamatan diri sebagaimana tugas seorang pegawai atasan penguat kuasa kastam, imigresen, maritim, RELA dan JPJ. Sekurang-kurangnya, kita mohon pihak kerajaan memikirkan bajet untuk disalurkan kepada kerajaan negeri bagi pegawai penguat kuasa agama yang ditugaskan membuat penyamaran dan pengintipan untuk menyelip masuk di dalam kawasan ajaran sesat.

Jika boleh, dalam bajet ini dibuatkan bajet tambahan kepada keperluan pegawai penguat kuasa agama diberikan kemudahan peruntukan untuk memasang CCTV di rumah kediaman mereka ataupun menyediakan kemudahan telefon *wireless* yang mana mereka boleh berhubung terus dengan pihak polis jika berlaku kecemasan dalam kerja intipan atau mengesyaki mereka diekori oleh suspek.

Dengan menggunakan cara konvensional menjejaki suspek dengan lakaran wajah sahaja, hasilnya kurang tepat bahkan menyukarkan kerja polis menjejaki suspek berbanding imej dalam sebuah kamera litar tertutup atau CCTV untuk tujuan forensik dan disebar kepada orang awam. Saya percaya, kerajaan juga berkeyakinan keupayaan CCTV ini untuk memudahkan kerja penyiasatan apabila telah meluluskan RM20 juta dana bagi menambah 496 bilangan CCTV kepada 25 kawasan pihak berkuasa tempatan dalam bajet ini.

Bagi memastikan keselamatan, kita juga meminta kerajaan mengetatkan undang-undang penggunaan cermin gelap. Buat masa ini, penggunaan cermin gelap terhadap semua kenderaan perlu mematuhi piawaian yang ditetapkan di bawah Kaedah-kaedah Kenderaan Motor (Larangan Mengenai Jenis-jenis Kaca Tertentu) 1991. Kadar ketelusan cahaya yang dibenarkan bagi cermin hadapan mestilah melebihi 70 peratus manakala lain-lain cermin iaitu cermin sisi dan belakang mestilah melebihi 50 peratus. Syarat ini sangat longgar sekarang dan sebab itu kementerian tidak mempunyai rekod berhubung senarai jenis kenderaan import yang telah dilengkapi dengan cermin gelap.

Begitu juga pengecualian yang begitu mudah bagi penggunaan cermin gelap dengan mudah boleh diberikan pertimbangan atas alasan faktor keselamatan dan kesihatan pemohon. Dengan mudah pemasangan cermin gelap atau *tinted* boleh dibuat oleh pengeluar-pengeluar tempatan, apa lagi bagi kenderaan-kenderaan *recon* dan juga import.

Kaedah 11(a) dan 11(b) menyebut hanya kenderaan milik kerajaan yang digunakan individu seperti Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Raja Negeri, pemangku raja, pembesar memerintah negeri, bakal raja, TYT, hakim, pegawai polis atau tentera seperti yang dinyatakan oleh Ketua Polis Negara atau Ketua Turus Angkatan Tentera sahaja yang boleh menggunakan cermin gelap.

Jelas, tidak dibenarkan kepada orang biasa tetapi kedai-kedai aksesori telah menawarkan pemasangan bahkan mendakwa pihak JPJ memberikan kelulusan. Apabila ada permintaan daripada orang awam, banyakkah kedai-kedai yang menawarkan.

Apa yang berlaku kepada kes-kes yang telah saya sebutkan, tembakan daripada kereta dan sebagainya di mana kita tidak dapat mengesan penjahat-penjahat yang berada dalam kereta yang bercermin gelap ini, maka saya ingin bertanya, adakah pihak berwajib sekiranya berlaku kesalahan pihak individu menggunakan cermin gelap yang lebih daripada had yang ada, apakah ada tindakan, apakah denda yang telah dikenakan? Pernahkah pihak berwajib mengadakan OPS Gelap? Dan bagaimanakah proses pemeriksaan yang dilakukan oleh anggota penguat kuasa JPJ ke atas kenderaan yang menggunakan cermin gelap? Adakah penguat kuasa JPJ akan menahan kenderaan tersebut? Dan jika dia menahan, alat apakah yang digunakan untuk mengukur tahap ketelusan cahaya yang dikatakan 70 peratus, 50 peratus dan sekiranya menggunakan alat pengukur ini, kalau adalah dengan menggunakan alat-alat tertentu, sekiranya ujian mendapati kereta ini tidak patuh kepada tahap ketelusan yang telah ditetapkan, adakah saman dikeluarkan?

■ 1720

Adakah mereka yang telah melakukan kesalahan ini diberi tempoh untuk menukar cermin mereka dan diminta hadir semula untuk membuktikan bahawa mereka telah mengikut atau patuh kepada undang-undang yang menetapkan tentang keselamatan dari segi pemakaian cermin gelap? Bagaimana pula tentang pemasangan langsir Tuan Yang di-Pertua. Hari ini kereta bukan saja macam rumah, pasang langsir, itu belum lagi kita bercakap tentang boneka-boneka yang penuh seperti kereta boneka bergerak, pokok-pokok bunga plastik yang penuh dalam kereta, sehingga menyebabkan keadaan keselamatan tidak lagi menjadi sesuatu yang perlu dititik beratkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah kepada KDN yang menyediakan KPI perkhidmatan pasport dengan servis tujuh hari seminggu dan mampu siap dalam tempoh sejam. Namun bagi menambahbaikkan perkhidmatan ini, saya suka mencadangkan supaya kerajaan memikirkan bagaimana membuat peringatan atau *reminder* secara automatik kepada rakyat bahawa bila pasport akan tamat tempoh lagi enam bulan, mereka tidak boleh lagi pergi ke luar negara.

Syarikat penerbangan Garuda hari ini secara automatik apabila kita membuat pembelian tiket *online* maka syarikat penerbangan Garuda akan mengeluarkan *reminder* sebelum tiket ke luar negara itu dikeluarkan supaya pembeli menyemak pasport mereka, apakah pasport ini masih lagi *valid* sehingga enam bulan. Ini kerana menjadi tradisi bahawa apabila pasport enam bulan lagi tamat tempoh Tuan Yang di-Pertua, kita tidak boleh ke luar negara. Akan tetapi hal ini tidak ditulis di dalam pasport dan difahami sahaja. Jadi saya minta supaya kita memberi peringatan memudahkan rakyat kerana terjadi mereka yang sudah pun beli tiket, sampai di *airport* tidak boleh hendak masuk ke negara tertentu kerana visa tidak boleh dikeluarkan apabila pasport tamat tempoh enam bulan lagi. Maknanya masih ada, tetapi tinggal enam bulan kita sudah tidak boleh lagi untuk pergi ke luar negara dengan tempoh tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pernah berkata bahawa peranan wanita tidak boleh diketepikan dalam proses transformasi. Ini kerana mereka merupakan satu daripada modal insan. Wanita perlu diberi ruang dan peluang yang besar dalam bidang ekonomi dan politik. Jika negara maju mahu wanita ini tidak diasingkan. Ini kerana negara akan kehilangan 50 peratus daripada potensi kemajuan negara jika tiada pembabitan wanita. Malah transformasi ini seharusnya bermula di peringkat akar umbi untuk membina keyakinan diri wanita dengan menganjurkan lebih banyak program untuk remaja perempuan, beliawanis, suri rumah, wanita berkerjaya, wanita usahawan untuk mentransformasikan diri mereka untuk mengisi perancangan khusus dalam Dasar Wanita Negara sebagaimana yang telah digariskan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Justeru bajet yang disediakan oleh kerajaan kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sebanyak RM2.2 bilion untuk melaksanakan pelbagai program. Di antaranya penubuhan Akademi Inovasi Wanita diharapkan tidak hanya tertumpu kepada merangka program kepimpinan keusahawanan dan inovasi tetapi program-program tersebut perlulah jauh ke hadapan dan bukan lagi bersifat konvensional. Antaranya perlu ada program berbentuk membina keyakinan dan kepimpinan dengan mengambil modul bertaraf antarabangsa yang telah diaplikasikan oleh negara-negara maju dalam latihan sumber manusia. Perlu mengadakan program latihan kemahiran yang lebih berinovasi, bukan lagi bersifat konvensional dan membuka peluang keusahawanan wanita berskala besar dan tidak lagi berstatus peniaga kecil dan sederhana.

Dalam program ini kita akan dapat mengenal pasti indeks keupayaan wanita dan apakah cabaran-cabaran yang menghalang wanita untuk berubah. Sekurang-kurangnya dalam meningkatkan sasaran 30 peratus wanita sebagai pembuat dasar dan 55 peratus wanita sebagai tenaga buruh negara dalam usaha menjayakan agenda transformasi untuk mencapai sebuah negara berpendapatan tinggi. Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Saya hendak mencelah ini bukan apa Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi bila Yang Berhormat telah menyebut tentang keperluan berubah sikap itu. Ini ialah *favorite subject* saya sejak empat, lima tahun di Dewan ini. Akan tetapi yang saya agak terkilan sikit, Yang Berhormat hanya menumpukan keperluan merubah sikap itu kepada wanita sahaja, sedangkan perubahan sikap itu saya rasa memerlukan keseluruhan masyarakat. Sudah berkali-kali saya mencadangkan dalam Dewan ini supaya pelbagai transformasi yang diusahakan oleh kerajaan sekarang, perlu juga disertai dengan transformasi sikap.

Oleh kerana itu saya mengalu-alukan sangat perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat tadi. Akan tetapi saya hanya agak terkilan hanya ditumpukan kepada wanita saja. Apakah ini bermakna bahawa pihak lain tidak perlu mengubah sikap?

**Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim:** Terima kasih Yang Berhormat, saya berpandangan wanita selaku tulang belakang, berubah wanita, berubahlah yang di belakang itu. Jadi wanita yang ini kena berubah dahulu dan saya pasti dengan perubahan yang ada pada wanita, ia akan menarik semua yang lain untuk mengikuti kepada perubahan... *[Disampuk]* Regal itu, dia tulang di depan sahaja Yang Berhormat. Jadi yang di belakang itu kalau tidak ada tulang belakang Yang Berhormat hendak duduk pun tidak boleh Yang Berhormat ya? Tulang belakang itu kena jaga lama.

Jadi bagi membolehkan wanita bekerja dengan tenang dan menyumbang Tuan Yang di-Pertua, mereka memerlukan sedikit bantuan terutamanya bantuan amah atau pembantu rumah bagi meringankan tugas di rumah.

Ekoran beberapa laporan, rakyat Indonesia tidak mendapat layanan baik daripada majikan, Kerajaan Indonesia melaksanakan pembekuan sementara amah pada 26 Jun 2009. Tidak lama kemudian Kerajaan Kemboja pada Oktober 2011 pula mengeluarkan arahan membekukan penghantaran rakyatnya bekerja sebagai pembantu rumah di Malaysia berikutan beberapa kejadian serupa. *Alhamdulillah*, laporan akhbar pada baru-baru ini menyatakan Menteri Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi berkata, lebih ramai pembantu rumah warga Kemboja akan diambil bekerja di negara ini selepas kedua-dua negara bersetuju memeterai perjanjian pengambilan pekerja asing dalam masa terdekat.

Menurut Menteri pihaknya menjangkakan sebanyak 1,000 pembantu rumah dari negara Kemboja akan dibawa masuk ke Malaysia setiap bulan bergantung kepada permintaan. Jika kita perhatikan apabila pembantu-pembantu ini didera maka ia menjadi isu antara *G-to-G*. Ia menjadi isu besar yang akhbar membesar-besarkan cerita ini, sedangkan dalam masa yang sama cukup ramai anak-anak warga Malaysia majikan yang menjadi mangsa penganiayaan oleh pembantu, tidak pula digemburkan. Cerita pembantu melarikan wang majikan, melarikan anak majikan bahkan suami majikan, menculik bahkan anak di dera oleh pembantu sehingga dipusing-pusing bagai menebar roti canai. Lebih banyak daripada mereka ini didera.

Saya memohon kementerian melihat kebajikan majikan-majikan wanita juga. Tidak dapat dinafikan jika ada yang mendera ambillah tindakan yang sewajarnya. Ini kerana hak asasi manusia mahu pun dalam agama tidak pernah membenarkan berlakunya penzaliman. Akan tetapi saya melihat hak majikan ini lebih teraniaya. Saya sendiri pernah merasai apabila pembantu lari, majikan tidak dapat berbuat apa-apa, tiba-tiba hilang kuota untuk mengambil pengganti. Apa yang kita dapat cuma boleh membuat repot polis sahaja. Gaji... *[Disampuk]* Kena denda lagi, itu betul, terima kasih Yang Berhormat. Gaji minimum yang dituntut RM700 hingga RM800 sangat besar. Insurans terpaksa kita beli bahkan mereka menuntut lagi cuti di hujung minggu. Jika mahu bekerja di tambah lagi gaji mereka RM50 sehari. Bererti gajinya RM1,000.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Saya boleh mencelah sekali Yang Berhormat. Ini saya minta maaf tidak terlalu serius tapi saya perlu juga ditimbulkan pada petang-petang begini. Betulkah ada pembantu rumah yang melarikan suami majikannya? Atau suami yang minta dilarikan? *[Ketawa]* Saya memerlukan *accuracy*, ketepatan informasi Yang Berhormat itu.

**Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim:** Saya rasa lebih tepat suami lari ikut pembantu rumah agaknya Yang Berhormat *[Ketawa]* Apa penyelesaian isunya sama ada suami yang lari ikut pembantu atau pembantu yang melarikan suami, yang menanggung kerugiannya adalah pihak majikan di sebelah wanita ini. Jadi saya ingin memohon supaya perkara ini dilihat. Ramai sebenarnya pembantu rumah ini dilayan dengan baik, ada diberi peluang belajar, gaji tidak pula dipotong bila baju hangus digosok, pinggan mahal dipecahkan, lain yang disuruh, lain yang dibuat.

#### ■ 1730

Saya ingin memohon supaya kementerian meneliti sudut kebajikan majikan dan bukannya hanya mempertahankan pembantu rumah sehinggakan majikan-majikan wanita ini dirasakan teraniaya dengan tuntutan yang berlebihan.

Tuan Yang di-Pertua, bajet kali ini juga tidak meminggirkan golongan karyawan, seniman dan budayawan. Mereka dilihat sebagai komponen yang turut serta membina peradaban, jadi mereka tidak ketinggalan. Seni dalam konteks Islam mengandungi beberapa ciri sebagai komponen bersepadu yang melengkapinya antara satu sama lain iaitu keindahan, unsur moral, kepelbagaian dalam kesatuan dan hubungan antara agama, etika dan estetika. Seni merupakan salah satu aspek potensi yang dianugerahkan Allah SWT kepada manusia dan terdapat aktiviti tertentu yang dibolehkan dalam Islam selagi ia tidak berlebih-lebihan atau melanggar batas-batas syariat seperti sabda Rasulullah SAW... *[Membaca petikan hadis Rasulullah SAW] Ertinya, "Bahawa Allah itu sangat indah dan sentiasa menyukai yang indah".*

Adalah jelas bahawa Islam bukanlah agama yang mengharamkan kesenian tanpa sebab. Hal ini kerana kesenian adalah sebahagian daripada hiburan, manakala keperluan kepada hiburan pula adalah sebahagian daripada fitrah seseorang manusia. Ada pun kemampuan menciptakan seni merupakan salah satu perbezaan antara manusia dan makhluk lainnya yang harus tetap dilestarikan selagi wujudnya peradaban manusia. Salah satu cabang seni adalah seni lakon, seni perfileman iaitu dua gabungan seni yang digarap melalui penulisan skrip, pelakon yang membawa watak dan medium yang diterjemahkan kepada khalayak sama ada melalui pementasan teater, radio, televisyen, mahupun layar putih.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Mantan Profesor Komunikasi, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Dr. Naim Ahmad berkata, *"Pokok pengertian filem Islam adalah maksud Islam itu yang antara lainnya membawa maksud selamat, aman, tenteram, patuh dan bersih daripada segala sesuatu.* Oleh itu, filem Islam dan filem berunsur Islam dua ungkapan yang berbeza, amat berbeza".

Filem berunsur Islam merujuk kepada filem yang antara paparannya mengandungi unsur-unsur yang selaras dengan tuntutan Islam, namun tidak keseluruhan filem tersebut Islam. Mungkin ia Islam daripada aspek naratif, mungkin juga Islamnya daripada sudut dramatik atau sinematografi, simbiotik, aplikasi atau mungkin juga Islam daripada segi teknikal ataupun kontekstualnya. Filem Islam adalah filem yang mana konsepnya memerlukan kupasan luaran dan dalaman. Aspek ciri dan konsep lain yang berkaitan, malah pengertian Islam itu sendiri perlu jelas agar pengertian dan roh Islam itu benar-benar berada dalam filem sehingga ia dapat dianggap filem Islam dan bukan berunsur Islam.

Pemilikan siaran televisyen terbahagi kepada tiga. Televisyen kerajaan iaitu TV1, TV2 dan TV Al-Hijrah. Stesen televisyen swasta milik Kumpulan Media Prima seperti TV3, NTV7, TV9, 8TV, selain televisyen satelit milik swasta seperti ASTRO. Dalam setiap stesen televisyen ini hanya TV Astro Oasis dan Hijrah sahaja menyediakan bahan dakwah islamiah yang komprehensif dalam bentuk hiburan, drama, bual bicara, majalah dan realiti TV berbanding penyiaran drama di TV1 dan TV3. Syarikat produksi tidak terikat dengan garis etika penerbitan sebuah drama dakwah berbanding stesen TV Astro Oasis dan TV Al-Hijrah yang mana meletakkan syarat skrip dan lakonan perlulah berunsurkan dakwah dan menepati syariat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, panjang lagi?

**Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim:** Sikit lagi sahaja Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey.

**Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim:** Bagi penulis skrip, kriteria mesej dakwah hanya dilihat daripada segi niat untuk menyampaikan sesuatu mesej tentang Islam dan kebanyakan syarikat produksi mempunyai panel syariahnya sendiri untuk menilai sebuah skrip sebelum dihantar kepada pihak JAKIM untuk menerbitkan dan menghantar kepada stesen TV. Namun, skop yang lebih besar perlu dilihat dalam industri lakonan dan pembikinan filem di negara ini. Ianya adalah penghasilan karya di kaca televisyen. Di Malaysia, adakah wujud sebuah produksi yang benar-benar bebas daripada unsur maksiat dalam penghasilan sebuah produksi sama ada untuk drama, filem atau teater.

Saya petik kenyataan bekas pelakon dan penyanyi sensasi Waheeda di media yang mengatakan beliau sukar ketika berada di lokasi penggambaran untuk melakukan solat. Tempat persalinan bercampur antara lelaki, jurusolek lelaki menyolekkan wanita, jurusolek wanita menyolekkan lelaki, bahkan ada yang tidak keruan jantinyanya. Belum lagi cerita pengarah menggatal dengan artis dan *sexual harassment*. Inilah realiti betapa kita ingin sekali melihat produksi yang benar-benar berlandaskan syariat daripada awal proses pembikinan produksi ini untuk sebuah penerbitan teater, drama, dan filem.

Persoalannya di sini, saya melihat pendakwah perlu menceburkan diri dalam industri ini, mendekati golongan penggiat seni, berdakwah melalui medium ini. Jika pendakwah menjauhi, siapakah lagi yang akan masuk menyebarkan dakwah di kalangan mereka ini dan industri ini terus dimonopoli oleh orang Melayu yang tidak ada seninya itu dipinggirkan daripada segi Islamnya.

Saya ingin bertanya, adakah pihak kerajaan sudah bersedia membuat undang-undang dan bukan sekadar garis panduan. Apa yang ada pada hari ini hanyalah sekadar garis panduan semata-mata. Di Iran misalnya sudah wujud syarat dan peraturan daripada kerajaan untuk memaksa pengkarya mematuhi syariat dalam pembikinan produksi drama dan filem. Akan tetapi dalam usaha beberapa stesen yang meletakkan syarat untuk menghasilkan drama berunsur dakwah, kita tidak boleh memandang rendah kerana kita telah melihat hasilnya di televisyen apabila tiada lagi adegan berpegangan tangan, berpelukan lelaki dan perempuan dan yang saya paling rasa alergi sekali apabila setiap adegan suami dan isteri itu, perlukah dipaparkan di atas katil? Saya rasa suami dan isteri bercakap di pelbagai aksi, tidak perlulah di atas katil.

Ini bermakna demi sebuah perniagaan dan tanggungjawab sebagai penggiat drama dan filem, mereka perlu akur walaupun terpaksa menolak bulat-bulat nilai kreativiti dan kebebasan berkarya oleh sebab kepatuhan syariat itu haruslah diketatkan. Maka kita yakin dengan peraturan sedemikian tidak hanya terikat kepada syarikat televisyen semata-mata, malah syarikat produksi juga perlu peka.

Terakhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang golongan penjawat awam. Bagi memastikan keadilan dicapai bagi semua pihak, kita mohon pihak kerajaan mengkaji semula penyambungan kontrak pengurusan tertinggi, ketua-ketua jabatan, ketua-ketua pengarah berpangkat JUSA setelah cukup tempoh mereka bersara wajib. Kerajaan perlu mengadakan satu formula dan KPI yang boleh mengukur dan menilai. Jika pegawai-pegawai ini benar-benar *outstanding*, cemerlang, berjaya meningkatkan prestasi jabatan dan Kementerian, maka wajarlah disambung. Jika semasa dalam perkhidmatan tiada pembaharuan, hanya merupakan pelaksana semata-mata, di mana keperluan untuk menyambung bahkan adalah lebih baik diberi peluang pegawai selepasnya menunjukkan kepimpinan mereka. Keadaan sambung kontrak tanpa ada satu KPI tertentu hanya akan menzalimi pegawai lain yang layak dinaikkan pangkat. Lebih teruk daripada itu, penjawat awam kanan yang pencen disambung pula jika bukan sebagai kontraktor, diletak pula dalam GLC yang bukan bidang mereka.

Jika benar mereka ini berwibawa dan mempunyai idea-idea baru untuk GLC, sangat dialu-alukan. Akan tetapi sebahagian daripada mereka dahlah tiga kali kontraktor, sambung GLC dan selepas itu kita tidak nampak pun kebaikan bahkan makin teruk lagi ada. Jadi jangan kerana kasihan atau kerana orang itu kenalan orang tertentu atau sekadar mengenang jasa, maka kita meletakkan sesuatu tidak kena pada tempatnya. Bimbang pesan Nabi... [*Membaca sepotong hadis*] Ertinya, "*Apabila kamu meletakkan kepimpinan itu kepada yang bukan ahlinya, maka nantikan kehancuran*". Saya ingin mencadangkan KPI penjawat awam juga didasarkan kepada perhubungan politik dalaman supaya pegawai-pegawai penjawat awam ini tidak statik, tidak terpisah daripada dasar dan spirit pelaksanaan sesuatu dasar. Tidaklah nanti Menteri cakap lain, pegawai pula tidak pandai hendak melaksanakan kerana tidak memahami suasana politik.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja perbahasan saya. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Itu *motivator* bercakap [*Ketawa*]. Baiklah, sekarang saya persilakan Yang Berhormat Dato' Boon Som.

■ 1740

5.40 ptg.

**Dato' Boon Som a/l Inong:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi saya ruang untuk membahas Bajet 2014 dalam Dewan Negara yang mulia ini. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak di atas pembentangan Bajet 2014 yang memberi fokus, "Memperteguhkan Ketahanan Ekonomi dan Memperkasa Transformasi". Saya melihat sasaran itu, adalah realistik berikutan peningkatan kadar pertumbuhan ekonomi negara ke tahap 5 peratus telah capai pada suku ketiga tahun 2013 berbanding dengan suku pertama 4.1 peratus dan kedua 4.4 peratus tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, setiap tahun kita mengimport bahan makanan hampir 20 bilion tiap-tiap tahun. Statistik menunjukkan bahawa oleh Lembaga Pertubuhan Peladang, agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Pada Disember 2012 sebanyak 45 peratus daripada 826 ahli Persatuan Peladang merupakan mereka yang 60 tahun ke atas dan 40 peratus atau 330,000 berusia di antara 40 hingga 59 tahun. Manakala mereka yang berusia di bawah 40 tahun adalah seramai 15 peratus. Ini bermakna bahawa di bidang pertanian kita kurang mengambil perhatian. Malah dahulunya kita ada Universiti Pertanian Malaysia yang sentiasa menjalankan penyelidikan terhadap pertanian.

Ini kerana itu adalah *basic*. Bahan makanan kita- *population* kita hanyalah 28 bilion. Jadi kalau kita memperkasakan pertanian ini kita mampu untuk menyuap setiap mulut penduduk Malaysia ini.

Jadi sekarang ini, baru ini saya berjumpa dengan graduan yang baru keluar- yang berkelulusan dari Universiti Pertanian di Holland. Kini beliau merupakan pengurusan pertanian yang berjaya di Perth, Australia. Beliau bekerja di sini selama lima tahun di bawah JPA. Oleh sebab itu beliau terpaksa berhijrah. Beliau menyatakan bahawa beliau merupakan pelajar yang terbaik, *top student* di Holland masa itu dan oleh kerana bidang pertanian ini tidak diambil penting oleh Kerajaan Malaysia, beliau bekerja di sana lima tahun dan beliau berpindah ke Perth. Dari situlah beliau menjalankan penyelidikan sehingga beliau menjadi petani yang berjaya.

Jadi masalah sekarang ini, apabila saya bawa pelawat Malaysia ke Thailand, apabila sampai di sana mereka katakan, "*Oh! beras Siam ini sedap, wangi*". Akan tetapi kita ada MADA di Kedah, kita tidak menggunakan kesempatan untuk penyelidikan yang lebih baik untuk membawakan benih-benih padi dan pertanian yang lain untuk menjadikan satu perusahaan yang besar-besaran.

Sebenarnya Korea dahulunya - sebenarnya pemakanan adalah penting untuk rakyat Malaysia ini, satu untuk memberikan kesihatan, kebijaksanaan. Sebenarnya Korea dahulu, sama rendah dengan kita. Malah semasa zaman dahulu sama rendah. Sekarang, disebabkan pemakanan mereka lebih tinggi daripada kita dan rakyat lebih mempunyai pemikiran yang lebih baik daripada kita. Dahulunya bola sepak kita boleh lawan dengan Korea, *anytime*. Akan tetapi sekarang ini kita kalah kepada Korea. Oleh itu sistem pemakanan kita adalah penting. Saya jumpa seorang doktor, doktor kata memang gaji kita *basicnya* RM3,500 sebulan bila *fresh graduate*.

Akan tetapi dia kata, *without* pertanian, *we cannot survive*. Sebab apa? Walaupun gaji kita RM3,500 keluar daripada *fresh graduate* tetapi patut kita utamakan pegawai pertanian ini supaya menyelidik pertanian ini supaya lebih bermutu dan petani kita supaya dapat mengusahakan bahan makanan. Supaya kita tidak kerugian RM15 bilion hingga RM20 bilion kita kehabisan wang untuk mengimport barang-barang ini.

Sekarang ini Korea telah menyewa tanahnya di Vietnam untuk tanaman padi. Begitu juga Singapore sekarang ini, ayam hidup dia tidak boleh bawa masuk dalam Singapore. Dia kena bungkus, dipeliharanya di Johor. Pengusahanya di Johor. Jadi kita ada tanah di Sabah dan Sarawak. Kita harus perluaskan tanaman-tanaman makanan ini untuk rakyat kita supaya apa-apa jadi di negara lain seperti di Perlis sekarang ini kita sudah kehilangan ladang tebu. Sekarang ditanam dengan pokok getah, jadi bahan makanan ini. Di Kedah, kawasan MADA daripada 10 tahun dahulu saya ada di Kedah, kawasan itu masih yang sama juga tanpa memperluaskan pertanian ini. Tanah semakin sempit sekarang ini dengan pertumbuhan ekonomi dan pembangunan. Jadi bajet yang begitu tinggi untuk Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani ini tetapi tidak digunakan secara yang betul. Jadi saya mohon supaya Jabatan Pertanian ini perlu diperkasakan supaya Institut Pertanian ini perlulah berfungsi yang lebih baik lagi.

Pada tahun depan 2014, tahun melawat Malaysia. Persediaan kita bukan sahaja terhadap bangunan fizikal tetapi kita perlu menyediakan pembangunan mental. Satu daripadanya adalah daripada pembangunan fizikal. Sekarang ini saya tengok kebanyakan *toilet* di stesen petrol ini amat kotor sekali. Kalau pergi *compare* dengan Thailand, malah orang boleh mandi bersih di sana. Akan tetapi kita hairan kenapa Malaysia tidak boleh buat macam itu, kotor hendak pergi kencing. Akan tetapi di PLUS, saya puji *Highway R&R area* ini bersih. Akan tetapi bila kita pergi ke restoran nasi kandar, kita pergi ke *petrol kiosk* untuk buang air kadang-kadang pili pun rosak dan air pun tidak ada.

Saya mintalah supaya kerajaan mengadakan penguatkuasaan yang lebih hebat bukan *seasoning enforcement* tetapi perlulah *concern approach* untuk kebersihan supaya itu adalah mencerminkan jiwa masyarakat kita. Seperti di Titiwangsa juga, hendak *toilet* pun susah. Oleh sebab apa? Ada *toilet* satu sahaja. Kadang-kadang tutup, pukul 7 sudah tutup. Jadi, kita haruslah menyediakan prasarana yang baik untuk rakyat asing melawat negeri kita.

Satu lagi, di pintu sempadan. Saya sendiri mengalami pengalaman. Baru-baru ini saya balik daripada bercuti di Thailand, di Bangkok. Dalam perjalanan masuk ke KLIA itu saya pakai pakaian biasa sahaja dan saya masuk saya ambil trol, selepas itu ambil tiga beg sebab sembilan hari bercuti di Bangkok. Jadi beratlah beg-beg itu. Jadi saya melalui kastam. Di depan saya itu tujuh orang bawa beg besar tidak diminta *discan*. Akan tetapi saya diminta *discan*. Saya dengan bawa budak kecil, letak di atas trol itu diminta *discan*. Saya kata saya mintalah beri kelonggaran tetapi dia kata tidak boleh. Dia kata, "*You terpaksa juga*". Saya pun- itulah tugas hakiki kastam.

Jadi saya pun *scan* tetapi saya buat lawaklah dengan kastam itu. Saya kata, "*Saya lelaki seorang sahaja dan yang lain perempuan semua, tujuh orang itu. Tolong angkatlah*". Saya buat lawak. Akan tetapi dia dengan muka masam, dia kata, "*You kena scan*".



Saya pun *scan* beg itu. *Scan* beg itu sampai di penghujung itu ada pegawai kastam seorang lagi kerana apa yang saya tegur dekat kastam ini, dia marah. Dia minta *passport* saya. Dia kata dia hendak *copy passport* saya itu untuk buat laporan. Saya pun tidak tunjuklah saya Ahli Dewan Negara. Saya tunjuk sebagai manusia biasa. Jadi saya harus merasakan apa yang rakyat merasa. Jadi apabila sampai situ dia ambil *passport* dia tunggu lama hendak fotostat *passport* saya.

Saya kata, "*Anak saya tunggu sana, tolong cepat sikit fotostat passport saya itu*". Selepas itu dia pun kata, "*Itu adalah tugas saya*". dia kata. "*Kalau encik tidak suka, saya ada hak untuk halau encik keluar*". Selepas itu saya pun tunggulah. Saya pun tunggu, lepas itu fotostat semua siap. Selepas itu saya ambil gambar, 15 minit gambar di situ. Mat Salleh yang pakai cantik lawa tidak *discan*. Akan tetapi orang Asia kita yang *discan*. Jadi *double standard* saya nampaknya. Ini kerana adakah Mat Salleh itu tidak menyeludup barang? Saya tidak hairan kalau negara kita menjadikan *transit centre* untuk dadah sebab kita tidak periksa. Kita buat *random checking*. Jadi *checking* pula dia tunjuk kita buat pemeriksaannya mengikut apa kehendak kita. Sepatutnya seperti di Australia, di Thailand, di Dubai kita *check* semua, *scan* semua tanpa pilih kasih.

#### ■ 1750

Itu adalah tugas kastam sebenarnya, bukannya *random*. Ini *random*, dipilih pula warna kulit. Jadi, apabila saya keluar daripada situ, saya *call* pegawai Datuk Omar. Dia boleh menjawab dengan lembut, menjawab dengan baik. Itulah segelintir manusia yang membawa kerosakan imej negara kita. Jadi, orang macam itu kita kena buat latihan. Saya minta pihak kastam, pihak imigresen supaya letakkan pegawai-pegawai yang berhemah, yang beri senyuman di pintu-pintu masuk, dengan kita pada tahun 2014 adalah Tahun Melawat Malaysia.

Satu lagi kita harapkan supaya masyarakat kita berniaga, berniaga itu, berniaga ini tetapi bila membuat permohonan lesen bukan main susah. Ada sahabat saya, dia sudah masuk *course* untuk mendapat lesen hartanah. Tiga tahun sudah dia tunggu, sampai sekarang tidak dapat, bahkan beliau buat secara *illegal* sekarang ini dengan mengambil pekerja sampai 20 orang. Jadi, kalau kita memudahkan perlesenan ini, saya ingat pengangguran ini tidak akan berlaku. Mudahkan mereka, apabila mereka buat silap, kita boleh ambil tindakan. Jadi, memudahkan mereka untuk mendapat lesen. Bila mereka mendapat lesen, mereka buka *business* dan mereka boleh bawa pekerja-pekerja masuk untuk bekerja dengan mereka. Jadi, saya fikir kerajaan, Kementerian Kewangan dan sebagainya membuat satu peraturan, *one-stop-centre* untuk memudahkan mereka untuk mendapat lesen untuk membuka perniagaan supaya masyarakat kita ini lebih kepada usaha perniagaan.

Seperti juga Candi Lembah Bujang. Saya fikir perkara ini amat sensitif kepada semua masyarakat kita. Akan tetapi dengan adanya Yang Amat Berhormat Menteri Besar Datuk Mukhriz, telah membuat satu yang baik untuk menyelesaikan masalah tersebut. Sebenarnya, candi ini ia di tengah-tengah, satu garisan Borobudur, Candi Lembah Bujang dan juga Angkor Wat. Ia satu garis kalau dipandang, kalau diukur ia satu baris. Jadi, saya fikir janganlah gunakan isu politik untuk menyelesaikan masalah ini. Biarlah kita sama-sama mencari jalan bagi menyelesaikan candi. Ini kerana dengan adanya Menteri Besar sekarang ini yang begitu berhemah, beliau akan melakukan yang terbaik untuk semua masyarakat Hindu, Cina, Melayu dan India. Jadi, kita harapkan semua itu akan dapat selesai.

GST – kerajaan akan mengenakan GST 6 peratus...

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** Minta laluan. Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, silakan Yang Berhormat.

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** Saya ingin mencelah sedikit tentang isu Candi Lembah Bujang memandangkan ia terletak di kampung saya sendiri. Saya minta pendapat Yang Berhormat. Adakah Yang Berhormat setuju isu Candi Lembah Bujang itu lebih kepada isu warisan dan tidak ada kena mengena sama sekali dengan isu agama? Ini kerana fakta sejarah menunjukkan kedatangan Kerajaan Hindu dan diganti dengan Buddha dan kembali pada Hindu di negeri Kedah tidak meninggalkan kesan penganutan agama kepada penduduk tempatan. Kewujudan candi itu sebenarnya harus dikekalkan dan digunakan segala akta-akta yang berkenaan untuk mempertahankan warisan tersebut sebagai salah satu warisan negara. Jadi, setujukah ia hanya merupakan satu isu warisan dan bukannya isu agama ataupun bangsa?

**Dato' Boon Som a/l Inong:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memang saya akui bahawa itu adalah warisan untuk sama-sama kita memperbaiki untuk membangunkan warisan itu. Oleh sebab daripada segi longitud, apa yang saya katakan bahawa Borobudur, Lembah Bujang dan Angkor Wat adalah satu garis kalau kita perhatikan sekarang ini. Jadi, adalah harus kita memelihara. Itu candi adalah satu daripada 11 candi sebenarnya. Jadi, Kerajaan Negeri Kedah cuba memperbaiki keadaan dan cuba memulihkan candi tersebut. Jadi, itulah.

GST sebenarnya 6 peratus akan diperkenalkan pada tahun 2015. Memang perkara ini baru. Walaupun 2 peratus, rakyat akan melenting tetapi kalau kita praktis, lama-lama rakyat akan tahu bahawa kebaikan GST ini 6 peratus. Akan tetapi walaupun 2 peratus mereka akan melenting, jadi perkara ini biasa. Kita menjalankan dulu proses GST ini dan seperti yang dianjurkan oleh Yang Berhormat kita supaya kita adakan *booklet*. Dengan *layman* punya perkataan untuk semuanya memahami. Ini kerana kita bukan semuanya yang pergi *overseas*. Ada setengah itu tidak pernah mengalami pun. Benda itu baru. *Cultural shock* to warga Malaysia kita ini. Kita ada *booklet layman* yang boleh difahami. Kita tidak boleh beritahu kata, "Oh itu wang, 160 negara sudah memakai GST itu tetapi Malaysia kita ini belum lagi ke tahap itu". Jadi, bila kerajaan dengar *tax*, mereka pun kata, "Oh, kerajaan ini membawa kesusahan kepada kita".

Terima kasih kepada Kerajaan Malaysia yang telah memberi kepercayaan dan melantik saya sebagai ahli Majlis Konsultasi Perpaduan Nasional. Bagi saya, perpaduan nasional- saya percaya pada peribahasa menyatakan bahawa kita lentur buluh, biarlah waktu rebungunya. Jadi, saya minta Kementerian Pendidikan supaya menggubal sistem pendidikan kita. Satu daripada pendidikan adalah moral. Biarlah pendidikan moral itu bersifat universal tanpa melihat dari segi kaum atau agama supaya tidak ada syak-wasangka di antara kaum yang lain. Bila kita di peringkat sekolah, kita mulakan pelan pembelajaran moral itu. Ini akan memberikan semangat perpaduan di antara negara kita seperti saya alami di Kedah. Setiap pagi di Superkids, di *kindergarten*, setiap pagi mereka beratur dan pelajar-pelajar diberikan ucapan menyatakan bahawa, "*We love our country, we love our Prime Minister and we love our King*". Tiap-tiap pagi mereka nyatakan itu. Jadi, semangat sampai anak-anak saya pun terbawa balik, "*We love our King, we love our Prime Minister, we love our country*". Itulah semangat perpaduan.

Satu lagi patriotisme. Saya tengok bendera Malaysia ini hanya di kibar-kibar sampai luntur di Sungai Petani tanpa dibawa keluar. Saya fikir ada penguatkuasaan ini perlulah melibatkan ganda supaya semangat patriotik ini- bila menyanyikan lagu Negaraku, ada juga pergerakan berjalan-jalan tanpa mempedulikan. Saya ingat semangat patriotisme patut ditanamkan sebab perpaduan ini melalui semangat patriotisme dan moral yang tinggi. Patriotisme, kita tengok di negeri-negeri lain. *I come from Thailand, I come from Korea*. Semangat sekali. Bila kita Malaysia, begitu longgar semangat patriotisme.

Jadi, kita harus tanam semangat patriotisme ini kepada setiap rakyat Malaysia dan gembelngkan kementerian, bukan sahaja kementerian, jawatankuasa perpaduan, Yang Berhormat Menteri tetapi Kementerian Belia dan Sukan. Kementerian supaya- sekarang ini belia lebih utamakan sukan berprestasi tinggi tetapi tidak menyusup, tidak menyerap pada peringkat akar umbi. Di mana dulu kita dengar belia 4B. Begitu efektif sekali. Masuk ke kampung, jadi belia pun merasa bahawa mereka telah dihampiri dan mereka telah bersama kita sementara ini. Jadi, sekarang ini kita asing, kita lebih utama yang mana Media Prima membawakan isu sukan menang sana, sini.

Akan tetapi kita jangan hanya mengharapkan bahawa kita kumpul belia satu juta di Kuala Lumpur tetapi belia di Sabah dan Sarawak tidak akan sampai di Kuala Lumpur. Jadi, kita gunakan satu seperti dulu Menteri Penerangan telah mengeluarkan satu program Semarak yang begitu efektif sekali untuk ke arah perpaduan masyarakat kita ini. Saya rasakan bahawa ia merupakan satu tanggungjawab untuk kita menuju ke arah perpaduan ini.

#### ■ 1800

Seperti juga dari segi parti politik. Saya usulkan bahawa parti-parti politik ini memerintah seperti Barisan Nasional. Kumpulkan semua parti ini seperti mana UMNO, berikan media supaya mereka menyuarakan apa pendapat mereka supaya parti ini bila UMNO, hidup Melayu. Bila parti MIC hidup India, bila Cina MCA hidup Cina. Sampai bila kita hendak bersatu? Jadi, kita kenalah kumpulkan ke satu dewan supaya menyuarakan perasaan kita adalah 1Malaysia. Perpaduan ini bukan tujuan untuk PRU Ke-14 atau PRU Ke-15 tetapi untuk generasi masa akan datang, yang penting.

Jadi pada 15 Disember ini genaplah sepenggal saya menjadi Senator dan saya berterima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua walaupun dia tegas tetapi hatinya baik, sentiasa beri ruang kepada saya bagi menyuarakan apa juga masalah yang dihadapi oleh masyarakat Siam kita. Sejak saya di Dewan Negara ini saya telah berjaya membawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pergi berjumpa dengan kampung Siam dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Tiap-tiap tahun, perkara itu perkara biasa dan telah mendapat peruntukan sebanyak lebih daripada RM4 juta lebih di mana *for the first time*, untuk kali pertama di mana Kerajaan Malaysia telah memberi peruntukan khas *even one-off* tetapi memberi peruntukan khas untuk pembelajaran bahasa Siam.

Di wat Siam sekarang ini 31 sekolah yang diadakan di wat Siam untuk belajar bahasa ibunda, sebanyak hampir RM3 juta diberi oleh Kerajaan Malaysia di Kelantan, di Kedah dan di Perlis.

Kejayaan selepas pertemuan dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan masyarakat Siam pada 25 Disember 2012 di mana di depan 20,000 masyarakat Siam Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa masyarakat Siam adalah mereka yang bumiputera dan mereka mendapat hak apa jua yang terdapat pada bumiputera lain dan di situlah bermulanya masyarakat Siam sekarang ini pengambilan mereka telah bermula. Sekarang ini MARA telah pun memberi *scholarship*, memberi biasiswa kepada pelajar Siam sebanyak 12 orang pelajar Siam untuk belajar di luar negara. Satu daripadanya telah dihantar ke *Imperial College London* iaitu kolej yang ternama, kejuruteraan yang ternama. Top 10 di *Europe Imperial College* dan di Rusia dan sebagainya dan juga pelantikan seorang *three star general, brigadier general* daripada masyarakat Siam dan pegawai JUSA 'C' yang kedua dari masyarakat Siam dan itulah yang menampakkan bahawa daripada Dewan yang mulia inilah dapat kita membela.

Sebagai Senator Ahli Dewan Negara yang mewakili masyarakat Siam saya amat puas hati dengan apa yang dilayani dan apa yang diberi oleh rakyat Malaysia. Dewan yang mulia inilah yang telah memberi jasa kepada saya dan saya berterima kasih kepada Dewan Negara ini dan masyarakat Siam daripada segi sosial media amat berterima kasih dengan kerajaan Malaysia di atas apa yang diberikan selama ini. Unit Peneraju Agenda bumiputera (TERAJU) dan apa jua yang direncanakan dalam bajet untuk bumiputera, saya mintalah supaya kerajaan masukkan masyarakat Siam ini dalam apa jua yang direncanakan untuk bumiputera seperti TERAJU dan seperti TEKUN.

Tadi saya telah membangkitkan mengenai tarif elektrik yang dinaikkan sebanyak 15 peratus, saya mintalah kerajaan mengkaji sebaik-baiknya di mana rumah ibadat ini diberi kelonggaran ataupun diberi potongan tarif serendah-rendahnya kerana peruntukan pengurusan mereka terhadap rumah ibadat ini ataupun masjid, surau, kuil ataupun gereja ini adalah daripada penderma-penderma. Jadi, saya mintalah supaya kerajaan memandang serius perkara ini dan terima kasih. Saya menyokong Bajet 2014.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat mewakili masyarakat Siam. Masyarakat Siam warganegara Malaysia. Malaysia, 1Malaysia semua bangsa. Tadi Yang Berhormat sebut tanggal 15 hari bulan ini Yang Berhormat akan tamat satu tahun. Besar kemungkinan Yang Berhormat akan disambung ataupun tidak *wallahualam*. Sama-samalah Yang Berhormat berdoa dan tanpa membuang masa lagi, saya hendak bagi peluang kepada semua yang sudah mencatat nama ini. Sekarang saya silakan Yang Berhormat Dato' Dayang Hajah Madinah daripada Sarawak.

#### 6.06 ptg.

**Dato' Dayang Hajah Madinah binti Tun Abang Haji Openg:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam 1Malaysia dan salam perpaduan. Terima kasih sekali lagi Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta dalam perbahasan Bajet 2014. Saya hanya ingin menyentuh perkara dan isu mengenai negeri kelahiran saya Sarawak Bumi Kenyalang dan sedikit-sebanyak mengenai wanita dan belia yang terkandung dalam Bajet 2014.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat Sarawak bersyukur dan berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak kerana telah membentangkan Bajet 2014 yang membuktikan Kerajaan Barisan Nasional pusat menunaikan janji dalam merangka peruntukan kewangan yang cukup baik dan bersesuaian dengan keperluan masyarakat negeri Sarawak. Peruntukan bajet tersebut untuk negeri Sarawak meliputi pembangunan luar bandar termasuk program pendidikan, teknologi maklumat dan komunikasi, teknologi biotek dan seterusnya menggalakkan pelaksanaan projek penyelidikan pertanian.

Inisiatif Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memperkenalkan transformasi luar bandar adalah satu usaha pragmatik yang membuahkan kejayaan khususnya di kawasan luar bandar dan pedalaman seperti di negeri Sarawak yang begitu luas kawasan berkenaan. Transformasi luar bandar sekali gus membuktikan aspirasi Kerajaan Barisan Nasional untuk memenuhi keperluan masyarakat secara menyeluruh tanpa meminggirkan mereka yang berada di luar bandar mahupun di pedalaman. Ia dibuktikan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak yang telah kerap turun ke kawasan-kawasan pedalaman di Sarawak sebelum ini dan ia juga membuktikan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengambil berat soal rakyat, masalah rakyat di luar bandar dan pedalaman.

Saya penuh yakin pendekatan "*walkabout*" Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri sehingga sanggup turun padang melawat ke kawasan pedalaman Sarawak akan beliau teruskan sebagai pemimpin yang berjiwa rakyat dan beliau juga sentiasa dekat di hati rakyat Sarawak.

Selain itu, transformasi di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) banyak menyaksikan masalah keperluan asas seperti bekalan air, elektrik dan jalan raya dilihat mencapai matlamatnya di mana rakyat sudah merasai manfaat itu dalam kehidupan mereka dan akan terus menikmatinya dengan adanya peruntukan dalam Bajet 2014. Jelas, rakyat didahulukan, pencapaian diutamakan.

#### ■ 1810

Pada Pembentangan Bajet 2014, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan peruntukan khas RM50 juta kepada negeri Sarawak bagi meneruskan kerja mengukur tanah hak milik adat Bumiputera, *Native Customary Rights* (NCR) yang mula dilaksanakan mulai tahun 2010. Ia mampu mempercepatkan pembangunan di kawasan luar bandar Sarawak yang ketinggalan dalam banyak aspek infrastruktur.

Selain itu, projek naik taraf tiga lapangan terbang di Sarawak iaitu di Sibu, Miri dan Mukah adalah penting bagi perancangan masa depan negeri Sarawak berikutan ketiga-tiga lapangan terbang tersebut berada dalam kawasan Koridor Tenaga Boleh Diperbaharui Sarawak atau SCORE.

Sejumlah RM457 juta juga yang disediakan bagi program pembekalan air bersih dan terawat kepada 8,000 unit rumah manakala RM75 juta untuk membekalkan tangki air di luar bandar dan pedalaman negeri Sarawak juga memberi manfaat kepada penduduk di kawasan berkenaan di Sarawak.

Usaha menaik taraf Lebuhraya Pan Borneo (yang merupakan satu-satunya lebuhraya di Sarawak dan Sabah) dilihat mampu memberi implikasi positif dalam usaha merapatkan jurang pembangunan di kawasan bandar dan luar bandar, selain menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi setempat. Atas faktor-faktor tersebut, saya ingin cadangkan supaya pembinaan Lebuhraya Pan Borneo disegerakan agar kekerapan kemalangan yang berlaku di kawasan tersebut juga dapat dielakkan.

Sarawak menyifatkan pelaksanaan dana pinjaman mudah siswazah yang berjumlah RM50 juta di bawah Tabung Usahawan Siswazah sebagai langkah bijak dan tepat dalam usaha melahirkan lebih ramai usahawan muda berdaya saing tinggi di Sarawak. Dana tersebut juga akan mendorong lebih ramai lagi siswazah menceburi dunia keusahawanan berbanding sebelum ini.

Sarawak juga mengalu-alukan penubuhan Pejabat Pembangunan Usahawan Negara di bawah Unit Strategi Nasional yang diharap akan merancak dan mempelbagaikan lagi aktiviti usahawan di Sarawak. Sarawak kini sedang berusaha untuk menjadi sebuah negeri berpendapatan tinggi menjelang tahun 2030.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang wanita, saya ingin mengucapkan setinggi penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Kerajaan Barisan Nasional kerana tidak pernah meminggirkan golongan wanita dalam bajet setiap tahun dengan pelbagai inisiatif yang diperuntukkan. Dalam Bajet 2014, sekali lagi golongan wanita mendapat pengiktirafan di mana peruntukan RM2.2 bilion kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bagi memberi kesinambungan lebih luas untuk program berkaitan pembangunan wanita dan institusi kekeluargaan.

Walaupun dilihat tidak menyeluruh, inisiatif tersebut banyak menekankan aspek kesihatan, alam sekitar dan pembangunan ekonomi keluarga. Kita mengalu-alukan penubuhan Akademi Inovasi Wanita di bawah naungan Institut Tadbiran Awan Negara (INTAN) yang merangka program kepimpinan, keusahawanan dan inovasi yang bakal melonjakkan fungsi wanita. Ini selaras dengan agenda transformasi negara ke arah memperkasakan kedudukan wanita dalam arus perdana pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua, perkara terakhir yang saya ingin sentuh ialah tentang perpaduan. Dengan berbakikan tujuh tahun sahaja untuk merealisasikan impian kerajaan ke arah menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju berpendapatan tinggi pada tahun 2020, pada hemat saya, kerajaan perlu terus prihatin tentang hal perpaduan di kalangan rakyat negara ini agar sentiasa terpelihara kukuh.

Tiga elemen penting mampu menjadi wadah untuk mengerat hubungan antara kaum di negara ini. Malaysia yang terkenal dengan rakyatnya terdiri daripada pelbagai kaum, agama serta budaya dan fahaman masing-masing terbukti mempunyai satu ikatan kukuh untuk membina perpaduan dalam kalangan rakyat negara ini. Dalam menentukan hala tuju negara, generasi muda masa kini tidak harus melupakan adat tradisi dan budaya masing-masing dalam menghadapi cabaran budaya moden.

Seperti mana yang diketahui, di zaman serba canggih ini, adat, tradisi dan budaya saling berkait rapat untuk membantu negara mengukuhkan perpaduan kaum melalui pelbagai program antara masyarakat berbilang etnik. Seperti mana kita ketahui dan sedar bahawa perpaduan kaum adalah peneraju penting dalam menentukan kestabilan politik, sosial, malah ekonomi.

Mana-mana kerajaan juga pastinya berusaha untuk menentukan elemen-elemen penting perpaduan kaum ini digarap supaya pembangunan sosial, ekonomi dan infrastruktur dapat dicapai.

Masyarakat harus memahami budaya serta seni yang diwarisi sejak beribu tahun kerana ia mampu mewujudkan persefahaman, selain mengeratkan semangat perpaduan di kalangan rakyat negara ini. Penglibatan generasi muda dalam acara kebudayaan seperti ini boleh mengisi masa lapang mereka dengan aktiviti bermanfaat serta membendung gejala sosial seperti budaya lepak, merempit, penagihan dadah, ragut dan sebagainya. Gejala sosial yang melibatkan golongan remaja bukan sahaja melibatkan remaja kelas bawahan, malahan membabitkan kelompok remaja kelas menengah dan kelas atasan. Perkara ini semakin membimbangkan semua pihak.

Satu proses yang menyatupadukan anggota masyarakat dan negara seluruhnya melalui ideologi negara supaya tiap-tiap anggota masyarakat dapat membentuk satu identiti dan nilai bersama serta satu perasaan kebangsaan bersama di kalangan mereka.

#### ■ 1820

Justeru, selari dengan perkembangan semasa, generasi muda perlu didedahkan dengan aktiviti perpaduan masyarakat yang merupakan sebahagian daripada ciri-ciri penting daripada perpaduan negara. Dengan memperbanyakkan aktiviti perpaduan kaum itu, adalah diyakini generasi muda dapat mengenal adat, tradisi dan budaya kita 1Malaysia agar ia tidak pupus ditelan zaman.

Dengan penerangan yang saya nyatakan tadi, saya ingin cadangkan supaya kerajaan melalui Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan, Kementerian Belia dan Sukan atau pihak-pihak yang berwajib supaya berusaha atau membuat pendekatan tertentu bagi mendedahkan belia ataupun generasi muda dengan aktiviti-aktiviti masyarakat selain untuk menyerap semangat patriotik di kalangan mereka. Saya percaya generasi muda hari ini yang berjaya melalui usaha tersebut akan dapat menurunkan usaha yang sama pula kepada generasi muda selepas mereka dan seterusnya.

Mengenai isu kesihatan, seperti yang kita sedia maklum, berikutan penularan jangkitan bawaan virus berakut di beberapa negara luar khususnya pada awal dan hujung tahun seperti H1N1 yang boleh membawa maut. Oleh kerana golongan warga emas mudah dijangkiti memandangkan ketahanan badan mereka sudah menurun, di sini saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan supaya golongan warga emas diberi suntikan percuma iaitu suntikan influenza bagi mencegah H1N1. Ini kerana kita dapati begitu ramai pelancong luar negara akan datang ke negara kita dan kemungkinan di kalangan mereka boleh membawa virus tersebut. Jadi, kita khuatir golongan warga emas kita mudah dijangkiti virus tersebut nanti. Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong Bajet 2014. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Datuk Haji Kadzim Yahya.

#### 6.23 ptg.

**Datuk Haji Kadzim Haji M. Yahya:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak akan bercakap panjang sebab sahabat saya Dato' Jaspal kata dia hendak pinjam masa saya sekejap. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Pembentangan Bajet 2014 oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 25 Oktober lalu tentunya akan memastikan pertumbuhan ekonomi negara terus berkembang maju dan kukuh serta, "Memperteguhkan Ketahanan Ekonomi, Memperkasa Transformasi dan Melaksanakan Janji."

Sudah pastinya bajet berjumlah RM264.2 bilion ini telah dirangka dengan memastikan pertumbuhan ekonomi negara terus berkembang kukuh, mengurangkan defisit fiskal, memakmurkan negara dan mensejahterakan rakyat dalam proses Malaysia menuju ke arah status negara maju berpendapatan tinggi. Dalam bajet ini, sudah tentu kerajaan telah mengambil kira perbelanjaan bagi memajukan negara ini dan sentiasa prihatin terhadap kebajikan rakyat seluruh pelosok negara ini.

Walau sejauh pedalaman Sabah dan Sarawak, sebuah bajet yang menyeluruh memastikan perkembangan positif kepada pertumbuhan ekonomi negara dan kehidupan rakyat keseluruhan. Saya hanya ingin menyentuh kepada beberapa perkara dan antaranya ialah untuk memastikan pembangunan luar bandar di negeri Sabah dan Sarawak khususnya mengenai penyaluran dana untuk pembangunan luar bandar. Kesungguhan Kerajaan Pusat untuk membangunkan negara secara menyeluruh adalah disokong dan dihargai. Pelbagai pendekatan diambil baik dari segi *philosophy*, pembangunan mahupun dasar dan pelaksanaannya terutama sekali dalam memajukan kawasan-kawasan luar bandar.

Justeru itu, ada pendekatan yang perlu diberi perhatian oleh Kerajaan Pusat. Peruntukan sejumlah RM4.1 bilion setiap tahun untuk pembangunan luar bandar di Sabah dan Sarawak memanglah besar jumlahnya.

Akan tetapi, apakah ianya akan dibelanjakan dengan tepat dan memenuhi kehendak sasaran? Tidakkah akan berlaku ketirisan apabila setiap keputusan penawaran tender dan pemantauan pelaksanaan projek-projek berkaitan terus dan mesti ditentukan oleh pusat. Sedangkan kerajaan negeri di Sabah dan Sarawak mempunyai Kementerian Luar Bandar dan Wilayah dan agensi negeri masing-masing dengan mempunyai kakitangan yang layak untuk melaksanakannya bersesuaian dengan keadaan dan kehendak setempat.

Misalnya seperti di Sabah sahaja, kita mempunyai antara 23 sehingga 25 pejabat daerah untuk memastikan kelancaran pelaksanaan projek-projek luar bandar. Justeru itu, mesti ada keselarasan dalam kita membangunkan kawasan luar bandar tanpa fungsi yang bertindih antara pusat dan negeri.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha untuk membangunkan kawasan luar bandar di Sabah dan Sarawak, adalah diharapkan Kerajaan Pusat menyalurkan dana pembangunan tersebut kepada kerajaan dan kementerian negeri yang berkaitan untuk mencapai kejayaan yang lebih berkesan dan bermakna. Penyaluran dana melalui kerajaan negeri bukannya tidak boleh dibuat memandangkan kedua-dua negeri adalah negeri yang diperintah oleh Kerajaan BN. Sudah tentunya Kerajaan Pusat mudah membuat pemantauan dan kawal selia pada bila-bila masa.

Antara isu lain yang saya ingin bangkitkan di sini ialah isu tarif, kenaikan tenaga elektrik. Di sini saya ingin membangkitkan bahawa menaikkan kadar tarif elektrik di Sabah adalah perlu dikaji. Ini kerana di negeri Sabah, pembekalannya masih tidak di tahap yang memuaskan. Walaupun pembekal elektrik di Sabah adalah dikendalikan oleh *Sabah Electricity Board* tetapi pemegang saham utamanya ialah TNB.

TNB memberi alasan bahawa di Sabah ini, masalah mereka ialah kerugian tentang kecurian tenaga elektrik, penyambungan haram. Penyambungan haram ini seharusnya di *address* dengan izin, dengan macam mana untuk mengawal dan mengurangkan serta memastikan penguatkuasaan tentang penyambungan-penyambungan haram ini dilakukan. Selepas itu, barulah difikirkan pembekalan yang lebih stabil dan untuk menaikkan tarif elektrik di Sabah. Ini kerana dengan keadaan pembekalan sekarang, ia masih tidak mencapai kehendak para pengguna.

#### ■ 1830

Mengenai isu keselamatan, kecuali pada awal tahun 1971 tahun 1972 di mana presiden Filipina pada masa itu, mendiang Ferdinand Marcos bercita-cita untuk menyerang negeri Sabah dan pencerobohan baru-baru ini. Negeri Sabah pada umumnya adalah sebuah negeri yang aman dan tenteram. Bagi mereka di selatan Filipina, Sabah adalah sumber barang keperluan dan pekerjaan mereka jika dibandingkan dengan ibu negara mereka sendiri.

Justeru itu, perjalanan keluar masuk di antara rakyat selatan Filipina dengan Sabah adalah begitu kerap berlaku. Serangan pencerobohan di Lahad Datu baru-baru ini telah sedikit sebanyak menguji kesiapsiagaan kita dalam memastikan bahawa keselamatan kita adalah mantap pada setiap masa. Oleh itu segala janji untuk memperkukuhkan pertahanan kawasan khas atau keselamatan benteng timur Sabah atau ESSCOM hendaklah disegerakan kerana ia meliputi kawasan persisiran pantai yang amat luas iaitu dari Kota Marudu hingga Tawau iaitu separuh daripada kawasan persisiran tanah negeri Sabah.

Untuk memastikan pemantauan yang berkesan di perairan di pantai timur Sabah, saya ingin mencadangkan ESSCOM dibekalkan atau ESSCOM menubuhkan dengan segera unit tindak balas cepat khas dan kalau boleh unit ini dilengkapi dengan senjata dan peralatan moden seperti *eye attacking helicopter*. *Eye attacking helicopter* ini mempunyai kemampuan mengesan yang canggih dan unit tindak balas ini boleh bertindak dan mengesan jika berlaku pencerobohan ataupun penculikan.

Penculikan di Pulau Pom Pom baru-baru ini berlaku hanya 16 batu nautika dari sempadan air Filipina. Begitu dekat sekali pulau itu. Dengan kelengkapan yang ada sekarang adalah mustahil untuk anggota keselamatan boleh memintas penculik sebelum penculik tiba di sempadan Filipina. Oleh itu dengan adanya penggunaan *eye attacking helicopter*, pemintasan sebarang pencerobohan dan penculikan boleh dibuat dengan cepat.

Di samping itu, saya juga ingin membangkitkan sedikit perkara mengenai soal keselamatan di KLIA. Di KLIA ini apabila kita memasuki untuk pergi ke ruang berlepas, kita diperlukan untuk melintasi dan *scan* segala beg dan pintu *security*. Akan tetapi bagi saya, saya cadangkan pihak MAB kalau boleh guna belilah mesin yang lebih canggih yang boleh mengesan bahawa tali pinggang itu bukanlah senjata berbahaya. Ini kerana sekarang ini kita diperlukan untuk membuka hingga ke tali pinggang dan kadang kala buka tali pinggang seluar boleh terlondeh. Kita ini kadang-kadang berat badan naik kadang turun, kadang seluar ketat kadang-kadang seluar longgar. Jadi tidak sesuai. Jadi kalau boleh MAB tukarlah mesin yang canggih sikit yang boleh mengesan bahawa tali pinggang ini bukanlah senjata yang boleh memudaratkan penumpang di dalam kapal terbang. Tidak sopanlah nampak kita buka tali pinggang di khalayak ramai. Kalau dia ada kawasan khas tidak mengapa.

**Dato' Khairudin Samad:** Yang Berhormat, mohon mencelah Yang Berhormat. Saya melihat ini Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja lelaki kena buka tali pinggang, yang kesiannya wanita juga kena. Jadi dia terpaksa selak baju dan buka tali pinggang, tunjuk aurat kepada orang. Setuju Yang Berhormat ?

**Datuk Haji Kadzim Haji M. Yahya:** Itu yang tidak sesuainya itu. Jadi itulah saya minta ini dipertimbangkan dan dikaji semula.

Sedikit saya hendak menyentuh tentang sukan. Saya ingin merakamkan tahniah kepada Menteri Belia dan Sukan di atas ketegasan beliau menangani beberapa masalah persatuan sukan dan ahli-ahli sukan. Akan tetapi saya juga ingin mengesyorkan di sini kepada beliau bahawa perkara serius dalam sukan sekarang ialah penjualan *game* sama ada bola sepak, badminton, apa juga sekali pun *game* sekarang menjadi jualan melalui sindiket pertaruhan haram. Kalau ini tidak dapat dibasmi atau dibendung, ahli-ahli sukan kita akan menjadi mangsa kepada sindiket-sindiket sedemikian.

Saya harap beliau akan memberikan banyak fokus dan usaha untuk membasmi masalah seperti begini demi untuk terus memajukan sukan kita yang sedang - tidak tahulah saya kata yang meningkat atau merudum. Kadang-kadang nampak meningkat, esok turun balik, naik balik atau dia macam yoyo, tahap sukan di Malaysia ini. Oleh sebab ada kawan saya hendak pinjam masa saya, Tuan Yang di-Pertua, saya dengan itu mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Datuk Subramaniam a/l Veruthasalam.

#### 6.37 ptg.

**Datuk Subramaniam a/l Veruthasalam:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyentuh lima perkara sahaja. Perkara nombor satu ialah masalah banjir ini berlaku tahun demi tahun, jadi memang tidak masuk akal. Jika kita masih belum bersedia menghadapinya, seharusnya pihak berkuasa sudah mempunyai pelan tindakan yang menyeluruh untuk menghadapi setiap kemungkinan selain daripada persediaan menghadapi banjir tahunan ini.

Kerajaan juga harus mengkaji apakah tindakan jangka masa panjang yang boleh diambil untuk menyelesaikan masalah ini dan bukan sekadar menghadapinya tahun demi tahun. Mungkin satu sistem perparitan dan tambakan boleh dikaji dan diimplementasikan menjelang tahun 2020 untuk mengelak banjir tahunan ini sama sekali.

Saya menggesa pihak berkuasa mengkaji sistem kawalan banjir yang digunakan di negara Netherlands di mana dua per tiga kawasan negara itu merupakan kawasan yang mempunyai risiko banjir. Namun dengan menggunakan kombinasi sistem tambakan yang dipanggil *dyke* untuk air laut dan juga air sungai dan juga sistem perparitan tali air dan pam, masalah banjir dapat dielak dengan berjaya.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara saya ingin utarakan adalah isu kenaikan harga elektrik oleh Tenaga Nasional Berhad. Saya memang faham bahawa kenaikan harga bahan bakar dan pengurangan subsidi sejajar dengan penstrukturan semula ekonomi mewujudkan tekanan yang kuat untuk menaikkan harga elektrik. Akan tetapi pada masa yang sama, kita harus sedar bahawa sebagai sebuah syarikat berkaitan kerajaan, TNB tidak harus semata-mata mengira untung. TNB juga harus mengkaji aspek-aspek lain yang dapat mengurangkan kos operasi sebelum menaikkan harga elektrik.

#### ■ 1840

Tuan Yang di-Pertua, pendidikan vernakular menjadi satu keunikan Kerajaan Barisan Nasional kita. Akan tetapi pada masa ini Sekolah Tamil terhad kepada sekolah-sekolah rendah. Saya ingin sarankan agar sistem bahasa asal pelajar atau *pupil's own language*, dengan izin, dimantapkan lagi di sekolah-sekolah kebangsaan di mana bahasa Tamil diajar kepada semua pelajar India dan bahasa Mandarin pula diajar kepada semua pelajar Cina.

Selain mengatasi kekurangan pengajaran Tamil di sekolah menengah, ini juga akan mengatasi batasan sesetengah pihak untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah kebangsaan dan dapat meningkatkan integrasi kaum di peringkat sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, ramai pelajar kita yang belajar di luar negara menghadapi masalah mendapat pinjaman pendidikan. Saya menggesa kerajaan mewujudkan satu skim pinjaman khusus untuk pelajar kita yang melanjutkan pelajaran di luar negara. Skim sedia ada iaitu Skim Pinjaman Yuran Pengajian Luar Negara oleh JPA tidak cukup *transparent*. Seorang anak penjual putu mayam yang miskin yang berjaya mendapat tempat untuk belajar di Rusia telah gagal mendapat pinjaman selama tiga tahun berturut-turut walaupun pencapaian akademiknya cukup memuaskan. Kerajaan menghantar beribu-ribu orang pelajar keluar negara dengan biasiswa.

Pada masa yang sama, lebih ramai lagi yang melanjutkan pelajar di luar negara secara peribadi kerana tidak mendapat peluang melanjutkan pelajaran dalam bidang yang menjadi pilihan mereka di universiti tempatan. Skim pinjaman yang sedia ada mengambil masa yang terlalu lama dan amat menyusahkan pelajar kita di luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah mengambil keputusan untuk menggazetkan tanah lapang di Bukit Kiara sebagai taman aman berskala besar pada tahun 2007. Namun sehingga sekarang, tanah itu belum digazet. Saya ingin menyarankan agar usaha ini dapat dipercepatkan, taman ini dapat menjadi tarikan pelancong dan pada masa yang sama menyediakan tempat rekreasi untuk rakyat Lembah Klang. Kuala Lumpur dan Lembah Klang amat kurang mempunyai taman awam dan kawasan hijau.

Dalam usaha menambah kawasan perumahan dan bangunan, kita juga harus memastikan bahawa tempat rekreasi juga mendapat kepentingan yang sewajarnya. Saya memohon menyokong. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya dipersilakan Yang Berhormat Puan Hajah Mariany. Silakan Yang Berhormat.

#### 6.43 ptg.

**Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana memberikan peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2014 atau Bajet 2014. Perlu kita tekankan di sini bahawa Bajet 2014 adalah amat penting untuk mengekalkan momentum pertumbuhan ekonomi dan mengekalkan pengurusan fiskal kerajaan menjelang tahun 2020, sasaran ke arah Malaysia sebagai sebuah negara maju.

Seperti mana yang diumumkan bahawa pendapatan per kapita pada tahun 2014 dijangka akan menokok kepada RM34,126 berbanding dengan RM24,879 pada tahun 2009.

Kita di Malaysia amat berbangga kerana Barisan Nasional yang memerintah telah berjaya melaksanakan Dasar Pembangunan Ekonomi dan Sosial dengan menghasilkan ramai kumpulan kelas menengah yang mempunyai pendapatan purata tahunan dalam lingkungan USD6,000 hingga USD30,000 setahun berbanding negara jiran kita di rantau Asean. Ini adalah mengikut pengelasan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi negara-negara membangun.

Walau bagaimana gigih dan komited Kerajaan Barisan Nasional mewujudkan dasar ekonomi yang lebih liberal dan saksama melalui dasar penggajian minimum RM900 sebulan di Semenanjung dan RM800 di Sabah dan Sarawak, pemberian BR1M dan subsidi, Kerajaan Barisan Nasional masih lagi ditohmah sebagai kerajaan zalim yang menekan hidup rakyat semata-mata terpengaruh dengan dakyah parti pembangkang yang mengeksploitasi dasar-dasar terbaik kerajaan untuk mengekalkan pertubuhan mampan ekonomi dan melestarikan agenda memajukan negara bangsa.

Tuan Yang di-Pertua, ada lima teras utama Bajet 2014 iaitu:

- (i) merencanakan aktiviti ekonomi negara utama;
- (ii) mengukuhkan pengurusan fiskal;
- (iii) Modal Insan negara;
- (iv) mempergiat pembangunan bandar dan luar bandar; dan
- (v) menyejahterakan kehidupan rakyat.

Dalam Bajet 2014, kerajaan telah merencanakan beberapa projek berimpak tinggi seperti pembinaan Lebuh raya Banting ke Taiping sepanjang 316 kilometer dan pembinaan Landasan Kereta api Berkembar dari Gemas ke Johor Bahru.

Umum kita mengetahui dengan ada banyak projek sebegini, ia bakal membuka beribu peluang pekerjaan dan peluang subkontrak kepada kontraktor-kontraktor bumiputera. Untuk itu, saya mohon agar kerajaan mengambil langkah yang lebih ketara dengan mensyaratkan agar kontraktor utama mengambil pekerja tempatan pada kadar 75 peratus dan disyaratkan melaksanakan program latihan secara *apprentice* dengan mengambil graduan lepasan sijil diploma dan ijazah dari institusi pengajian tinggi, politeknik kemahiran dan kolej komuniti.



Kerajaan juga perlu memantau secara serius agar program pembangunan usahawan atau kontraktor kecil dan sederhana yang mempunyai keupayaan teknikal dan kompetensi diberikan hak yang lebih adil untuk mendapat pakej kerja dari semua projek berimpak tinggi ini agar *survival* mereka dalam sektor ekonomi negara dikekalkan momentumnya.

Secara tidak langsung, agihan kontrak melalui skim vendor dan program *nominated subcontractor* dapat memanfaatkan sebilangan besar masyarakat usahawan bumiputera. Bagi memastikan semua pakej kerja subkontrak ini dimanfaatkan oleh lebih ramai usahawan bumiputera, saya mohon cadangan agar pengagihan subkontrak ini dilaksanakan secara telus dengan pemantauan yang lebih berintegriti oleh Kementerian Kewangan dan agensi atau Jabatan Teknikal Kerajaan agar tidak berlaku ketirisan, *cartel* dan Ali Baba.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2014, kerajaan mengisytiharkan Tahun Melawat Malaysia dan peruntukan yang besar telah diberikan kepada Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia untuk perbelanjaan mengurus dan pembangunan serta promosi. Berdasarkan Maksud B.31, Lampiran A-penyata bagi jumlah yang diperuntukkan untuk perbelanjaan mengurus tahun 2014, sebanyak RM1.2 bilion dengan anggaran RM714.2 million bagi program pelancongan dan RM505.4 juta bagi kebudayaan.

Sesuai dengan iltizam kerajaan untuk mengekalkan momentum industri pelancongan menjadi salah satu industri tumpuan negara, saya menyokong sepenuhnya hasrat kerajaan menjadikan tahun 2015 sebagai dengan izin, *Year of Festival* bagi penganjuran dan pameran program budaya. Untuk itu saya ingin mencadangkan kerajaan memberikan tumpuan untuk menambahbaikkan peralatan ICT dan teknologi terkini bagi kegunaan muzium di seluruh negara.

Semestinya *branding power* Muzium Negara dan negeri diterjemahkan dengan meningkatkan keupayaan ICT dan perisian kandungan supaya lebih interaktif dan memudahkan tarikan dan promosi untuk menarik lebih ramai pengunjung.

#### ■ 1850

Kita tidak mahu muzium kita popular apabila diadakan pameran hantu dan mistik sahaja. Sesungguhnya keperluan pemodenan dan peralatan bantuan pameran dan interaktif kandungan, bahan pameran diperlukan pada zaman teknologi digital yang canggih ini agar Jabatan Muzium mendapat pendapatan boleh jana melalui tajaan swasta dan pengiklanan komersial yang digabungkan dalam perisian dan alat bantu pameran di semua muzium di seluruh negara.

Saya berharap bahagian ICT Kementerian dan Jabatan Muzium dapat merangka secara serius keperluan pemodenan peralatan digital muzium agar ianya dapat meningkatkan kehadiran pengunjung dan menjadikan muzium sebagai medan *info* sejarah dan akademik untuk melonjakkan nama negara dan membina bangsa Malaysia yang lebih gemilang.

Tuan Yang di-Pertua, kini menyentuh mengenai teras kedua bajet di mana strategi pengukuhan fiskal negara, agenda transformasi perkhidmatan awam dan pengumuman penambahbaikan struktur gaji penjawat awam amat saya hargai. Akan tetapi saya ingin mendesak kerajaan agar menyusun semula prestasi anggota dan pegawai perkhidmatan awam agar ianya lebih berintegriti, amanah dan berjimat cermat dan membelanjakan peruntukan kerajaan dan yang paling penting keupayaan individu melakukan tugas secara *multi tasking*.

Dalam isu meningkatkan integriti penjawat awam, saya terlebih dahulu ingin merakamkan ucapan tahniah saya kepada Tuan Yang di-Pertua kerana dilantik menjadi Pengerusi Jawatan Khas Mengenai Rasuah dan kepada Timbalan Yang di-Pertua Yang Berhormat Datuk Doris dan Yang Berhormat Tuan Mohamad Ezam Mohd Nor kerana dilantik menganggotai JKMR itu.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit:** Dalam memastikan integriti dan isu rasuah ditangani secara efektif dan berhemah serta memastikan perbelanjaan kerajaan dikurangkan, saya memohon agar Kementerian Kewangan menyemak semula secara terperinci ke atas perbelanjaan kerajaan seperti sambutan Majlis Perayaan, Hari Sukan dan Keluarga, persidangan pegawai di seluruh jabatan dikurangkan sepenuhnya.

Begitu juga dengan mekanisme menggunakan institusi pertubuhan kebajikan dan sukan untuk menghalalkan cara bagi memohon satu sumbangan dan derma daripada badan korporat, kontraktor, dan pembekal yang berurusan dengan jabatan kerajaan. Terdapat juga aktiviti sukan dianjurkan seperti pertandingan golf dan *bowling* yang dianjurkan untuk memenuhi tabung pertubuhan kebajikan dan sukan ini. Ini yang mendapat bantahan dan rungutan dari orang awam terhadap modus operandi yang tidak berintegriti dan mendedahkan kepada implikasi berlakunya salah guna kuasa dan aktiviti rasuah.

Tuan Yang di-Pertua, dalam isu pembaziran di sektor awam, saya mohon peruntukan bagi sesuatu jabatan untuk mengadakan mesyuarat atau sesi percambahan minda distruktur semula. Tidak perlu setiap bulan mesyuarat dan persidangan atau bengkel diadakan di hotel atau pun di ibu pejabat. Saya mencadangkan agar perbincangan dibuat melalui media sosial, *whatApp*, *whatApp group* dan *video conference* agar penjimatan belanja ke atas tuntutan perbelanjaan perjalanan hotel dan elaun-elaun tetap penjawat awam kerajaan dapat dilakukan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya bagi merasionalisasikan subsidi minyak pula, umum mengetahui hampir semua orang menentang subsidi minyak ini dikurangkan kerana mereka memberi alasan akan berlaku kenaikan harga barangan atau inflasi. Akan tetapi hakikatnya berpijak kepada bumi yang nyata bahawa sebanyak RM24.8 bilion digunakan untuk produk petroleum dan kedudukan kewangan kerajaan akan terancam. Perlu dijustifikasikan juga bahawa penggunaan yang paling banyak subsidi ini adalah kategori kelas menengah dan bukannya orang miskin atau golongan sasaran yang selayaknya dibantu untuk menerima subsidi.

Oleh itu saya memohon mencadangkan kerajaan mengubah skim subsidi ini dengan segera dan memperkenalkan kaedah yang lebih praktikal untuk rakyat dari kalangan yang disasarkan untuk terus menikmati pembelian produk petroleum untuk kegunaan bukan atas dasar keuntungan. Biarlah pahit ditohmah dan dicaci. Kementerian Komunikasi dan Multimedia serta EPU perlu mengambil peranan meningkatkan sesi maklumat awal yang lebih awal untuk memberikan kefahaman sebenar pengurangan subsidi minyak dan sektor ekonomi negara.

Menyentuh teras ketiga Bajet 2014 di mana program yang lebih bermakna dalam mengukuhkan modal insan kerajaan memperuntukkan sejumlah RM530 juta untuk program prasekolah serta penambahan sebanyak 93 lagi kelas pra sekolah di sekolah rendah jenis kebangsaan. Saya bersetuju dengan rakan saya tadi Yang Berhormat Dato' Mashitah di mana beliau menekankan bagaimana pentingnya prasekolah ini dipertingkatkan dari segi *syllabus* dan juga daripada kakitangan pengajar sekolah tersebut di mana contoh yang diberi adalah sekolah-sekolah swasta dan ala Montessori.

Di sini saya ingin berkongsi maklumat. Saya bersetuju dengan beliau dan ingin berkongsi maklumat bagaimana pentingnya kelas-kelas prasekolah ini diadakan dan diperlukan. Saya ingin berkongsi maklumat ini. Bilangan penduduk Malaysia yang berumur satu hingga lima tahun adalah 5 juta. Jumlah pelajar di prasekolah di sekolah rendah kebangsaan *that is* kelolaan kerajaan adalah 190,874 orang- untuk tahun 2013 sekolah yang menganjurkan kelas prasekolah ini.

Selain itu, ada juga agensi lain yang mengendalikan kelas-kelas prasekolah iaitu kita ada KEMAS yang mempunyai 11,126 kelas. Jumlah pelajar 215,875. Kelas Perpaduan - 1,781, jumlah pelajar 42,972. Kelas di Jabatan Agama Islam – bilangan kelas 1,846, dan jumlah pelajar ialah 28,571, dan di swasta pula, kelas swasta kita ada 23,644 kelas dan jumlah pelajar 240,619. Jelas dengan jumlah-jumlah ini didapati kelas-kelas prasekolah ini amat popular dan ternyata sambutan rakyat terhadap prasekolah kerajaan amat memberangsangkan.

Namun begitu, terdapat keluarga atau pun ibu bapa terutama di bandar-bandar merasa kecewa kerana kelas prasekolah yang dikelolakan oleh kerajaan yang lebih murah tidak banyak di bandar-bandar. Oleh itu ramai yang kecewa dan memohon supaya kelas-kelas prasekolah yang dikelolakan oleh kerajaan ditubuhkan atau pun dibuka di sekolah-sekolah rendah kebangsaan di sekeliling kota, di sekeliling bandar bagi menjamin kecemerlangan pelajar, anak-anak kita. Sekiranya ini dapat dilakukan, dapat mengurangkan perbelanjaan ibu bapa bagi pembayaran kelas prasekolah swasta. Ia dapat dikurangkan.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan menerima bajet sebanyak RM50.57 bilion untuk mewakili sebanyak 23.3 peratus dari peruntukan keseluruhan bajet 2014. Daripada peruntukan ini B.41, sebanyak RM36.55 bilion digunakan bagi perbelanjaan emolumen penjawat awam yang sebahagian besarnya terdiri daripada pegawai perkhidmatan pendidikan siswazah dan bukan siswazah.

Selain itu, terdapat juga peruntukan di dalam bajet RM5.72 bilion di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah yang sebahagian besarnya untuk kegunaan hampir lebih 6,000 Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah yang mengajar di Maktab Rendah Sains MARA, Kolej MARA, Kolej Kemahiran Tinggi MARA, IKM dan Kolej Profesional MARA.

#### ■ 1900

Sesuai dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 hingga 2025, saya mohon mencadangkan agar transformasi menyeluruh dilakukan ke atas pengurusan sekolah-sekolah dan MRSM serta institusi pendidikan agar rencana dan dasar transformasi memperkukuhkan modal insan negara dalam dengan izin, *High Order Thinking Skill* (HOTS) dicapai dengan jayanya.

Selain itu, seiring dengan penambahbaikan skim perkhidmatan guru siswazah dan bukan siswazah berbanding skim penjawat awam lain, saya mohon Kementerian Pendidikan Malaysia dan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah melihat kembali dasar agihan jadual waktu mengajar yang melibatkan anggota pengurusan sekolah seperti pengetua, guru besar, guru penolong kanan dan timbalan pengetua.

Saya mendapat maklumat pada ketika ini ramai penjawat awam yang menjawat jawatan sebagai anggota pengurusan sekolah tidak melaksanakan tugas mengajar kerana alasan sibuk. Senario ini amat mendukacitakan kerana saya mendapat maklum kebanyakan anggota pengurusan sekolah di seluruh negara tidak mengajar. Ini bertentangan dengan Pekeliling Ikhtisas Perkhidmatan Awam Bil. 11/2007 oleh Jabatan Perkhidmatan Awam yang mewajibkan pengetua atau guru besar mengajar sekurang-kurangnya lima waktu seminggu dan timbalan pengetua dan guru penolong kanan..

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, boleh celah sedikit.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada yang hendak mencelah.

**Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit:** Silakan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Yang Berhormat, Yang Berhormat ingat semua guru atau penjawat awam faham kah dasar-dasar transformasi negara? Bagi sayalah, penjawat awam dan guru sebilangan besar tidak faham. Jadi, kalau mereka tidak faham, apa cadangan Yang Berhormat?

**Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya pun tidak faham kenapa guru-guru atau pun penjawat awam yang terlibat itu tidak faham kerana kita ada pekeliling. So, bila ada pekeliling sepatutnya semua akan ambil tahu dan mungkin faham apa yang dikehendaki dengan pekeliling itu.

Tadi saya kata guru besar mengajar sekurang-kurangnya lima waktu seminggu dan timbalan pengetua dan penolong guru kanan mengajar 12 waktu seminggu. Di Maktab Rendah Sains Mara, saya telah dimaklumkan terdapat anggota pengurusan MRSM yang tidak mengajar. Keadaan ini timbul sejak tahun 1993 apabila skim saraan baru dilaksanakan. Antara tugas-tugas pengetua dan guru besar ini adalah mereka akan menjadi pegawai penilai pertama dan penilai kedua prestasi guru-guru. Jadi, guru-guru kerana inginkan prestasi yang lebih tinggi sanggup menerima tugas-tugas yang diberi oleh guru besar. Tindakan sebegini amat merugikan kerajaan dan merupakan senario yang tersasar dari integriti kerajaan. Kita perlu berlaku adil bahawa tidak ada benda yang mudah untuk melaksanakan tugas penyampaian awam tetapi kita harus memikirkan dana awam yang dibelanjakan tidak menepati sasaran yang diharapkan. Saya mohon penjelasan dari pihak Kementerian Pendidikan dan pengurusan MARA tentang bagaimanakah langkah dan pemantauan untuk memastikan isu anggota pengurusan pendidikan mengelak dari melaksanakan tugas mengajar minimum ini diatasi.

Tuan Yang di-Pertua, kita perlu membandingkan skim perkhidmatan guru kumpulan pengurusan ini dengan penjawat awam lain seperti pensyarah dan profesor madya. Ada di kalangan mereka ini menjadi dekan atau pengarah di IPTA. Kadang-kadang menjadi pengetua kolej kediaman pelajar atau pengarah institut penyelidikan tetapi tugas hakiki mereka mengajar kelas *under graduate*, menyelia pelajar sarjana dan PhD, menyelia projek penyelidikan, membuat penyelidikan dan jurnal tetapi tiada pun merungut tentang tugas luar kelas mereka itu. Apa yang disuarakan, mereka katakan bahawa menjadi Timbalan Pengetua Gred DG52 berbanding Profesor Madya Gred DS54 lebih baik sebab mereka lebih banyak masa untuk diri sendiri.

Jadual waktu mengajar hanya ada pada jadual waktu. Hakikat sebenar mereka tidak masuk kelas kerana masa mengajar hakiki mereka telah diagihkan kepada guru-guru lain di bawah pentadbiran mereka. Kita tidak mahu budaya sebegini berlaku di sekolah kerana ini merupakan elemen tidak berintegriti dan merosakkan industri pendidikan kita. Kumpulan pengurusan ini adalah mereka yang berkelayakan tinggi dan juga luas pengalaman. Rugilah kerajaan dan rugilah pelajar-pelajar kita jika mereka tidak...

**Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad:** Minta laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada yang hendak mencelah Yang Berhormat.

**Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit:** Masuk kelas. Silakan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, tadi ada Yang Berhormat kata guru-guru besar, guru kanan bekerja begitu keras dengan guru-guru yang lebih-pensyarahlah.

Akan tetapi saya difahamkan guru-guru besar dan penolong kanan ini ada elaun. Kalau diberi elaun bermakna stabil sedikit. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit:** Memang mereka ada elaun tetapi elaun itu tidak boleh menidakkan mereka untuk masuk kelas kerana tugas hakiki mereka adalah mengajar. Sebagai pentadbir mereka mendapat elaun. Itulah *the extra income* yang mereka dapat untuk tugas pentadbiran.

Oleh itu, saya mohon Kementerian Pendidikan dan MARA apabila memberi jawapan nanti dalam penggulungan untuk mengambil maklum secara serius dan memberi jawapan yang lebih tepat dan berakauntabiliti agar isu anggota pengurusan sekolah tidak mengajar ini dapat diatasi secara berhemah dan bijaksana sesuai dengan pematuhan penjawat awam kepada peruntukan perkhidmatan awam yang sedang berkuat kuasa. Saya juga mendapat rungutan daripada kawan-kawan pensyarah di IPTA. Mereka mengatakan bahawa skim gaji pensyarah tidak pernah disemak dan kali terakhir ia disemak adalah 10 tahun yang lalu. Bayangkan pensyarah yang bergred DS45 di Fakulti Pendidikan yang menanti pencen pada masa yang sama anak-anak murid mereka sudah bergred DG41, DG44, malahan ada yang sudah DG48 dan DG52. Wajar kah skim pensyarah sebegini sedangkan pensyarah perlu *update* nota-nota kuliah, membuat penyelidikan dan sebagainya yang saya sebut tadi? Sudah sampai masanya kerajaan mempertimbangkan gaji pensyarah diberikan kelayakan khas berbanding skim dalam perkhidmatan awam yang lainnya.

Saya ingin bertanya kepada Kementerian Pendidikan, berapa ramai para pensyarah yang sudah ada PhD tetapi tidak dapat kelayakan, kenaikan pangkat sebagai pensyarah kanan gred 52 di seluruh Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia? Apakah kerajaan akan mempertimbangkan sistem *time base* bagi kenaikan pangkat bagi pensyarah-pensyarah ini? Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, dalam aspek menyejahterakan kehidupan rakyat, fokus perumahan mampu milik merupakan agenda yang perlu ditangani secara bijaksana dan berhemah. Projek perumahan atau kediaman mampu milik ini memerlukan sokongan padu rakyat dan agensi kerajaan berkaitan. Perumahan PR1MA dan SPNB perlu dibina segera untuk menampung keperluan golongan yang kurang berupaya untuk memiliki rumah. Untuk memastikan golongan yang kurang mampu untuk membiayai pembiayaan atau pemilikan rumah PR1MA atau SPNB, saya ingin mencadangkan agar kerajaan memperkenalkan skim sewa beli melangkaui dua generasi agar kos pembelian rumah atau ansuran bulanan rendah dan struktur kewangan pemilik mampu milik lebih baik dan selesa.

#### ■ 1910

Dalam Bajet 2014, Kerajaan Barisan Nasional memberikan insentif bagi pekerja swasta yang mencarum dalam skim persaraan swasta atau PRS yang mana skim ini ditawarkan oleh beberapa institusi kewangan yang diluluskan. Skim caruman dan pelaburan ini dikawal selia dan diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti. Walau bagaimanapun, saya amat berdukacita kerana seorang Ahli Parlimen pembangkang telah membuat tohmahan dan memanipulasi isu pengecualian cukai yang dibenarkan dalam skim ini dan membuat tohmahan bahawa kerajaan ini zalim dan jahat kerana mengenakan cukai ke atas jumlah pengeluaran bagi skim persaraan yang diserahkan polisinya sebelum mencapai umur 55 tahun.

Oleh itu, saya mohon sekali lagi pihak LHDN memberikan kefahaman yang sejelasnya mekanisme pengecualian cukai dan penalti cukai yang dikenakan sekiranya polisi skim persaraan ini diserahkan sebelum seseorang peserta skim persaraan swasta ini mencapai 55 tahun.

Akhir sekali, saya dengan ini mencadangkan untuk menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 2014. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya kita ada seorang lagi iaitu Yang Berhormat Dato' Jaspal Singh. Silakan Yang Berhormat.

#### 7.13 mlm.

**Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh:** Selamat petang dan salam 1Malaysia saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua dan rakan-rakan Ahli Yang Berhormat. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk berbahas Belanjawan 2014. Saya mengucapkan tahniah kepada Perdana Menteri kerana telah membentangkan Bajet 2014 yang berciri memperkasakan status kewangan negara.

Dalam Bajet 2014, Perdana Menteri telah mengumumkan pelaksanaan sistem cukai GST. Sistem GST ini dianggap sebagai satu sistem cukai yang lebih berpatutan dan dapat menyelesaikan kelemahan sistem yang sedia ada sekarang ini.

Kerajaan telah meneliti perkara ini dengan terperinci di mana rakyat dan peniaga-peniaga mempunyai masa yang cukup untuk menyediakan diri bagi implementasi sistem ini yang akan dilaksanakan pada bulan April tahun 2015.

Pelaksanaan GST sudah tentu akan memberi kerajaan pendapatan cukai yang lebih saksama untuk memperkuat lagi kewangan negara. Saya mencadangkan kepada Kementerian Kewangan ataupun Menteri Kewangan untuk meneliti balik mekanisme subsidi-subsidi negara terutamanya subsidi minyak. Tahun ini kerajaan telah menaikkan harga minyak sebanyak 20 sen. Saya minta keterangan daripada Menteri Kewangan, apakah jumlah subsidi minyak yang kita berikan, bolehkah kementerian berikan pecahan aman yang diberikan untuk kegunaan kenderaan orang ramai, kegunaan kenderaan komersial, kegunaan industri SME dan kegunaan industri-industri berat?

Saya berpendapat sistem subsidi yang sedia ada ini adalah cara yang lama. Sepatutnya sistem subsidi mesti lebih efisien dan disalurkan kepada kumpulan sasaran yang betul yang memerlukan dan yang terpinggir. Apa gunanya kita memberi minyak, gas atau elektrik yang murah kepada syarikat-syarikat swasta, syarikat-syarikat ladang yang besar termasuk syarikat asing yang nombor satu menggunakan sumber manusia orang asing, bukan orang Malaysia supaya murah dan juga menggunakan sumber asli negara kita dengan harga yang murah untuk mengeluarkan produk-produk dengan kos yang rendah dan kemudian dijual balik kepada rakyat ataupun dieksport dengan keuntungan yang besar.

Sebenarnya syarikat-syarikat ini mesti mencari keuntungan melalui cara lain, cara yang lebih inovasi ataupun dengan pengurusan yang lebih efisien dan bukan bergantung kepada subsidi kerajaan. Bolehkah Kementerian Kewangan memberi penjelasan sama ada skim subsidi sedia ada akan diperbaiki? Saya berpendapat subsidi ini penting tetapi mesti sampai ke *target group* iaitu golongan yang berpendapatan rendah dan terpinggir.

Dalam Bajet 2014, Perdana Menteri telah menghapuskan subsidi gula. Saya setuju dan saya berpendapat subsidi seperti ini kadang-kadang hanya menguntungkan syarikat-syarikat yang memegang monopoli menjual produk seperti ini. Lebih baik subsidi ini diberikan seperti apa yang kita berikan terus kepada rakyat seperti program BR1M.

Saya mencadangkan kepada Perdana Menteri, kita mengambil *step-by-step approach*, dengan izin, untuk membuat satu *review* dan tukar cara di mana kumpulan sasar sahaja yang bermanfaat. Kita mesti juga jangka panjang menghapuskan monopoli barang-barang asas dan dengan izin, *allow free market* supaya rakyat mempunyai pilihan dan dapat harga yang paling rendah sekali.

Tuan Yang di-Pertua, bulan November yang baru lalu ini genap dua tahun saya berkhidmat sebagai Ahli Dewan yang mulia ini. Di setiap perbahasan saya, saya membawa isu masyarakat India dari segi penglibatan mereka dalam arus pembangunan negara. Ekuiti orang India sangkut di angka kurang daripada 1.3 peratus. Saya telah mencadangkan beberapa langkah tetapi nampaknya seperti cadangan ini tidak diambil kira.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Boleh saya mencelah sedikit, boleh? Saya faham perkara yang tersirat di kalbu Yang Berhormat tetapi pada masa yang sama saya ingin mendapat penilaian dan reaksi daripada Yang Berhormat tentang dua orang tokoh yang besar negeri ini. Pertama, Ananda Krishnan dan kedua, Tony Fernandez. Bukankah ini ikon-ikon yang susah untuk ditandingi? Saya hendak mendapat reaksi Yang Berhormat supaya Yang Berhormat tidak mengulang-ulang tentang ketertinggalan orang India itu. Terima kasih.

**Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh:** Terima kasih. *Feedback* daripada Yang Berhormat ini, kejayaan satu atau dua orang tidak merepresentasi majoriti orang-orang India di Malaysia. Memang Tan Sri Ananda Krishnan dan kita baru-baru ini juga ada Tan Sri Gnanalingam tetapi kalau kita ambil lima atau enam orang ini, gabungkan ekuiti mereka pegang, ramai masyarakat orang India mungkin ekuiti mereka kurang daripada 0.5 peratus. Jadi, *it is not a representation of the achievement of the majority of Indians in the country.*

Kerajaan telah banyak kali menyatakan akan membantu dan mengeluarkan program untuk membawa ekuiti kaum India ke 3 peratus. Saya minta keterangan daripada Perdana Menteri, apakah status ekuiti orang India di negara kita pada ketika ini dan langkah-langkah yang telah diambil untuk meningkatkan penglibatan orang India dengan izin, *in the economic pie of the country?* Adakah program-program ini bermanfaat dan tolong beri keterangan bagaimana program-program ini telah membawa kebaikan kepada orang India?

Tuan Yang di-Pertua, kaum India datang ke Malaysia sejak 150 tahun dahulu. Kita semua datang ke sini sebagai tenaga kerja memajukan sektor pertanian negara kita pada peringkat awal. Banyak daripada orang India terlibat membina jalan, membina landasan kereta api dan kita jugalah tenaga kerja awal memasang tiang-tiang elektrik membawa elektrik kepada semua. Di dalam perjalanan ke Malaysia pada awal abad ini, terdapat nota-nota sejarah sebanyak 400,000 orang India telah terkorban.

Kita orang India memang telah memainkan peranan penting memajukan negara Malaysia sehingga hari ini. Kita orang India masih dan selalu dengan Kerajaan Barisan Nasional.

#### ■ 1920

Kita tidak tukar fikiran. Kita tahu bahawa masa depan kita adalah lebih cerah dan lebih terjamin di bawah Kerajaan Barisan Nasional. Majoriti orang-orang India di Malaysia telah menyokong Kerajaan Barisan Nasional dan percaya dengan Aku Janji Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. *[Tepuk]* Saya begitu tersentuh hati dan mengucapkan ribuan terima kasih apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri mengucapkan dalam bahasa Tamil semasa membentangkan bajet menyebutkan *rombe nandri* bermakna terima kasih banyak kepada kaum India di atas sokongan mereka di semasa PRU Ke-13.

Masyarakat India di Malaysia pada masa ini adalah berjumlah lebih kurang 2 juta atau pun 7.2 peratus daripada jumlah populasi negara kita. Walaupun ada yang begitu berjaya dan terkenal dari negara kita, banyak daripada keluarga-keluarga India terpinggir. Dalam kajian yang dibuat oleh Yayasan Strategik dan Sosial beberapa tahun dulu, lebih kurang 30 peratus daripada orang-orang India tersangkut dan tidak dapat keluar daripada belunggu kemiskinan. Saya berasa begitu sedih dan boleh mendengar nadi mereka yang betul-betul mahu bantuan.

Tidak ada golongan yang mahu ketinggalan, tidak ada golongan yang mahu menjadi miskin. Apa yang kekurangan untuk mereka yang tertinggal ini adalah peluang...

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Boleh saya sampuk sedikit? Terima kasih atas penjelasan Yang Berhormat tadi. Akan tetapi saya masih terkilang lagi, soalan saya ialah apa yang telah berlaku dan apa yang telah dilakukan kepada Tan Sri Ananda Krishnan dan Tan Sri... *[Disampuk]* Gnanalingam...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tan Sri Dr. Tony Fernandes.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Tan Sri Dr. Tony Fernandes. Maka mereka sampai ke kedudukan kepada kedudukan ekonomi yang begitu tinggi. Apa yang telah mereka lakukan dan apa yang telah kerajaan lakukan kepada mereka dan adakah perkara yang sama boleh dilakukan untuk semua kaum India? Terima kasih.

**Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh:** Terima kasih di atas celahan tadi itu. Memang ada orang-orang India seperti saya pun Yang Berhormat yang begitu berjaya. Kita bukan hendak cakap tentang satu dua orang. Mereka yang berpelajaran tinggi dengan dorongan ibu bapa, kita semua telah berjaya. Sebab sistem kita adalah daripada sistem keluarga yang disebutkan sebelah pagi tadi oleh Timbalan Menteri KDN tentang keluarga-keluarga yang susah itu. Dorongan ibu bapa kita yang telah membawa kita maju. Memang ada kadang-kadang peluang yang kecil, yang ada *opportunity* macam Tony Fernandes ini, *it is a great entrepreneur*. Akan tetapi bukan semua majoriti yang 30 peratus yang miskin itu, mereka ini mempunyai akal dan minda seperti itu. *They are just normal people. So they need some form of a...*

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Yang Berhormat kalau boleh? Tuan Yang di-Pertua saya timbulkan perkara ini, supaya kita ibu bapa-ibu bapa yang lain, sama ada ibu bapa Melayu atau ibu bapa kaum India dapat mencontohi apa yang telah dilakukan oleh ibu bapa Tony Fernandes, ibu bapa Tan Sri Gnanalingam terhadap sehingga mereka begitu berjaya. Apa yang telah dilakukan oleh ibu bapa Yang Berhormat Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh dan Yang Berhormat Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai sehingga mereka berjaya sehingga hari ini.

Jadi bukan apa, soalnya ini adalah ikon-ikon orang kaya India dan mereka mencapai kekayaan itu tentu ada sebab. Tidak semata-mata kerana pertolongan kerajaan barangkali, ada faktor-faktor dalaman dan faktor luaran yang lain. Ini yang saya rasa kalau kita boleh berkongsi bersama bukan saja untuk membantu kaum India, tetapi juga untuk membantu masyarakat Melayu yang taraf kehidupan mereka pun masih jauh daripada apa yang kita harapkan. Pencapaian Dasar Ekonomi Baru untuk kedudukan ekonomi orang Melayu yang ditargetkan dan disasarkan 30 peratus dulu, tidak sampai. Bila berakhir 20 tahun tidak sampai 22 peratus.

Jadi apa yang saya timbulkan di sini bagaimana kita meneladani kejayaan dan bagaimana kita mendapat mengatasi pelbagai kekurangan dan kesilapan kita selama ini.

**Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh:** Terima kasih Yang Berhormat... Macam Alleycats. *[Ketawa]* Jadi memang saya setuju dengan cadangan Yang Berhormat. Kita boleh mengkaji mereka-mereka yang telah berjaya dan ambil *step* bukan saja untuk masyarakat orang India. Kalau kita hendak tengok orang-orang yang berjaya ini bukan saja orang India, ada orang Cina, orang bumiputera, ada sekumpulan yang telah berjaya, kita memang boleh mengkaji dan mengambil *lesson* kajian ini dan sampaikan kepada semua tidak kira bangsa untuk kita maju. Di mana saya tadi? *[Ketawa]*

Memang ada banyak petanda-petanda yang cukup menunjukkan ramai orang-orang India tertinggal. Saya merayu kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menubuhkan satu unit di bawah kepimpinan beliau untuk mengkaji situasi orang-orang India di Malaysia. Bagaimana ramai orang India boleh memainkan peranan dan menambahkan peratusan penglibatan dalam pembangkitan ekonomi Malaysia. Ini lain, saya hendak *trace* di sini ramai, bukan satu dua individu, kita perlukan arus pembangunan sampai ke ramai orang. Saya setuju dan sokong dengan pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk mengumumkan satu dasar baru, yang agresif untuk mempercepatkan lagi ekonomi bumiputera di Malaysia. Saya setuju.

Saya merayu kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melihat kepada satu program yang lebih kurang sama untuk masyarakat yang tertinggal sama ada orang India, Orang Asli, orang Sabah atau Sarawak. Bagi masyarakat kaum India, baru-baru ini Presiden MIC semasa Mesyuarat Agung MIC telah meminta satu pinjaman khas dengan izin, *softloan* sebanyak RM3 bilion untuk memulakan satu perubahan yang drastik yang akan membawa ramai orang-orang India ke arus pembangunan.

MIC juga telah meminta Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membuka jalan dan memberi peluang yang berpatutan kepada masyarakat kaum India terutamanya remaja-remaja. Semua ini boleh dikendalikan oleh unit baru ini. Saya sungguh berharap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan mempertimbangkan permintaan ini. Saya juga ingin mencadangkan kepada pihak TEKUN yang memberi pinjaman minimum sebanyak RM30,000 tidak perlu kita beri pinjaman lebih kurang, kurang daripada RM10,000. Ini kerana kita lihat tidak bermakna dan tidak boleh membawa apa-apa faedah yang besar kepada satu perniagaan. Tiap-tiap tahun, semasa perbincangan saya, saya akan menyentuh subjek pendidikan.

Pendidikan yang cukup adalah batu asas bagi seseorang untuk berjaya dan menjamin masa depannya. Terdapat lebih kurang 45,000 pelajar-pelajar India tiap-tiap tahun yang menamatkan pelajaran peringkat sekolah menengah. Saya pasti mereka semua ingin melanjutkan pelajaran dan majoriti daripada mereka adalah daripada keluarga yang berpendapatan sederhana atau rendah. Saya begitu sedih kerana pada tahun ini hanya 1,800 daripada 41,547 ditawarkan ke universiti awam. Ini bererti hanya lebih kurang 4 peratus pelajar-pelajar kaum India akan menerima tawaran ke IPTA.

Saya minta keterangan daripada Menteri Pendidikan, sama ada kementerian mempunyai satu pelan induk bagaimana meningkatkan kemasukan pelajar-pelajar India ke IPTA. Saya telah mencadangkan sistem kuota dikembalikan tetapi cadangan saya di tolak dengan sebab sistem meritokrasi adalah cara yang adil. Saya memang setuju dengan sistem meritokrasi jika negara kita telah sampai ke satu tahap di mana kualiti sistem penyampaian pendidikan adalah sama di seluruh Malaysia.

Untuk golongan-golongan yang tertinggal dan di luar bandar bagaimana mereka akan bersaing? Negara maju pun mempunyai kuota untuk golongan-golongan tertentu.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat waktu kita sekarang telah menunjukkan tepat pukul 7.30 petang. Yang Berhormat masih banyak lagikah Yang Berhormat?

**Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhsh Singh:** Adalah lagi [*Ketawa*] Esok.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Mungkin Yang Berhormat boleh sambung semula esok.

**Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhsh Singh:** Okey, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat sebelum saya menangguhkan Dewan ini, saya ada satu pernyataan bahawa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan menjemput semua Ahli-ahli Dewan Negara untuk hadir ke Majlis Makan Malam dan Penerangan yang akan berlangsung di Hilton KL Sentral jam 8 malam ini ya? Jadi saya minta agar semua Ahli-ahli Yang Berhormat dapat hadir.

Dengan itu Ahli-ahli Yang Berhormat, saya menangguhkan Dewan kita hari ini sehingga jam 10 pagi, hari Khamis 12 Disember.

**[Dewan ditangguhkan pada pukul 7.31 malam.]**